

## **Jurnal Pengurusan JAWHAR**

Vol.8, No.1, 2014

### **LEMBAGA EDITOR**

#### **Penasihat**

Datuk Haji Anan bin C Mohd

Ketua Pengarah,

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

#### **Ketua Editor**

Tn. Hj. Mu'az bin Hj. Zawawi

Timbalan Ketua Pengarah, JAWHAR

#### **Sidang Editor**

Tn Hj Mohd Bakri bin Ibrahim

En. Abdul Hakim bin Abdul Rauf

Pn. Norlizah binti Mainoordin

## **Jurnal Pengurusan JAWHAR**

Vol.8, No.1, 2014

### **KANDUNGAN**

<b>Melestari Pembangunan Tanah Menurut Islam</b>	<b>1</b>
Nor Asiah Mohamad	
<b>Peranan Media Massa Dalam Mempromosikan Saham</b>	<b>21</b>
<b>Wakaf Johor</b>	
Mustapahayuddin Abdul Khalim, Noor Hani binti Zakaria	
<b>Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan Dan Pelaksanaan</b>	<b>43</b>
<b>Di Malaysia</b>	
Muhsin Nor Paizin	
<b>Wasiat Kepada Non Muslim: Analisis Dari Perspektif Maslahah</b>	<b>63</b>
Noor Lizza Mohamed Said & Muhammad Adib Samsudin	
<b>Aerosol Optical Properties Over Makkah, Saudi Arabia</b>	<b>81</b>
N. Othman, M. Z. Matjafri, H.S. Lim & K. Abdullah	
<b>Garis Panduan Pelaksanaan Ibadat Haji Dan Umrah</b>	<b>91</b>
<b>Kanak-kanak: Satu Penjelasan Menurut Fiqh Islami</b>	
Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi &	
Dato' Paduka Sheikh Abdul Majid Muhammad Nur	

**Lost In Crowd: The Needs Of Pilgrims Emergency Help** 117

**Pole In Arafah**

Nor Haniza Ishak, Aniza Abdul Aziz, Norhanim Zakaria,

Umi Kalsum Zolkafli & Yacob Omar

**Amalan dan Sistem Perundangan Wakaf: Satu Analisis** 131

**Terhadap Teori Pengaruh Luar**

Razali Bin Othman

## **KATA-KATA KETUA EDITOR**

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.8 No.1,2014 ini. Penerbitan Jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi Lapan penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh Nor Asiah Mohamad bertajuk Melestarikan Pembangunan Tanah Menurut Islam. Artikel ini membincangkan apakah unsur-unsur penting pembangunan tanah berdasarkan perundangan dan praktis yang diamalkan di Malaysia. Artikel kedua, Peranan Media Massa Dalam Mempromosikan Saham Wakaf Johor merupakan hasil penulisan Mustapahayudin Abdul Khalim dan Noor Hani Zakaria dan menceritakan berkaitan pelaksanaan Saham Wakaf Johor yang memudahkan masyarakat Islam untuk mewakafkan wang ringgit mereka. Artikel seterusnya merupakan kertas kerja oleh Muhsin Nor Paizin. Kertas kerja bertajuk Zakat Ke Atas Harta Emas: Amalan dan Pelaksanaanya ini memfokuskan tentang emas yang menjadi sumber kekayaan yang berkembang dan ia wajib dikenakan zakat apabila pemilikannya melebihi nisab. Kertas kerja keempat telah dikarang oleh Noor Lizza Mohamed Said dan Muhammad Adib Samsudin berjudul Wasiat kepada Non-Muslim: Analisis Dari Perspektif Maslahah bertujuan menjelaskan konsep maslahah dalam perundangan Islam selain daripada mengkaji pandangan fuqaha' berkaitan wasiat kepada non-Muslim. Artikel kelima bertajuk Aerosol Optic Properties Over Makkah, Saudi Arabia hasil sumbangan N. Othman, M.Z Mat Jafri, H.S Lim dan K. Abdullah. Kertas kerja keenam bertajuk Garis Panduan Pelaksanaan Ibadat Haji dan Umrah Kanak-Kanak: Satu Penjelasan Menurut Fiqh Islami tulisan Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hanafi dan Dato' Paduka Sheikh Abdul Majid Muhammad Nur. Garis panduan ini bertujuan menerang dan memperjelaskan kekeliruan hukum-hakam yang berlaku di kalangan umat Islam, para mutawwif, petugas haji dan umrah, jemaah haji dan jemaah umrah yang membawa kanak-kanak semasa di tanah suci Mekah. Seterusnya artikel ketujuh yang disediakan oleh Nor Haniza Ishak, Aniza Abdul Aziz, Norhanim Zakaria, Umi Kalsum Zolkafli dan

Yacob Omar bertajuk Lost In Crowd: The Needs Of Pilgrims Emergency Help Pole In Afarah. Kertas kerja terakhir merupakan artikel kelapan yang telah ditulis oleh Razali Othman bertajuk Amalan dan Sistem Perundungan Wakaf: Satu Analisis Terhadap Teori Pengaruh Luar. Kertas ini bermatlamat untuk mengenal pasti apakah asas kewujudan tiga amalan dan sistem perundungan berkenaan dan menganalisis hubungan di antara sistem berkenaan dengan institusi wakaf.

Kesemua penulisan dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada perujuk luar dan dalam serta penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH SWT jua hendaknya.



## **Melestari Pembangunan Tanah Menurut Islam**

Oleh:

**Nor Asiah Mohamad<sup>1</sup>**

### **ABSTRAK**

Tanah adalah aset yang penting bagi setiap individu. Nilai tanah diukur bergantung kepada kandungan dan penggunaan tanah. Artikel ini membincangkan apakah unsur-unsur penting pembangunan tanah berdasarkan perundangan dan praktis yang diamalkan di Malaysia serta prinsip-prinsip pembangunan menurut Islam bersandarkan data-data sekunder yang diambil dari pandangan dan penulisan terdahulu juga autoriti primer yang dirujuk kepada al-Quran dan Hadis. Penulisan ini juga melihat sejauh manakah peruntukan peraturan yang ada dapat memastikan kelestarian pembangunan tanah tanpa berlaku kerosakan kepada manusia atau alam sekitar. Secara umum, perundangan dilihat tidak dapat membendung kemusnahan akibat kerakusan manusia. Undang-undang ciptaan manusia yang diguna pakai ternyata gagal mendisiplin serta menghukum mereka yang tamak dan menyalahgunakan amanah dan peranan mereka sebagai khalifah di muka bumi ini. Kertas kerja ini membincangkan keperluan memastikan mereka yang terlibat dalam pembangunan tanah takut kepada hukuman Allah SWT. Kecanggihan teknologi dan ketinggian ilmu yang diukur melalui sijil dan pangkat semata-mata gagal melahirkan manusia yang amanah dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membangunkan tanah seterusnya membina negara. Memahami bahawa manusia adalah khalifah dan hamba Allah yang memikul amanah serta pemilikan tanah adalah bersifat sementara merupakan pra syarat bagi mereka yang terlibat dalam agenda pembangunan.

Perkataan Teras : Tanah, pembangunan, amanah, Islam, integriti, Pengurusan Pembangunan Islam

Klasifikasi JEL : Q15, R14, R52, Z12

---

<sup>1</sup> Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, nasiahm@iium.edu.my

## **PENGENALAN**

Pembangunan terus menjadi agenda penting setiap negara samada negara sedang membangun atau negara maju. Adalah juga disepakati bahawa pembangunan harus dilihat dalam skop yang luas bukan sekadar pembangunan fizikal tetapi pembangunan yang komprehensif meliputi setiap kehidupan manusia dan perkara yang berkaitan dengan kelestarian kehidupan manusia dan alam sejagat. Hari ini, terdapat pelbagai kejadian yang melibatkan pelbagai kemusnahan isi alam. Impak yang besar dari kejadian ini ialah manusia terpaksa berhempas pulas mencari jalan memperbaiki dan mencegah supaya kemusnahan yang sama tidak berlaku. Malangnya, kemusnahan yang berlaku adalah bukan hanya disebabkan oleh semata-mata takdir Pencipta Yang Maha Esa, sebaliknya adalah akibat dari kerakusan manusia untuk menerokai dan menikmati kesenangan tanpa memikirkan akibat pada orang lain samada masa kini dan masa hadapan.

## **KONSEP PEMBANGUNAN MENURUT ISLAM**

Islam bukan sekadar agama yang menentukan kepercayaan seseorang tetapi juga satu cara hidup. Ianya merangkumi hal-hal yang berkaitan kehidupan dunia dan ukhrawi manusia. Oleh yang demikian setiap orang Islam meyakini bahawa setiap persoalan kehidupan baik yang berkaitan dengan kehidupan dunia ataupun akhirat terdapat panduan yang jelas dan ada penyelesaiannya dalam Islam termasuklah soal pembangunan harta tanah. Konsep pembangunan menurut Islam adalah jelas dan praktikal sesuai dengan ajaran Islam yang mudah. Islam sebagai agama yang diwahyukan oleh Allah SWT yang telah menciptakan manusia dan alam semesta ini, mempunyai pelbagai panduan samada tertulis di dalam al-Quran ataupun melalui hadith-hadith yang disampaikan dan difahamkan oleh Nabi Muhammad saw dan diwarisi oleh para sahabat dan ulama' sehingga hari ini. Pembangunan menurut Islam adalah satu pembangunan yang menyeluruh, merangkumi setiap unsur kehidupan manusia dengan satu matlamat yang jelas dan satu iaitu mencapai kemakmuran di dunia serta di akhirat. Ianya merangkumi pembangunan fizikal, spiritual, alam sekitar serta pembangunan kemanusiaan yang merupakan pihak yang bertanggungjawab memastikan kesemua ajaran agama Islam diamalkan, diajarkan serta dipraktiskan dan dijaga sehingga ke akhirat.

Pembangunan yang menyeluruh menekankan bahawa setiap agenda pembangunan mestilah seimbang dan mengambil kira setiap aspek keperluan manusia sama ada fizikal, rohani, pembangunan persekitaran, pembangunan sumber kerja yang akan menerajui dan mencorakkan kehidupan. Dalam hal ini, Islam memiliki pandangan eksklusif terhadap proses pembangunan. Banyak kajian yang dibuat menunjukkan bahawa pembangunan yang hanya menekankan keperluan fizikal manusia semata-mata sering membawa kehancuran dan musibah kepada alam semesta termasuklah manusia.<sup>2</sup> Antara aspek yang menjadi tunggak pembangunan fizikal ialah pembangunan sumber manusia yang akan menggerakkan dan merajui pembangunan tersebut termasuklah pembangunan ekonomi yang berlandaskan prinsip Islam dimana ianya merangkumi pembangunan yang meliputi semua aspek pembangunan kebendaan (ekonomi) dan pembangunan insan secara serentak dan menyeluruh. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi bukan hanya diukur dari aspek material berdasarkan keuntungan semata-mata, malah termasuk aktiviti yang dilaksanakan untuk pertumbuhan dan kemajuan aspek material dan spiritual manusia sekaligus.

Hubung kait antara agama dan pembangunan fizikal diberi panduan jelas di dalam Islam. Objektif setiap pembangunan adalah untuk kebaikan manusia sejagat. Peneraju utama pembangunan adalah manusia dan oleh yang demikian adalah amat penting untuk dipastikan bahawa mana-mana peneraju pembangunan faham apakah kewajipan yang disandarkan ke bahunya, siapakah yang harus menikmati faedah dari pelaksanaan kewajipan tersebut dan apakah tujuan kewajipan tersebut dilaksanakan. Untuk memahami objektif pembangunan, haruslah difahami tujuan kehidupan manusia di dunia ini. Di dalam al-Quran jelas diterangkan tentang sebab-sebab kenapa manusia dijadikan<sup>3</sup>, kenapakah Allah SWT menjadikan gunung ganang, kenapakah Allah menurunkan hujan dan pelbagai perkara dan persoalan yang Allah nyatakan dengan jelas dan teratur. Sebagai manusia yang memikul

- 
- 2 Kepincangan ini berlaku akibat manusia kini dipengaruhi oleh unsur materialistik dan mengabaikan nilai agama, lihat, M. Kamal Hassan, 2004. Kepincangan Nilai dalam Masyarakat Global, Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia pada Jun 2004.
  - 3 Firman Allah yang bermaksud: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.” (Surah Adz-Dzaariyat: 58)

tanggungjawab pembangunan negara, kefahaman yang jelas tentang ajaran al-Quran dan hadith akan dapat memberi panduan bahawa setiap yang hendak dilaksanakan mestilah bermatlamat yang jelas dan bermanfaat kepada manusia dan makhluk Allah yang lain. Pembangunan yang tidak jelas akan melahirkan projek-projek yang tidak terancang, terbengkalai serta menanggung beban kewangan yang banyak. Banyak kerugian yang akan dihadapi sekiranya setiap pekerjaan dibuat sekadar melepas batuk ditangga semata-mata.

Masalah utama dalam pembangunan fizikal negara hari ini ialah berlakunya salah guna wang dan kuasa yang masih ditahap yang tidak memuaskan. Kes-kes perundungan serta lapuran audit atau transparensi indeks masih menunjukkan Malaysia di antara negara yang masih dibelenggu gejala rasuah yang serius walaupun terdapat penurunan dari segi kadar indeks. Gejala rasuah dan salah guna ini banyak yang berkaitan dengan aspek pembangunan fizikal.<sup>4</sup>

<b>MALAYSIA PERCEPTION CORRUPTION INDEX SCORE</b>			
YEAR	COUNTRIES RANKING	CPI SCORE	COUNTRIES SURVEYED
2005	39	5.1	159
2006	44	5.0	163
2007	43	5.1	179
2008	47	5.1	180
2009	56	4.5	180
2010	56	4.4	178
2011	60	4.3	178

Source: Transparency International

Di dalam Islam, setiap pemerintah diperintahkan untuk menjaga kebijakan rakyat, membasmi kemiskinan, berlaku adil dan tidak boros dalam pengurusan kewangan. Pembangunan fizikal yang satu masa dulu menjadi fokus setiap negara kini dilihat mempunyai ruang-ruang

<sup>4</sup> Banyak kes kerosakan bangunan yang dilaporkan seperti "Kabinet arah JKR siasat segera Bangunan rosak", Berita Harian, 5/10/2007,"Stadium dibaiki tahun depan", Sinar Harian, 19/12/11.

kekosongan kerana tidak diisi dengan nilai-nilai kehidupan. Prinsip pembangunan ekonomi berkembang dengan wujudnya pelbagai model seperti Model *Rostow*, Model *Harrod-Domar*, Model *Lewis*, Teori Pertumbuhan *Endogen* dan pelbagai lagi. Model-model ini menunjukkan wujudnya pelbagai model yang menerajui perkembangan ekonomi dunia. Model *Big Push* menekankan tentang peranan manusia dalam pembangunan, peranan kerajaan dan pentingnya mempunyai proses penilaian. Walaupun begitu, masih terdapat banyak perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan model-model tersebut. Model pembangunan Islam menekankan bahawa setiap pembangunan haruslah menepati tujuan tertentu dan menitikberatkan unsur-unsur nilai. Nilai-nilai yang kadangkala dirujuk sebagai nilai-nilai murni adalah khazanah sesuatu bangsa atau masyarakat. Walaupun sesetengah masyarakat mempunyai nilai yang berbeza namun, secara keseluruhan, nilai-nilai murni bertujuan kearah kesejahteraan manusia sejagat, kebahagian serta tingkah laku yang luhur dan murni.

Oleh kerana pembangunan secara umumnya berfokus kepada manusia sebagai pengguna maka falsafah pembangunan mestilah bertujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada seluruh manusia tanpa memberikan impak ketidakadilan dan keburukan kepada sebahagian manusia yang lain. Kepincangan dalam pembangunan hari ini ialah apabila manusia hanya mengukur kesejahteraan itu dari kaca mata yang sempit dan terhad. Nilai kejayaan hanya berpaksi kepada dunia semata mata dan akibatnya apa yang dinikmati hanyalah bersifat jangka pendek atau sementara. Adakalanya, peneraju pembangunan hanya memejamkan mata mereka kepada akibat yang akan diterima oleh orang lain demi keuntungan yang dinikmati mereka. Sifat tamak haloba sering menjadi punca manusia melanggari prinsip pembangunan seimbang yang sememangnya difahami.

Islam menggariskan tujuan pembangunan yang jelas. Antaranya:

- a. Pembangunan adalah untuk kemaslahatan alam semesta dan bukan hanya kepada manusia; dan
- b. Pemanfaatan sumber adalah berdasarkan pembahagian secara sama rata berdasarkan prinsip keadilan dan kebenaran. Islam menganjurkan sikap syukur dan adil dan mengutuk sikap kufur dan zalim.

Ukuran kejayaan adalah berdasarkan kemakmuran sesuatu bangsa. Peranan pemerintah adalah penting oleh yang demikian pihak pemerintah mestilah orang yang faham tentang prinsip pembangunan dalam Islam. Sehubungan dengan ini, pemerintah bertanggungjawab menyediakan pelbagai kemudahan, termasuklah sistem pendidikan, sistem perundangan yang adil, kemudahan kesihatan, keselamatan dan menjamin sistem kekeluargaan yang terjamin.

Banyak penulisan serta wacana ilmu diadakan bagi menekan peri pentingnya integriti dan akauntabiliti dalam agenda pembangunan.<sup>5</sup> Dalam hal ini, individu perlu mengawal hawa nafsu, menyucikan hati, bertaqwa iaitu takut kepada Allah serta mantap aqidah dan berakhlek mulia. Organisasi pula perlu mematuhi kod etika seperti Ikran Integriti Perkhidmatan Awam, berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan mewujudkan mekanisma penyeliaan yang efektif. Kewujudan kod etika akan dapat menjadi panduan kepada satu masyarakat majmuk yang terdapat kepelbagaian agama. Ia akan menjadi dasar yang dilihat berdasarkan kepada konsep universal yang tidak bertentangan dengan prinsip agama. Secara dasarnya integriti terbentuk daripada kekuatan rohani dan kesucian aqidah.<sup>6</sup>

Tidak dinafikan pembangunan akan melibatkan sejumlah wang yang besar serta sistem yang canggih. Wang yang digunakan adalah dari wang rakyat. Kecanggihan sistem tidak akan memastikan semua proses pembangunan berjalan lancar sekiranya pengendali sistem tersebut bukan seorang yang amanah. Amanah tidak boleh dicerna hanya melalui tema-tema atau slogan-slogan yang dilagukan atau ditampal di papan kenyataan. Amanah lahir dari rasa takut dan gerun kepada undang-undang dan peraturan yang dicernakan berdasarkan undang-undang Pencipta yang Maha Mengetahui apa yang tersirat dan tersembunyi. Pecah amanah seringkali berlaku dan melibatkan bukan seorang

5 "Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti", Jamiah Manap, Azimi Hj. Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatus Saadiah Hamsatun, in <http://jurnalakademik.blogspot.com/2006/09/pemantapan-nilai-integriti-individu.html> retrieved on 7 March 2012 kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia pada 2 & 3 Februari 2005 di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru

6 Lihat, Kamal Hasan, 2004.

individu sahaja tetapi kadangkala pelbagai pihak dan pelbagai peringkat. Ini menunjukkan manusia mudah tertipu dengan perbuatan jahatnya apabila mendapat sokongan orang lain. Perundangan yang berasaskan undang-undang ciptaan Allah secara jelas menggariskan apa yang betul dan apa yang salah. Apa yang salah di sisi agama Islam tidak akan menjadi betul walaupun disokong oleh sebilangan besar manusia. Ketakutan dan rasa hormat kepada manusia semata-mata tidak akan memastikan kelestarian pembangunan sebaliknya keyakinan, kesedaran dan kepatuhan kepada Tuhan Yang Maha Esa akan memastikan semua golongan masyarakat melaksanakan peranan masing-masing dengan penuh rasa tanggungjawab kerana hakimnya adalah Allah SWT.

Pembangunan yang menekankan pembangunan rohani seiring dengan pembangunan fizikal akan sentiasa memastikan pekerja-pekerja bersikap amanah. Walau bagaimanapun, sifat amanah dan integriti memerlukan satu persekitaraan yang sentiasa mengingatkan mereka tentang kebaikan sikap tersebut dan akibatnya apabila tidak diamalkan. Untuk itu, sistem yang telus, peralatan yang sistematik, peraturan yang jelas serta pembinaan sahsiah yang berterusan akan dapat memastikan kelestarian pembangunan yang merangkumi ukhrawi dan duniawi. Sebaliknya kegagalan untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pembangunan spiritual akan dapat menukar seseorang pekerja yang baik dan telus menjadi seorang yang tidak amanah dan berintegriti sekiranya ditogokkan dengan pelbagai kemewahan dan kebendaan.

Di dalam masyarakat yang mengandungi pelbagai ajaran agama, pembangunan spiritual tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada pelaksanaan cara kerja Islam. Ajaran Islam tidak mengajar apa-apa yang bercanggah dengan ajaran umum mana-mana agama di dunia. Malah objektif pembangunan sejagat yang dipelopori oleh pelbagai pihak adalah tunggak syariat Islam. Persoalan tauhid adalah perkara utama yang perlu ditanam dalam setiap individu atau khususnya pekerja Islam tanpa mengira pangkat. Islam mengajar setiap orang itu adalah ketua dan bertanggungjawab terhadap ahli atau orang bawahannya.<sup>7</sup> Keyakinan bahawa hidupnya adalah dari Allah dan akan kembali kepada

---

<sup>7</sup> Hadith daripada Abdullah Ibnu Omar dari Bukhari dan Muslim, “ Setiap kamu adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan bagi orang di bawah pimpinan kamu ”. <http://www.slideshare.net/DrYunus/leadership-in-islam>, 18 Jan 2012.

Allah<sup>8</sup> adalah tunggak utama untuk membina peribadi yang meyakini bahawa kehidupannya adalah di bawah pengawasan Tuhan Yang Menciptanya dan akan diadili bukan sahaja di dunia tetapi juga selepas mati. Menyedari bahawa manusia hanyalah hamba di sisi Allah tetapi pemimpin di mata manusia akan meletakkan seseorang itu menjadi manusia yang hebat dan sentiasa ingin memperbaiki dirinya menjadi yang terbaik. Allah SWT meletakkan manusia sebagai makhluknya yang paling mulia, ditugaskan sebagai pemimpin akan tetapi pada masa yang sama mengingatkan manusia bahawa mereka merupakan hamba yang kerdil di sisi Allah SWT.<sup>9</sup>

Setiap pekerja Islam mesti jelas tentang konsep ibadah di dalam Islam. Konsep ini tidak terhad kepada amalan spiritual semata-mata tetapi juga amalan rutin yang termasuk dalam perkara fardhu kifayah. Ibadat ialah melakukan sesuatu pekerjaan atau kegiatan dengan ikhlas kerana Allah SWT sama ada ibadat umum atau khusus. Allah juga menghendaki manusia menjadi khalifah yang berperanan mentadbir, mengatur dan membangunkan dunia mengikut ajaran Islam.<sup>10</sup> Kefahaman ini sepatutnya menjadi pendorong kepada setiap individu Muslim untuk bekerja lebih keras dan penuh jujur kerana setiap yang dilakukan menjamin nasibnya di akhirat kelak. Amalan yang baik diberi balasan pahala yang menjadi bekal untuk hari kemudian. Ajaran ini berbeza dengan ajaran agama lain yang memisahkan hal duniawi dan mempercayai masa selepas kematian yang tiada kaitan.

Menjadi khalifah atau pemimpin di dunia hari ini bukanlah satu tanggungjawab yang mudah. Ia adalah amanah yang sangat besar dan berat. Hal ini telah diceritakan di dalam al-Quran bagaimana makhluk

8 Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." (Surah al-Baqarah: (2): 30)

9 "Dialah yang menciptakan kamu daripada bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya (menghuni dan mengolah hasil bumi untuk kesejahteraan umat manusia)." (Surah al-Hadid, ayat 61)

"Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah kerana hendak menguji kamu pada apa yang sudah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat azab seksa-Nya dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.", lihat Surah al-An'am:165.

10 Al Baqarah(2): 30

Allah yang lain telah menolak tanggungjawab ini.<sup>11</sup> Bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dengan sebaiknya, Allah SWT melengkapkan manusia dengan akal fikiran untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penguasaan ilmu membolehkan manusia menguruskan alam.<sup>12</sup> Pembinaan peribadi Muslim melalui pelbagai cara termasuk mengambil manfaat daripada kejadian langit, bumi, lautan dan pada masa sama mentadbir umat manusia supaya berakhlik mulia, mengejar kemajuan, membina tamadun serta dapat menguasai pelbagai bidang ilmu menepati bagi melengkap diri menjadi hamba yang taat dan bertakwa.<sup>13</sup>

Dalam melaksanakan agenda pembangunan, Islam memberarkan pungutan zakat serta cukai dan menurut para ulama, alasan utama bagi polisi tersebut adalah kemaslahatan umat. Tanpa sumber kewangan yang mencukupi Kerajaan tidak dapat menyediakan apa yang diperlukan oleh masyarakat dan akan menimbulkan kemudaratian kepada masyarakat dan itu adalah haram.<sup>14</sup> Sebaliknya apabila wang yang dipungut tidak digunakan kepada perkara yang perlu dan munasabah bersesuaian dengan keperluan orang ramai, maka adalah dosa.<sup>15</sup> Islam mengajar bahawa mencegah kemudaratian adalah juga suatu kewajiban, sehingga untuk mencegah kemudaratian, cukai tidak boleh dipungut dengan cara paksa dan kekuasaan semata-mata. Pihak pemerintah berkewajipan untuk mewujudkan suasana aman dan rakyat merasa aman bukan melahirkan tekanan kepada rakyat samada secara fizikal atau mental.<sup>16</sup> Adalah malang sekali apabila wang yang diambil dari

---

11 al-Quran menceritakan yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung. Maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khuatir akan mengkhianatinya dan dipikullah amanat itu oleh manusia". (Al Ahzab: 72)

12 *Al Ma'idah*(5) 48

13 *Al Hijr*: (15):19; *Al Isra* (17): 70; *Al Hajj* (22):65; *Al Jaathiah* (45):12

14 Hadith *La dharar wa la dhirar*, riwayat Ibnu Majah, Ahkam, Bab orang yang membina sesuatu yang menyulitkan jirannya, no 2340 dan 2341. Lihat juga, Ahmad, al-Daraquthni, Ibn Majah dan lain-lain, dimilai sahih oleh al-Albani dalam *Irwa' al-Ghaileel* hadis no: 896.

15 Buku Jilid 5, No 2205 dalam [http://www.iium.edu.my/deed/hadith/muslim/005\\_smt.html](http://www.iium.edu.my/deed/hadith/muslim/005_smt.html)

16 Maksud hadith "Pemerintah adalah perlindungan Allah di bumi; sesiapa yang memuliakan kuasa Allah SWT di dunia, Allah akan mulikan dia pada hari kiamat; dan sesiapa yang menghina kuasa Allah SWT di dunia, Allah akan hinakan dia pada

rakyat disalahgunakan oleh pihak yang dipertanggungjawab membawa pembangunan kembali kepada rakyat. Banyak terjadi di mana banyak pemaju perumahan menyalahgunakan wang dan projek perumahan terbengkalai.<sup>17</sup>

Kewajipan pemerintah bukan sahaja memungut cukai tapi memastikan cukai yang dipungut bersesuaian dengan taraf rakyat dan tidak membebankan. Jelas, konsep pembangunan di dalam Islam bukan berkisar kepada pembangunan itu sendiri tetapi setiap perkara yang berkaitan yang mengerakkan pembangunan itu harus diteliti dengan sebaiknya. Dengan kata lain, memastikan keadilan berlaku dalam setiap tindakan. Setiap rakyat pula harus memahami bahawa agenda pembangunan adalah agenda yang dipikul oleh setiap anggota masyarakat dan bukan bergantung kepada pemerintah semata-mata.

Secara terperincinya, pembangunan tanah mengandungi beberapa unsur penting termasuk tujuan dan objektif pembangunan yang jelas, pembangunan sumber, pengurusan pembangunan sumber dan tenaga, penerima dan pihak yang menikmati pembangunan serta sistem dan peraturan yang membantu mengurus dan memastikan agenda pembangunan berjalan lancar serta adil.

## **TUJUAN PEMBANGUNAN**

Pemerintah harus memastikan tujuan pembangunan tanah adalah untuk kesejahteraan dan kebaikan rakyat. Didalam Islam, tujuan pembangunan mestilah bukan untuk mencapai perkara yang bertentangan dengan hukum Allah. Oleh itu, apabila pemerintah memutuskan untuk membina kilang arak atau tempat perjudian maka ia adalah diharamkan kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Adalah sesuatu yang tidak masuk akal apabila pemerintah melaungkan pelbagai slogan mengatakan meminum arak merbahayakan kesihatan dan menghancurkan kehidupan tetapi dari masa ke semasa pembinaan kilang arak diluluskan atas dasar sumber pendapatan negara atau memenuhi keperluan kaum bukan

---

hari kiamat."(Riwayat al-Tirmizi, Ahmad dan al-Tabarani)

17 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melapurkan sehingga Februari, 2011, terdapat 38 projek yang masih dalam senarai terbengkalai, lihat [http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/terbengkalai2011/feb11/38\\_Project\\_Still\\_Abandon\\_15\\_FEBRUARI\\_2011.pdf](http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/terbengkalai2011/feb11/38_Project_Still_Abandon_15_FEBRUARI_2011.pdf)

Islam. Dalam pengurusan masyarakat bukan Islam, Islam memberi jaminan kebebasan bukan Islam mempraktiskan apa yang menjadi ajaran agama dan amalan kebudayaan mereka. Dalam hal meminum arak, Islam memberi panduan bahawa mereka dibenar berbuat demikian ditempat persendirian atau di dalam rumah mereka sahaja. Dalam hal ini, Kerajaan harus mengambil polisi yang paling minimum, iaitu tidak menghalang tetapi tidak boleh membantu mereka melakukan perbuatan tersebut.<sup>18</sup>

Isu-isu seperti adakah pihak pemerintah berkewajipan menyediakan rumah-rumah ibadat bukan Islam sering diperkatakan. Dalam hal ini pandangan Islam jelas untuk tidak bersekongkol melaksanakan kerja maksiat dan apatah lagi yang bertentangan dengan akidah. Tetapi, apabila mereka memohon di atas tanah persendirian, maka pihak Kerajaan atas dasar kebebasan beragama<sup>19</sup> boleh membenarkan permohonan tersebut tetapi harus mempunyai peraturan yang jelas yang memastikan tiada sebarang penglibatan orang Islam dalam operasi mereka dan apa yang penting memastikan tidak dijual kepada orang Islam. Dalam hal ini, Islam memberikan contoh yang terbaik di mana setiap permohonan pembinaan surau atau masjid adalah berdasarkan kepada kaedah tertentu, bergantung kepada jumlah makmumnya dan kedudukan serta keperluannya. Dalam hal ini, keperluan rakyat bukan Islam haruslah juga dibuat berdasarkan keperluan dan panduan tertentu dan bukan dibuat sesuka hati atas dasar kepentingan politik dan peribadi semata-mata.

Sekiranya berlaku konflik atau pertentangan dalam agenda pembangunan tanah yang melibatkan hak persendirian atau hak rakyat, Islam mempunyai panduan yang jelas di mana hak awam haruslah diutamakan<sup>20</sup>. Dasar ini dilihat amat penting di dalam pembangunan tanah di mana sering berlaku pertelingkahan dan bantahan dari rakyat bagi pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan. Dalam hal ini, pemerintah mesti benar-benar mengkaji apakah rakyat benar-benar memerlukan pembangunan tersebut dan bukan hanya melibatkan sekelompok golongan masyarakat yang mungkin sememangnya telah kaya raya. Dalam kes pengambilan

---

18 Perlembagaan Persekutuan 1957, Artikel 11

19 Perlembagaan Persekutuan 1957, Artikel 11(4)

20 *Al Baqarah* (2):177; *An Nisa'* (4): 29

tanah bagi sesuatu projek, pemerintah harus memastikan kebaikannya adalah untuk rakyat dan bukan agenda politik sesebuah pemerintah, bukan atas dasar memberikan sesuatu projek kepada orang-orang tertentu. Apa yang pasti, adalah sukar untuk mengukur apakah tujuan sebenar sesuatu projek tetapi sekiranya pemerintahan dipimpin oleh orang-orang yang takut kepada Penciptanya dan tidak mengharapkan apa-apa selain dari Allah ta’ala, sudah pasti kecekapan sistem dan kecanggihan teknologi akan membawa pelbagai projek yang dapat dinikmati oleh rakyat. Ditegaskan bahawa tujuan sesuatu pembangunan itu haruslah juga disandarkan kepada apa yang disuruh oleh Allah dan mencegah apa yang dilarang.<sup>21</sup>

Unsur kedua ialah memastikan pihak yang terlibat melaksanakan agenda pembangunan bermula dari pembuat dasar sehingga pelaksana projek mestilah orang yang mempunyai asas etika dan bertaqwa kepada Allah.<sup>22</sup> Di dalam sesebuah negara Islam, perkara ini seharusnya menjadi sumber asas bagi pembangunan.<sup>23</sup> Malangnya, kajian indeks rasuah dan integriti menunjukkan negara Islam masih jauh berada di belakang. Adalah malang apabila fakta menunjukkan negara Islam atau negara yang di duduki oleh ramai orang Islam masih kuat dibelenggu budaya rasuah dan mengamalkan ketidaktelusan dalam pentadbiran. Kelemahan sistem dan kekurangan latihan sumber manusia mungkin boleh dikaitkan dengan masalah di atas, tetapi, sekiranya orang Islam benar-benar mengamalkan cara hidup Islam, kemiskinan, kekurangan teknologi,kekangan ekonomi tidak harus menjadi punca bagi pekerja Islam terjerumus dalam kancang pecah amanah atau rasuah. Seseorang yang taqwa kepada Allah akan menjaga dirinya dalam setiap keadaan sama ada di dalam susah atau senang. Jelas, apa yang masih diperlukan dalam agenda pembangunan Islam ialah melahirkan pekerja-pekerja yang meletakkan agama sebagai asas dan panduan kehidupan mereka. Oleh itu, setiap institusi haruslah menyediakan suasana, kewangan

21 *Ali Imran* (3):104

22 *Al Baqarah*: (2), 177; *Al Hujurat* (49):13; *Ali Imran* (3):76

23 Pentadbir dan pelaksana harus memahami objektif Syariah iaitu untuk menjaga akidah, nyawa, akal , harta dan kehormatan atau maruah. Asas keperluan Syariah adalah kepentingan dharuriyyah, kepentingan *hajiyah*, kepentingan *tahsiniyah*, kepentingan *kamaliyyah*. Menurut Imam al-Syatibi, barang dan perkhidmatan terhadap 5 asas utama iaitu nyawa, agama, akal, harta dan keturunan adalah suatu keperluan penting dalam penggunaan termasuklah pembangunan.

dan juga modul-modul untuk digunakan dari masa ke semasa. Islam menanam konsep saling ingat memperingati, oleh itu adalah menjadi kewajipan setiap majikan untuk menyediakan satu “amalan terbaik” yang dapat menjadi panduan untuk pekerjanya. Setiap majikan harus merancang untuk meningkatkan disiplin dan kemahiran pekerja. Islam menekankan bahawa setiap pekerjaan mestilah dilaksanankan dengan “itqan” (sebaik-baiknya). Pekerja bukan Islam haruslah ditekankan dengan ajaran moral dan sivik yang tinggi agar mereka lebih berdisiplin. Kursus kursus yang dapat menguatkan mental, jasmani dan rohani harus disediakan agar wujud persekitaran yang mendorong pekerja bekerja dengan penuh dedikasi dan sentiasa mengharapkan keredhaan Allah.

Unsur ketiga ialah pengurusan pembangunan. Ini termasuklah memahami konsep pembangunan, metod pembangunan dan hasil. Di dalam agenda pembangunan, harus difahami bahawa konsep pembangunan itu adalah untuk menyediakan keperluan dan memberikan kemakmuran kepada masyarakat umum. Jadi konsep pembangunan itu adalah berasaskan keperluan dan bukan untuk menunjuk-nunjuk walhal hakikatnya, masyarakat menanggung beban hutang. Islam tidak menghalang seseorang yang mampu untuk berbelanja tetapi Islam tidak menggalakkan kita sehingga berhutang untuk melaksanakan apa yang bukan perkara keutamaan.

Perkara utama yang harus difahami oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan bahawa semua sumber yang ingin dibangunkan seperti tanah atau sungai atau bukit itu adalah milik Allah SWT<sup>24</sup> dan manusia hanyalah diberikan amanah untuk menggunakan atau membangunnya demi kesejahteraan mereka<sup>25</sup>. Manusia, bagaimanapun tidak bebas untuk menggunakan setiap yang dimiliki sewenang-wenangnya.<sup>26</sup> Terdapat banyak peraturan dan peruntukan undang-undang yang secara kasarnya dilihat menyekat kebebasan tersebut<sup>27</sup> tetapi berlaku atas dasar perlu

---

24 Al Baqarah(2): 29, 212; Al Fathir(35): 3; Al Hajj (33): 65; Hudd (11):6

25 Al Tawbah(9):41;

26 Al Hasyr (59): 92-93

27 Seksyen 44 Kanun Tanah Negara 1965 menetapkan bahawa penggunaan tanah dan ruang udara adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Kanun Tanah Negara itu sendiri, atau mana-mana peruntukan undang-undang yang terpakai serta kemunasabahan serta keperluan.

demi menjaga keharmonian hidup bermasyarakat. Contohnya, mana-mana pembangunan tanah tidak boleh dibuat sehingga menimbulkan kemudaratan kepada orang lain<sup>28</sup>, atau melanggar hak asasi orang lain<sup>29</sup> atau mengganggu gugat keamanan orang lain.<sup>30</sup>

Walaupun Islam mengiktiraf hak manusia untuk memiliki dan membangunkan tanah tetapi pengunaannya adalah terbatas kepada perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Istimewanya, agama Islam membawa ajaran yang yang bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Hanya manusia yang angkuh dan sompong sahaja yang akan menafikan kebaikan dan kesesuaian fitrah yang dibawa oleh agama Islam. Oleh itu, dalam setiap perancangan dan kaedah pembangunan yang mengikut landasan Islam, sudah pasti tidak akan berlaku ketidakadilan kepada masyarakat. Pengambilan tanah yang tidak perlu, tidak mengikut peraturan dan kehendak undang-undang,<sup>31</sup> kelewatan membayar pampasan serta kaedah pembangunan yang menyebabkan gangguan alam semula jadi merupakan hasil dari pembangunan yang tidak terancang dan harus dielakkan. Kerakusan dan sifat tamak haloba serta mementingkan diri sendiri sebenarnya menjadi punca kepada segala kerosakan di muka bumi ini. Kisah Qarun adalah pengajaran yang dicatatkan di dalam al-Quran untuk diambil pengajaran oleh semua manusia.<sup>32</sup>

Manusia yang berpegang kepada falsafah bahawa semua yang ada di dunia ini adalah pinjaman dan sementara pasti tidak akan dipengaruhi oleh sifat tamak dan haloba. Setiap catatan keuntungan dari projek-projek yang berjaya akan memberikan hasil yang juga akan turut dirasai

---

28 Lihat, KTN, undang-undang torts, jenayah dsbg.

29 Pengambilan tanah menurut Islam atau Kanun Tanah Negara 1965 memastikan hak diambil untuk kepentingan awam berdasarkan prosedur yang jelas dan adil serta dengan pembayaran pampasan yang munasabah.

30 Perluasan jajahan kerajaan Israel adalah satu contoh jelas di mana pembangunan dan perluasan jajahan yang dibuat dengan menghancurkan keamanan dan merampas hak orang lain.

31 Kes-kes mahkamah menunjukkan contoh-contoh pengambilan tanah yang tidak mengikut peraturan umpamanya kes *Menteri Besar Negeri Sembilan v PTD Seremban* [1993] 3 MLJ 710; *Collector of Land Revenue Kuantan v. Noor Chahaya binte Abdul Majid* (1979) 1 MLJ 180;

32 *Al Ankabut* (29): 39-40

oleh seluruh ummah melalui sistem pembayaran zakat. Oleh itu setiap pekerjaan yang diniatkan sebagai ibadah dan dilaksanakan sebaik dan sejurus mungkin pasti akan membawa keberkatan. Setiap keberkatan akan memberi kesan kebaikan kepada individu bahkan kepada masyarakat dan sekalian alam.

Pembangunan di dalam Islam harus menekankan kepada pembangunan modal insan yang akan memastikan kelestarian sistem serta kualiti produk yang dihasilkan. Modal insan adalah aset yang paling berharga dalam agenda pembangunan. Modal insan yang cekap serta efisien dan bermoral tinggi pasti akan membawa keuntungan kepada masyarakat dan negara. Bernama melaporkan bahawa bagi negeri Sarawak sahaja setakat tahun 2010 merekodkan 29 kes pecah amanah yang melibatkan pegawai bank dan melibatkan kerugian berjumlah RM4.642 juta.<sup>33</sup> Kerugian ini sekiranya digunakan untuk agenda pembangunan bagi rakyat pasti akan memberikan banyak kesejahteraan kepada masyarakat.

Pembangunan yang hebat dan canggih tidak bererti sekiranya penggunaanya tidak bertanggungjawab dan tidak peka kepada keperluan persekitaran. Salah satu cara membentuk pembangunan modal insan ialah melalui sistem pendidikan yang seimbang dan bersepadu. Ketinggian ilmu harus dilihat seiring dengan ketinggian budi pekerti. Sistem penilaian dalam pendidikan haruslah diubah dari hanya mementingkan markah peperiksaan tetapi juga menekankan kepada penilaian moral dan sahsiah pelajar. Satu ketika dulu, isu penilaian moral dan sahsiah sering dibangkitkan dan dibimbangi akan berlaku ketidakadilan kepada pelajar. Walaupun diakui bahawa penilaian sahsiah pelajar atau pekerja adalah agak subjektif, tetapi penyediaan rubrik bagi setiap elemen yang dinilai akan membantu guru membuat penilaian bersandarkan kepada skala yang sama dan konsisten. Apa yang penting, sistem pendidikan tidak boleh terlalu mengukur pelajar berdasarkan akademik semata-mata.

Satu hakikat yang diterima umum ialah manusia sentiasa berubah dan mudah dipengaruhi. Fitrah ini dapat dilihat kebenarannya apabila Allah SWT mengutuskan Rasul dari kalangan manusia supaya lebih memahami

---

<sup>33</sup> Jenayah Komersial Meningkat di Sarawak, 8 Julai 2012, [http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=511827](http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=511827) dilihat pada 10 March 2012

dan mudah diterima oleh manusia. Sejarah dengan sifat semula jadi manusia itu juga, pemerintah berperanan mewujudkan sistem bekerja dan peraturan yang sistematik serta berlandaskan ajaran Islam. Dalam Islam semangat berpasukan adalah jelas dapat digarap dari kewajipan untuk berjemaah, menghormati dan mematuhi pemimpin, bekerjasama dan tolong menolong, mengutamakan keadilan dan tidak menindas, menjaga waktu dan berusaha dan melaksanakan sesuatu dengan cara yang terbaik, berjimat cermat dan mementingkan kebersihan dalam setiap perkara. Sebagai kesimpulannya, membentuk individu Muslim yang sejati dan berdisiplin harus menjadi agenda utama dalam mendidik dan melatih pekerja-pekerja agar agenda pembangunan sesebuah negara tidak dicemari dengan rasuah, pecah amanah, penipuan dan salah guna kuasa dan ketidakadilan.

Allah SWT menyatakan secara jelas bahawa setiap yang dijadikan di muka bumi ini adalah untuk digunakan oleh hambanya agar menjadi manusia yang lebih mengenali Penciptanya.<sup>34</sup> Secara umum dapat kita simpulkan bahawa setiap aspek pembangunan haruslah membawa manusia untuk lebih mengenali Penciptanya dan mengagumi kebesaran Tuhan yang menjadikannya. Sememangnya, sumber alam yang banyak menggambarkan kehalusan dan kehebatan Penciptanya.<sup>35</sup> Kajian saintifik menunjukkan bahawa minyak adalah hasil dari pemampatan hasil bumi yang pelbagai dan memakan masa ribuan dan jutaan tahun.<sup>36</sup> Dari minyak, manusia meraih kesenangan kehidupan dunia dan dapat mentadbir dunia.<sup>37</sup> Hasil bijih besi diajar melalui kisah Nabi Daud *alaihissalam*.<sup>38</sup>

Dalam agenda pembangunan tanah, Islam menggariskan bahawa sebahagian tanah dan sumber tertentu tidak boleh diagihkan untuk dimiliki secara peribadi. Umpamanya, api, air dan padang rumput mestilah dikekalkan pemilikan oleh pemerintah supaya setiap rakyat akan

---

34 *Al Zaariyat* (51): 49

35 *Al Imran* (3):191

36 Clifford C. Walters, *The Origin of Petroleum*, [http://chentserver.uwaterloo.ca/aelkamel/che720/che735/lectures\\_che735\\_students/new-book-practical-advances-refinery/chapter2-the-origin-of-petroleum.pdf](http://chentserver.uwaterloo.ca/aelkamel/che720/che735/lectures_che735_students/new-book-practical-advances-refinery/chapter2-the-origin-of-petroleum.pdf), 17 July 2012.

37 *Al A'raf* 7:10

38 *As Saba* 34:10-11

dapat nikmat yang sama rata.<sup>39</sup> Api ditafsirkan sebagai sumber tenaga yang merangkumi hasil minyak, air dan nuklear sebagai sumber letrik juga saliran. Dalam hal ini, pemerintah boleh melantik badan yang mengurus dan bayaran upah yang setimpal boleh diberikan kepada pihak yang mengurus. Sebagai contoh, Petronas dan Tenaga Nasional Berhad merupakan badan yang bertanggungjawab menguruskan hasil minyak dan punca letrik yang berasaskan sumber tenaga dan agensi ini bukanlah pemilik. Oleh yang demikian, keuntungan yang diraih haruslah dipulangkan kepada rakyat. Pengurus boleh menggunakan keuntungan yang dihasilkan untuk dimanfaatkan bagi apa-apa yang berkaitan dengan pengurusan seperti memberikan geran penyelidikan, latihan-latihan yang berkaitan serta memastikan setiap pekerja diberikan upah yang setimpal dengan tenaga yang diberikan.

Sering dilaporkan di dada akhbar tentang akibat pembangunan tanah yang tidak terkawal yang akhirnya menyebabkan berlakunya banjir kilat, pencemaran air serta udara serta tanah runtuh yang meragut nyawa dan mengundang pelbagai penyakit. Kewujudan peruntukan undang-undang yang bersifat menghukum dilihat gagal memberikan kesedaran serta keinsafan secara jangka panjang.<sup>40</sup> Malah, sesetengahnya sanggup membayar denda tetapi terus melanggar peruntukan kerana merasakan bahawa segala hukuman hanyalah kesalahan peraturan manusia semata-mata. Oleh itu ada yang berpandangan undang-undang patut dipinda bagi memberi kuasa kepada mahkamah untuk terus memenjara pesalah tanpa perlu mendenda mereka terlebih dahulu.<sup>41</sup> Selain mahkamah, penguatkuasaan juga memainkan peranan yang penting. Pihak yang diberi kuasa haruslah menerima tanggungjawab sebagai ibadah yang dituntut oleh agama. Banyak kepincangan seperti rasuah dan salahguna kuasa berlaku akibat dari kurang rasa tanggungjawab dan kesedaran agama.

---

39 Abu Dawud, *Ijara*, 3477

40 Lihat Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memberi kuasa pada mahkamah untuk mendenda mana-mana pesalah sehingga RM100,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-duanya sekali sekiranya gagal membayar denda. Lihat juga cadangan untuk menambahkan penalti kepada RM500,000 seperti disiarkan dalam Utusan Online, 11/11/2011.

41 Lihat, Utusan Online, 11/11/2011, "Mengekang Jenayah Alam Sekitar"

## **KESIMPULAN**

Agenda melestarikan pembangunan khususnya pembangunan tanah harus dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang yang merangkumi pembangunan fizikal dan pengurusan modal insan, sumber dan penentuan polisi serta kaedah kerja yang teratur dan adil. Pembangunan tanah haruslah seimbang dan komprehensif agar manfaatnya dirasai oleh sekalian alam. Setiap pemerintah harus yakin bahawa landasan Islam adalah panduan yang paling baik. Landasan ini tidak dapat berfungsi apabila pengendalinya tidak memahami kaedah dan peraturannya. Oleh itu, pembangunan dalam Islam akan dapat dilestarikan melalui proses pendidikan yang seimbang, holistik dan berterusan.

## **RUJUKAN**

Al Qur'an, 1410H. *English Translation of the meanings and Commentary.*  
King Fadh Holy Quran, Madinah al Munawwarah

Abdul Malik Ismail. 1998. "Tranformasi Ekonomi: Isu, Masalah dan Kesan Terhadap Sektor Pertanian", in Chamhuri Siwar, Abd.Malik Ismail and Abdul Hamid Jaafar. Reformasi Pertanian Malaysia ke arah Wawasan 2020. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Clifford C. Walters, *The Origin of Petroleum*, [http://chentserver.uwaterloo.ca/aelkamel/che720/che735/lectures\\_che735\\_students/new-book-practical-advances-refinery/chapter2-the-origin-of-petroleum.pdf](http://chentserver.uwaterloo.ca/aelkamel/che720/che735/lectures_che735_students/new-book-practical-advances-refinery/chapter2-the-origin-of-petroleum.pdf), 17 July 2012.

Nik Mohamed Affendi Nik Yusof. 2001. *Islam & Wealth the Balanced Approach to Wealth Creation, Accumulation and Distribution.* Kuala Lumpur:Pelanduk Publication.

M. Kamal Hassan. 2004. "Kepincangan Nilai dalam Masyarakat Global, Kolokium Pengukuhan Integriti", Institut Kefahaman Islam Malaysia pada Jun 2004.

Kanun Tanah Negara 1965

Akta Pengambilan Balik Tanah 1960

Akta Kualiti Alam Sekitar 1974

Perlembagaan Persekutuan 1957

Akta Pemajuan Perumahan Pindaan 2002

<http://cpi.transparency.org/cpi2011/results/>



## **Peranan Media Massa Dalam Mempromosikan Saham Wakaf Johor**

Oleh:

Mustapahayuddin Abdul Khalim  
Noor Hani binti Zakaria

### **ABSTRAK**

Mewakafkan harta adalah salah satu amal jariah yang sangat dituntut oleh agama Islam. Ia merupakan suatu amal soleh yang mana pahalanya akan diberikan secara berterusan oleh Allah kepada pewakaf (wakif) selagi harta atau ain yang diwakafkan itu kekal atau dimanfaatkan. Allah telah mensyariatkan wakaf, menganjur dan menjadikannya sebagai salah satu agenda untuk mendampingkan diri kepadanya. Sebagai salah satu mekanisme kebajikan, wakaf agak unik berbanding dengan sedekah, hadiah dan derma kerana harta yang diwakafkan itu akan di ‘tahan’ iaitu tidak dihabiskan tetapi sebaliknya apa-apa manfaat atau pulangan daripada penggunaan harta wakaf itu boleh dibelanjakan. Bermula dengan amalan wakaf harta tetap secara langsung, dewasa ini perkembangan wakaf adalah dalam bentuk wakaf tunai dan daripada tunai inilah sebahagiannya dimanfaatkan untuk pembangunan atau pembelian harta tanah atau harta lain dan sebahagian pula akan dilaburkan dalam pasaran kewangan. Di dalam kajian ini juga dapat dilihat pelaksanaan Saham Wakaf Johor akan memudahkan masyarakat Islam untuk mewakafkan wang ringgit mereka iaitu merupakan pelaburan yang berbentuk abadi dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pula boleh menggerakkan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam dengan lebih giat dan bersepadu lagi.

Perkataan Teras : Media, Promosi, Saham Wakaf Johor

Klasifikasi JEL : Y40, Z12

## **1.0 PENGENALAN**

Konsep saham wakaf ini dari sudut modus operandinya dimulakan dengan wakaf tunai berdasarkan nilai terbitan satu unit saham yang ditawarkan. Seterusnya proses kedua biasanya akan melibatkan pertukarannya dengan pembelian aset ataupun aplikasinya kepada pembangunan projek terancang di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Seksyen 2, Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 memperuntukkan saham wakaf sebagai mewujudkan suatu Wakaf Musytarak melalui saham-saham dengan syarat wakaf atau yang kemudian daripadanya diwakafkan.

Wakaf tunai ialah berwakaf dengan menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Melalui bentuk pelaburan ini, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah ianya akan memberi keuntungan yang berlipat ganda dan dapat melahirkan lebih banyak lagi harta-harta wakaf yang baru dalam bentuk harta kekal.

Para ulama di zaman silam telah menggunakan istilah wakaf ad-darahim atau wakaf ad-dananir iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar dalam kehidupan mereka. Secara umumnya wakaf tunai ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan dana dari kalangan umat Islam yang kemudiannya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan ummah.

Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Imam Az-Zuhri seorang ulama terkenal dalam ilmu hadith telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebajikan ummah dan pendidikan umat Islam.

Menurut catatan sejarah, Empayar Uthmaniyyah di Turki mencapai kegemilangan dengan bantuan amalan wakaf tunai yang meluas ketika itu sehingga berjaya meringankan perbelanjaan

kerajaan serta menjadi pelengkap (complimentary) kepada usaha-usaha pembangunan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan seumpamanya kepada masyarakat Turki. Konsep saham wakaf juga dikategorikan sebagai wakaf tunai dan telah lama diamalkan di negeri ini.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Saham Wakaf Johor merupakan satu skim di mana masyarakat Islam membeli saham dengan harga RM10.00 seunit daripada MAINJ. Seterusnya mewakafkan saham tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan tujuan manfaatnya diberikan kepada umat Islam. Projek Saham Wakaf Johor terbahagi kepada lima iaitu Wakaf Sekolah Agama, Wakaf Al-Quran, Wakaf Asrama Di Mesir, Wakaf Bangunan Kedai Di Nusajaya dan Wakaf Ladang Pokok Kelapa Sawit. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Imran ayat 92 :

لَنْ تَتَالُوا أَلْبِرُ حَشْنَى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ

فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

*“Kamu tidak sekali-sekali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahui”*

Dengan wujudnya skim ini ianya boleh menafikan tanggapan sesetengah masyarakat Islam bahawa berwakaf itu hanya boleh dilakukan oleh individu tertentu yang mempunyai harta dan kemampuan kewangan sahaja.

Secara dasarnya, Saham Wakaf Johor adalah satu cara berwakaf melalui wang tunai. Iaitu dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh MAINJ sebagai pemegang amanah dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selama-lamanya kerana Allah SWT dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan umat Islam.

Penyertaan adalah terbuka kepada semua umat Islam dan syarikat-syarikat perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam tanpa had maksimum. Konsep saham wakaf adalah sama dengan konsep perlaksanaan wakaf kaki, wakaf hasta, dan wakaf lantai yang dipraktikkan di sesetengah negeri di Malaysia ini seperti Melaka dan Selangor.

Dalam mengorak langkah ke arus globalisasi ini pihak pentadbiran wakaf telah mengatur pelbagai projek berkonseptan Saham Wakaf Johor agar konsep ini akan sentiasa berterusan dan menjadi salah satu nadi pembangunan masyarakat Islam.

## **1.1 Projek-Projek Saham Wakaf Johor**

### **1.1.1 Bangunan Asrama Pelajar Johor Di Kaherah, Mesir.**

- i. Bangunan ini akan dijadikan asrama pelajar-pelajar Johor yang menuntut ilmu di Universiti Al-Azhar Mesir;
- ii. Bangunan ini telah siap sepenuhnya dan telah disempurnakan perasmianya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar pada bulan April 2010;
- iii. Bangunan asrama pelajar Al-Azhar yang kedua ini merupakan bangunan setinggi 6 tingkat yang telah diubahsuai dan boleh menampung seramai 80 orang pelajar Johor yang mendalami ilmu dalam bidang agama dan bidang perubatan;
- iv. Lokasi bangunan ini terletak di No 53 Mohamed Masdur Street, Al-Hayyu Al-Awwal, Madinat Nasr, Kaherah, Arab Republic Of Egypt; dan

v. Kosnya pula sebanyak RM 6 Juta.

**1.1.2 Pembelian Bangunan Rumah Kedai 2 Tingkat 4 Unit Di Nusajaya.**

- i. Pembelian ini bertujuan memberi peluang kepada umat Islam untuk meningkatkan ekonomi dan memacu pembangunan masyarakat Islam umumnya;
- ii. Persetujuan membeli bangunan ini adalah berdasarkan tanggungjawab dalam mengembangkan dan memacu sosio-ekonomi umat Islam khususnya di negeri Johor. Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan masyarakat Islam menceburi bidang perniagaan;
- iii. Lokasi bangunan ini terletak di Fortune Point, Taman Perindustrian Nusa Cemerlang, Nusajaya; dan
- iv. Kosnya berjumlah RM 2,360,228.80.

**1.1.3 Program Tanaman Semula Anak Benih Kelapa Sawit Di Ladang Wakaf Johor**

- i. Projek ini bertujuan menjadikan salah satu alternatif hasil wakaf untuk disalurkan dan dimanfaatkan demi kebajikan umat Islam seperti bantuan masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah agama, rumah anak-anak yatim dan sebagainya.
- ii. Pada tarikh 2hb Oktober 1996 yang lalu, Syarikat Johor Corporation telah mewakafkan tanah seluas 79.58 hektar iaitu

PTD 6188 di Mukim Mersing seluas 20.54 hektar dan PTD 10 di Mukim Tenggaroh seluas 59.04 hektar untuk tujuan kebajikan am (Skim Saham Wakaf Johor). MAINJ telah melantik EPA Management Sdn Bhd iaitu anak Syarikat Johor Corporation sebagai pengurus bagi memajukan, mentadbir, mengawalselia, menyelenggara, menanam semula dan memasarkan hasil tanaman sawit di ladang tersebut. Kini, tanaman kelapa sawit tersebut sudah tidak produktif lagi dan memerlukan penanaman semula;

- iii. Lokasi Ladang Wakaf MAINJ ini terletak di PTD 6188 seluas 20.54 hektar di Mukim Mersing, Daerah Mersing dan PTD 10 seluas 59.04 hektar di Mukim Tenggaroh Daerah Mersing, Johor; dan
- iv. Kosnya pula sebanyak RM 230,376.00.

#### **1.1.4 Pembinaan Sekolah Agama**

- i. Sekolah-sekolah agama yang terdapat di negeri Johor ini kebanyakannya sudah tidak lagi mampu menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah setiap tahun;
- ii. Pembinaan sekolah agama seluruh negeri Johor adalah bertujuan menampung keperluan bagi pelajar-pelajar di negeri Johor supaya dapat mendalamai ilmu keagamaan sebagaimana yang dituntut oleh syariat;
- iii. Pembinaan 121 buah sekolah agama ini akan bermula pada bulan Oktober 2010 dan dijangka siap pada Jun 2012 secara

- berperingkat melalui 5 fasa utama yang akan dilakukan mengikut daerah yang telah ditetapkan;
- iv. Kos yang terlibat bagi pembiayaan projek ini adalah sebanyak RM 322,645,923.00 dimana sebanyak 30% (RM 86,241,274.00) akan ditampung oleh MAINJ secara pembayaran berjadual selama 15 tahun dengan memperkenalkan konsep pembelian melalui Saham Wakaf Johor; dan
  - v. Berikut adalah jumlah tapak yang telah dipersetujui bagi membina sekolah agama yang membabitkan 104 bilik darjah mengikut daerah:

BIL.	DAERAH	JUMLAH SEKOLAH
1	Johor Bahru	23
2	Muar	18
3	Batu Pahat	24
4	Segamat	11
5	Kluang	5
6	Pontian	13
7	Kota Tinggi	5
8	Mersing	5
9	Ledang	11
10	Kulaijaya	6
<b>JUMLAH</b>		<b>121</b>

Jadual 2.1.4: Bilangan Sekolah Yang Dipersetujui Bagi Setiap Daerah Di Negeri Johor

### **1.1.5 Mushaf al-Quran**

- i. Dalam usaha untuk memastikan al-Quran terus didampingi dan dijadikan panduan hidup seiring dengan pembangunan umat Islam;
- ii. Sebanyak 30,000 naskah Mushaf al-Quran akan diperuntukkan bagi tujuan saham wakaf;
- iii. al-Quran yang telah diwakafkan akan diagihkan ke sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Johor, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta;
- iv. Jenis al-Quran, Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian al-Quran 30 Juzuk; dan
- v. Kos pembelian bagi Mushaf al-Quran ini sebanyak RM1,485,000.00.

### **1.2 Penyataan Masalah**

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan medium perantaraan yang digunakan oleh pejabat bahagian wakaf MAINJ bagi mempromosikan Saham Wakaf Johor.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat penerimaan masyarakat Islam yang menggunakan medium perantaraan seperti televisyen, radio dan internet mengenai Saham Wakaf Johor dan sejauh mana potensi perkhidmatan saham wakaf.

## **1.4 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menyuburkan semula amalan wakaf yang merupakan sedekah jariah yang sangat dituntut oleh Islam;
- ii. Menyediakan kemudahan dan alternatif kepada masyarakat umat Islam untuk menyertai ibadah wakaf walaupun tanpa melibatkan wakaf yang berbentuk aset kekal;
- iii. Menggalakkan masyarakat Islam mengiktiraf wakaf sebagai sistem yang diyakini berpotensi untuk mengerakkan pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam;
- iv. Menanam dan mendidik sikap, semangat dan kerjasama yang erat antara umat Islam yang berkonsepkan ukhuwwah Islamiah dan semangat tolong-menolong dalam Islam;
- v. Meluaskan saluran kebaikan dengan sistematik dan berkesan; dan
- vi. Memberi alternatif kepada semua golongan umat Islam untuk turut menyumbang ke arah pembangunan sosio ekonomi masyarakat Islam.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

- i. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana potensi medium perantaraan media massa yang digunakan untuk mengiklankan Saham Wakaf Johor;
- ii. Kajian ini dapat membantu menggalakkan umat Islam melaksanakan ibadah wakaf; dan
- iii. Kajian ini dapat memberi sumbangan dalam bidang kajian Saham Wakaf Johor.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada kaedah pelaksanaan pengurusan iklan saham wakaf untuk masyarakat Islam di negeri Johor. Populasi kajian pula terdiri daripada pewakaf-pewakaf di seluruh daerah negeri Johor yang mewakafkan wang tunai sebagai harta wakaf.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Bagi mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai, metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian. Aspek yang dibincangkan termasuklah reka bentuk kajian, lokasi kajian, instrumen kajian dan cara menganalisis data.

### **1.7.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui pengagihan borang soal selidik. Rekabentuk kajian ini dipilih untuk membolehkan penyelidikan mengetahui dan mengenalpasti tahap keberkesanan medium perantaraan yang digunakan oleh MAINJ bagi menggalakkan umat Islam melaksanakan ibadah wakaf melalui Saham Wakaf Johor. Pengumpulan data dilakukan melalui:

- i. Data Primer
  - Pengagihan borang soal selidik
  - Pemerhatian
- ii. Data Skunder
  - Kajian perpustakaan dan internet (Jurnal, buku, keratan akhbar dan lain-lain)

### **1.7.2 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di seluruh daerah di negeri Johor. Ia melibatkan sepuluh buah daerah iaitu:

- i. Johor Bahru;
- ii. Muar;
- iii. Batu Pahat;
- iv. Pontian;
- v. Kluang;
- vi. Segamat ;
- vii. Kota Tinggi;
- viii. Mersing;
- ix. Kulaijaya; dan
- x. Ledang.

### **1.7.3 Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian terdiri daripada analisis dokumen dan soal selidik. Set soalan soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala bahagian B berkaitan pandangan keseluruhan pelanggan terhadap iklan Saham Wakaf Johor dan cadangan untuk menambah baik saluran untuk memperkenalkan Saham Wakaf Johor.

Untuk soalan bahagian A dan B, responden perlu menandakan ( / ) pada ruang yang disediakan yang mempunyai sebelas item soalan dan responden juga perlu memberi cadangan penambahbaikan. Manakala bagi set jawapan untuk soalan bahagian B adalah menggunakan skala Likert, dimana responden menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohammad

Najib Abdul Ghafar 1999). Skor jawapan untuk kaedah skala Likert yang digunakan terdiri daripada skor jawapan ‘Sangat Setuju (SS)’, ‘Setuju (S)’ dan ‘Kurang Setuju (KS)’.

#### **1.7.4 Tatacara Menganalisis Data**

Daya yang dikumpulkan analisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) bagi membantu menganalisis data untuk mendapatkan peratusan. Analisis yang dibuat pada jawapan respon dalam soal selidik pada bahagian A dan bahagian B akan dianalisis dengan menggunakan program SPSS 20.0 untuk mendapatkan peratusan. Dapatan hasil dari analisis akan dikemukakan dalam bentuk jadual dan rajah bagi menunjukkan perbandingan peratusan item untuk setiap persoalan kajian.


### **3.0 ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN**

#### **3.1 Latar Belakang Responden**

Kajian soal selidik ini melibatkan 93 orang responden yang terdiri daripada 10 daerah di Negeri Johor mengenai Saham Wakaf Johor. Tujuan pemilihan ini adalah untuk melihat sokongan daripada pewakaf yang mewakafkan wang mereka dengan menggunakan Saham Wakaf Johor.

##### **3.1.1 Jantina**


Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham Wakaf Johor ialah 54.84% daripada responden adalah lelaki dan 45.16% daripada responden adalah wanita.



Rajah 1 : Peratusan mengikut jantina

### 3.1.2 Organisasi


Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham Wakaf Johor daripada organisasi jabatan Kerajaan ialah 69.89%, manakala 19.35% daripada swasta dan 10.75% daripada lain-lain organisasi.



Rajah 2 : Peratusan mengikut organisasi

### 3.1.3 Umur


Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham Wakaf Johor ialah 52 daripada responden adalah lelaki dan 41 daripada responden adalah wanita. Merujuk kepada rajah 3 dibawah golongan yang berumur di antara 26 tahun sehingga 40 tahun lebih tinggi peratusannya sebanyak 39.78% berbanding golongan berumur 56 tahun ke atas yang mempunyai peratusan yang paling sedikit sebanyak 6.45%.



Rajah 3 : Peratusan mengikut umur

### 3.1.4 Lokasi Kediaman


Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham Wakaf Johor terdiri daripada pelbagai lokasi kediaman. Taman perumahan adalah lokasi kediaman yang mempunyai peratusan yang tertinggi sebanyak 56.99% dan yang paling rendah daripada lokasi kediaman ialah kejora sebanyak 1.08%.



**Rajah 4 : Peratusan mengikut lokasi kediaman**

### 3.1.5 Faktor Pendorong

Statistik soal selidik ini juga telah menunjukkan faktor utama yang mendorong pelanggan melakukan ibadah wakaf ialah diri sendiri dengan peratusan 72.04%.




**Rajah 5 : Peratusan mengikut faktor pendorong**

### 3.1.6 Media Massa

Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham


Wakaf Johor menerima perantaraan media massa yang tertinggi ialah *flyers* sebanyak 30.11%, diikuti internet 23.66%, radio 11.38%, seterusnya papan tanda dan karnival mempunyai peratusan yang sama nilai sebanyak 9.68%, begitu juga perantaraan media massa bagi surat khabar dan seminar yang mempunyai sama nilai sebanyak 6.45% dan nilai peratusan yang paling rendah ialah televisyen sebanyak 2.15%.



Rajah 6 : Peratusan mengikut media massa

### 3.1.7 Media Massa Membantu Terhadap Penyebaran Maklumat


Soal selidik menunjukkan bahawa 93 responden daripada pelanggan yang menyertai Saham Wakaf Johor bersetuju iklan dapat memberikan maklumat mengenai Saham Wakaf Johor sebanyak 98.92%.



Rajah 7: Peratusan mengikut iklan membantu memberi maklumat


### 3.2 Pandangan Keseluruhan Pelanggan Terhadap Iklan Saham Wakaf Johor

- i. Sistem perantaraan seperti televisyen, radio dan internet yang disediakan kini banyak memudahkan segala urusan yang berkaitan. Melalui iklan Saham Wakaf Johor ini, statistik menunjukkan sebanyak 79.57% adalah sangat setuju, 19.35% adalah setuju dan 1.08% adalah kurang setuju.





- ii. Sistem perantaraan seperti televisyen, radio dan internet yang disediakan banyak memberikan maklumat dan pengetahuan. Sebanyak 72.04%

adalah sangat setuju, 24.73% adalah setuju dan 3.23% adalah kurang setuju.



- iii. Adakah medium perantaraan seperti televisyen, radio dan internet yang digunakan untuk mengiklankan Saham Wakaf Johor dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos. Sebanyak 64.52% adalah sangat setuju, 32.26% adalah setuju dan 3.23% adalah kurang setuju.





- iv. Melalui kajian ini, statistik menunjukkan bahawa semua responden yang terlibat sangat berpuas hati dengan medium perantaraan seperti televisyen, radio dan internet yang digunakan bagi mempromosi iklan Saham Wakaf Johor. Sebanyak 64.52% adalah sangat setuju, 30.11% adalah setuju dan 5.38% adalah kurang setuju.

#### **4.0 CADANGAN**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengenal pasti terdapat beberapa cadangan yang dapat membantu dalam proses penambahbaikan iklan Saham Wakaf seperti:

- i. Mengadakan lebih banyak program saham wakaf supaya dapat membuat pendedahan tentang wakaf kepada masyarakat Islam;
- ii. Membuka lebih banyak kaunter saham wakaf di kawasan-kawasan yang dikunjungi oleh orang ramai; dan
- iii. Menyediakan pelbagai alternatif kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Johor untuk melakukan ibadah wakaf dan bagi menggalakkan semula penglibatan masyarakat Islam dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah.

## **5.0 RUMUSAN**

Institusi wakaf adalah merupakan suatu institusi yang sangat penting di dalam sejarah tamadun Islam. Ia telah menyumbang banyak manfaat kepada masyarakat Islam khususnya di dalam bidang ekonomi dan sosial. Oleh yang demikian, usaha yang gigih dan pelan strategi yang mantap perlulah dirancang dan dilaksanakan dari pelbagai perspektif bagi memastikan objektif sebenar institusi wakaf di dalam syariat Islam benar-benar dapat direalisasikan di Malaysia. Dalam konteks saham wakaf ianya sangat mementingkan kebijakan umum. Dengan cara demikian wakaf tersebut boleh dipelbagaikan kegunaannya bagi apa jua tujuan kebijakan dan pembangunan umat Islam. Kewujudkan saham wakaf adalah bagi membolehkan penyertaan yang lebih ramai umat Islam dalam negeri ini dalam ibadat wakaf. Setiap orang Islam boleh menyumbangkan sumber wang ringgit ke dalam dana saham wakaf sekadar termampu. Yang berada dengan kedudukannya, yang mewah dengan kelebihannya. Saham atau bahagian sumbangan itu akan diistibdalkan dengan harta kekal seperti tanah, bangunan dan projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada umat Islam. Ini adalah ibadat yang dijamin pahalanya dan berkekalan selagi wakaf itu wujud. Keistimewaan wakaf berbanding dengan sedekah biasa ialah ibadat wakaf bersifat kemasyarakatan atau sosial yang meluas dan berterusan atau kekal dan bukan individual. Sedekah kepada seseorang lebih bersifat individual dan tiada pihak dan hukum yang mengawal kegunaannya. Pemilik sedekah boleh melakukan mengikut kehendaknya berbeza dengan wakaf. Ia mempunyai hukum yang tersendiri dan tujuan yang tertentu. Saham wakaf tidak boleh dijual, tidak boleh dijadikan pemberian kepada mana-mana pihak dan tidak boleh diwarisi oleh seseorang. Begitu ketat sekali hukumnya bagi mengawal harta wakaf supaya tidak disalahgunakan. Justeru sifat wakaf itu kekal dan berpanjangan maka ia adalah satu pelaburan yang hakiki untuk mendapat keredhaan Allah. Melabur dalam saham wakaf dividennya diperolehi di akhirat. Dividennya jauh lebih tinggi berbanding dengan saham-saham lain. Oleh itu, mulai sekarang masyarakat perlulah menanamkan semangat

dan kesedaran untuk melaksanakan ibadat wakaf. Allah SWT berfirman di dalam surah Az-Zazalah ayat 7 :

فَمَنْ يَعْمَلُ مِنْ قَالَ ذَرْهٌ خَيْرًا يَرَهُ وَ  
٧

*Maksudnya : “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya).”*

Dalam era pembangunan dan kemajuan ekonomi yang sedang berlaku kini, institusi Islam seperti wakaf hendaklah digerakkan bersama-sama menyertai arus pembangunan. Ini membuktikan Islam membawa ajaran yang dinamik dan progresif sesuai dengan perkembangan dan perubahan masa. Tentu kita umat Islam di negeri ini merasa megah apabila kita sendiri dapat menegakkan syiar Islam di samping apa yang selama ini telah dilakukan oleh Kerajaan. Semoga dengan terbentuknya dana saham wakaf dan sumbangan umat Islam seluruhnya akan dapat memertatkan lagi syiar Islam dan mempertingkatkan komitmen umat Islam dan melaksanakan tanggungjawab sosial dan pembangunan.

## **RUJUKAN**

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.
- Aidi Ahmi, Mohd Herry bin Mohd Nasir & Mohd Hisham bin Mohd Sharif (2005), “**E-Wakaf: Ke Arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematisik**”, Universiti Utara Malaysia.
- (2006), “**Pelaksanaan Sistem Teknologi Maklumat Dalam Pengurusan Harta Wakaf**”, (Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, pada 12-14 September 2006, Anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan haji, di Hotel Legend Kuala Lumpur).
- Mohd Bakri Ibrahim (2008), “**Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Wakaf Malaysia**”, Jurnal Pengurusan Jawhar, vol. 2, no. 1, 2008.
- Ekonomi Wakaf** (2008), Diakses pada 08 May 2012. Dicapai daripada <http://ustazsaifudin.wakaf.org/v1/2008/11/13/ekonomi-wakaf-%E2%80%93-bahagian-keenam/>
- Saham Wakaf** (2010), Diakses pada 08 May 2012. Dicapai daripada <http://e-laporan.blogspot.com/2010/09/saham-wakaf.html>  
[www.e-wakafjohor.gov.my](http://www.e-wakafjohor.gov.my)

## **ZAKAT KE ATAS HARTA EMAS: AMALAN DAN PELAKSANAAN DI MALAYSIA**

Oleh:  
Muhsin Nor Paizin<sup>1</sup>

### **ABSTRAK**

Emas merupakan sejenis logam yang sangat berharga dan berguna. Sejarah telah membuktikan sepanjang ketamadunan awal Islam, emas merupakan medium utama selain perak bagi pertukaran (barter) dan alat transaksi bagi mendapatkan produk yang diperlukan. Emas juga ditempa dan dijadikan sebagai barang kemas wanita, perhiasan dan lambang kemegahan bagi pemiliknya. Mutakhir, emas mula mendapat tempat sebagai alat mendapatkan keuntungan pelaburan dengan pemilikan berbentuk jongkong, syiling dan akaun pelaburan serta sebagai alat penyimpanan nilai. Shari'ah menganggap emas adalah sumber kekayaan yang berkembang dan ia wajib dikenakan zakat apabila pemilikannya melebihi nisab. Walau bagaimanapun, pengiraan zakat terhadap emas mula berubah apabila niat pemilikannya berbeza contohnya, emas yang disimpan diwajibkan zakat apabila melebihi kadar nisab iaitu 85 gram, manakala emas perhiasan wanita pula hanya diwajibkan zakat apabila melebihi kadar uruf setempat. Lantas, institusi zakat di Malaysia mula menyusun pelbagai strategi mendapatkan formula pengiraan zakat yang terbaik terhadap kepelbagaian pemilikan emas. Kertas akan menganalisa proses pengiraan zakat terhadap sebahagian daripada kepelbagaian jenis aset emas yang kini telah diamalkan di beberapa Institusi Zakat di Malaysia.

**Perkataan Teras** : Zakat Emas, Pelaksanaan di Malaysia, Uruf, Zakat  
**Klasifikasi JEL** : Q59, Z12

---

<sup>1</sup> Pegawai Penyelidik. Pusat Pungutan Zakat, Wisma PPZ, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: muhsin.paizin@zakat.com.my

## PENGENALAN

Zakat dari sudut bahasa ialah bersih, suci, bertambah dan berkembang. Zakat juga boleh diertikan sebagai suatu rahmat, kebaikan, penyucian dan peningkatan. Zakat dari sudut istilah ialah mengeluarkan sebahagian harta yang tertentu kepada asnaf yang berhak dengan syarat-syarat yang tertentu. Perkataan zakat telah diulangi dalam kitab suci Al-Quran sebanyak 30 kali. 27 kali daripadanya digandingkan dengan perintah menunaikan sembahyang dalam satu ayat, antaranya terdapat dalam surah Al-Baqarah ayat 110 yang bermaksud:

*“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.”[Al-Baqarah (2): 110]<sup>2</sup>*

Sesungguhnya zakat merupakan suatu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah SWT dan kepentingannya meletakkan kedudukan menunaikan zakat dalam rukun Islam yang lima, seperti dalam hadith yang bermaksud:

*“Daripada Abu Abdul Rahman Abdullah ibn ‘Umar ibn al-Khatthab ra beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Islam itu terbina atas lima perkara: Naik saksi mengaku bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah Utusan Allah, Mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan”* (HR Bukhari)<sup>3</sup>

Demikian kewajipan zakat dalam Islam yang jika diingkari akan mendapat balasan seperti yang dinyatakan dalam Firman Allah SWT yang bermaksud:

- 
- 2 Semua terjemahan ayat al-Quran adalah berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (2013). Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- 3 Hadis. Sahih Bukhari. Kitab al-Iman: 8

*“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya – menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan” [Al-  
Li ‘Imran(3): 180]*

dan juga peringatan daripada Sabda Nabi SAW yang bermaksud :

*“Dari Ibnu ‘Umar ra berkata: Sabda Rasulullah SAW: “Tidaklah mereka (manusia) itu enggan mengeluarkan zakat daripada harta mereka melainkan sebenarnya mereka menyebabkan hujan tidak turun dari langit. Kalauolah tidak kerana (kasih Allah kepada) haiwan-haiwan, nescaya manusia tidak merasai hujan” (HR Ibnu Majah)<sup>4</sup>*

Zakat juga memberi kesan terhadap pentadbiran sesebuah negara dengan menjamin keadilan dan kestabilan sosial serta mampu merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat dan menghindari dari berlakunya permusuhan dan sifat dengki sesama manusia. Buktinya zakat hanya untuk golongan yang dikhaskan sahaja seperti disebut dalam Al-Quran, yang bermaksud:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan mu’allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang ber hutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan*

---

<sup>4</sup> Hadis. Ibnu Majah. Kitab Al-Fitan: Bab al-‘Uqubat: Jil. 2: 4019

*(ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*  
[At-Taubah (9): 60]

Menurut Mahmood Zuhdi (2003)<sup>5</sup>, sebagai salah satu daripada rukun Islam yang lima, zakat mempunyai latar belakang yang kuat dalam pembinaan Islam secara menyeluruh. Berdasarkan latar belakang ini, zakat boleh disifatkan secara mudah sebagai tonggak kewangan dan sosial dalam Islam.

## JENIS ZAKAT

Zakat secara umum boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah merupakan zakat peribadi juga dikenali sebagai zakat badan ataupun zakat bulan Ramadhan yang kewajipannya hanya pada bulan Ramadhan sahaja. Zakat harta pula adalah kadar tertentu dari pemilikan harta tertentu melalui syarat tertentu dan diserahkan kepada golongan tertentu yang jenisnya terdiri daripada zakat emas, zakat wang simpanan, zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat saham, dan sebagainya yang jenisnya berkembang selaras dengan definisi dan pemilikan harta yang sentiasa berubah dalam sesuatu zaman. Maka, kertas ini hanya akan menghadkan penelitian kepada zakat atas emas sahaja.

## KEWAJIPAN ZAKAT ATAS EMAS

Islam memandang emas sebagai simbol kekayaan harta yang berharga dan mampu berkembang. Semasa waktu awal perkembangan Islam, masyarakat Arab menggunakan emas sebagai wang dalam urusan jual beli. Emas-emas ditempa menjadi kepingan berbentuk syiling (dinar) dan nilainya ditentukan atas berat emas tersebut. Emas juga dibentuk menjadi barang perhiasan wanita, oleh sebab keistimewaan yang dimiliki oleh emas dan jelas menjadi ukurankekayaan seseorang, Allah SWT mewajibkan zakat ke atas emas. Kewajipan menunaikan zakat emas telah disebutkan secara terang dan jelas dalam kitab suci al-Quran yang bermaksud:

---

<sup>5</sup> Mahmood Zuhdi. (2003). Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

*“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dari mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu” [At-Taubah (9): 34-35]*

Abu Hurairah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Siapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya...” (Sahih Muslim)*

## **PENETAPAN KEWAJIPAN ZAKAT ATAS EMAS**

Umumnya emas yang boleh dizakatkan terbahagi kepada 3 jenis iaitu:

- Emas yang disimpan
- Emas perhiasan wanita, dan
- Emas diniatkan untuk pelaburan dan membuat keuntungan

### **Zakat Emas Yang Tidak Dipakai (Disimpan dan Untuk Pelaburan)**

Zakat atas emas yang disimpan dan emas untuk pelaburan hanya menjadi wajib apabila melebihi batas minimum pemilikannya iaitu dipanggil sebagai nisab. Ulama sepakat nisab bagi zakat emas disimpan bersamaan dengan 20 dinar (85 gram). Hadith daripada Ibn Umar, melaporkan bahawa yang bermaksud:

*“Setiap daripada 20 dinar atau lebih, Rasulullah SAW mengambil setengah dinar, dan daripada 40 dinar (sebanyak) satu dinar” (HR Ibnu Majah)<sup>6</sup>*

---

<sup>6</sup> Hadith Hasan. Sunan Ibnu Majah. Bab Zakat: 1791

Zakat emas juga hanya wajib apabila telah melepassi tempoh masa emas tersebut dimiliki iaitu 12 bulan atau setahun yang dipanggil sebagai haul sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Tiada wajib atas kamu sesuatu pun iaitu pada emas sehingga ada 20 dinar dan telah cukup haul wajib padanya setengah dinar. Apa yang lebih dari itu, mengikut kiraan yang sama”(HR Abu Dawud)<sup>7</sup>*

Diriwayatkan oleh Aishah yang bermaksud:

*“Aku mendengar Rasulullah bersabda: ‘Tidak ada zakat ke atas harta sehingga cukup Haul (satu tahun) telah berlalu.’ ”(HR Ibn Majah)<sup>8</sup>*

Adapun, banyak perbincangan telah dibuat oleh para ulama dahulu dan sekarang bagi menentukan nisab emas (gram) berpandukan dinar yang digunakan pada zaman Rasulullah SAW. Mengikut Dr. Yusuf al-Qardhawi, berbagai-bagai kaedah telah digunakan untuk mengetahui nilai berkenaan walau bagaimanapun, kaedah yang paling sesuai ialah dengan merujuk bahan yang masih tersimpan di sesetengah muzium yang masih menyimpan kepingan dinar dan dirham dahulu. Perdebatan nisab gram ini berterusan dengan pelbagai pandangan yang mengatakan nisab adalah antara 85 hingga 90 gram. Namun, penentuan mengenai nisab mempunyai perbincangannya yang tersendiri dan tidak akan dimasukkan secara terperinci didalam kertas ini. Justeru, adalah lebih menepati dan menyamai perlaksanaan di kebanyakan institusi zakat dunia yang menggunakan 85 gram sebagai asas nisab zakat terhadap emas.

### **Zakat Emas Perhiasan Wanita**

Menurut jumhur ulama, zakat tidak diwajibkan keatas emas yang dijadikan perhiasan wanita. Hujah mereka ialah tiada dalil yang memerintahkan supaya para wanita mengeluarkan zakat bagi perhiasan yang mereka pakai, di samping isteri-isteri Nabi dan isteri para sahabat sendiri tidak

---

<sup>7</sup> Sunan Abu Dawud. Kitab al-Zakat: 1568

<sup>8</sup> Hadith Hasan. Sunan Ibn Majah. Bab Zakat: #1792

pernah mengeluarkan zakat ke atas barang perhiasan mereka seperti riwayat yang bermaksud:

*“Dari Abd ar-Rahman ibn al-Qasim dari bapanya bahawa Saidatina Aisyah ra, isteri Nabi, menjaga beberapa orang anak yatim perempuan di rumahnya (iaitu anak-anak saudaranya). Mereka memakai perhiasan-perhiasan dan Aisyah tidak pernah mengeluarkan zakat untuk perhiasan-perhiasan tersebut” (HR Imam Malik)<sup>9</sup>*

dan diriwayatkan juga yang bermaksud:

*“Dari Nafi bahawasanya Abdullah ibn Umar, seorang sahabat, memberi pakai perhiasan-perhiasan emas kepada anak-anak perempuan dan hamba-hamba perempuannya, namun dia tidak pernah mengeluarkan zakat untuk perhiasan-perhiasan tersebut” (HR Imam Malik)<sup>10</sup>*

Seorang wanita harus membayar zakat perhiasan yang sudah tidak dipakai lagi kerana sudah lama atau sebab lainnya. Pendapat ini turut didokongi oleh Imam Ahmad, Imam Asy-Syafii, Imam Malik, Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim. Dr. Yusuf Al-Qardhawi dalam kitabnya *Fiqh Al-Zakah* (Bahagian 3: Bab 3)<sup>11</sup>, setelah melihat pelbagai pandangan, menyatakan pandangan yang rajih (kuat) ialah zakat tidak wajib ke atas emas perhiasan wanita, namun dikecualikan jika termasuk dalam salah satu daripada dua keadaan iaitu:

1. Perhiasan emas yang dibuat bukan untuk dipakai tetapi untuk disimpan yakni dijadikan aset simpanan, maka wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kerana emas tersebut telah beralih dari perhiasan kepada simpanan.
2. Perhiasan yang dimiliki itu terlalu banyak sehingga masuk dalam kategori berlebihan dan melampaui kadar yang biasa dipakai oleh wanita-wanita setempat (uruf). Apa yang berlebihan dengan adat dan kebiasaan adalah dilarang atau tidak digalakkan oleh

9 al-Muwatta' Imam Malik: Bab Zakat: No. 10

10 Ibid: Hadith No. 11

11 Yusuf Al-Qardhawi. *Fiqh al-Zakah*.

Shari'ah. Imam al-Nawawi berkata; "Menurut mazhab Syafie; berhujah bahawa barang perhiasan dibolehkan hanya jika tidak melebihi batas berlebih-lebihan yang tidak perlu, tetapi apabila melebihi batas, maka ia diharamkan menurut ahli hukum di Iraq" (Imam al-Nawawi, 1997)<sup>12</sup>

Dengan dijadikan emas sebagai barang perhiasan untuk kegunaan peribadi, emas berkenaan tidak lagi bersifat subur dan berkembang. Sedangkan zakat pada asasnya diambil daripada harta-harta yang subur atau dicadang untuk dikembangkan.

Mengenai perhiasan yang harus, telah disepakati juga oleh ulama bahawa perhiasan yang dibuat dari logam yang lain dari emas dan perak sekalipun harganya lebih mahal dari emas dan perak (seperti nikel, platinum, tembaga, batu-batu berharga seperti permata, zamrud dan sebagainya) tidak wajib dikeluarkan zakat sama ada yang dipakai oleh lelaki atau wanita.

## KONSEP DAN SENARIO KUTIPAN ZAKAT EMAS DI MALAYSIA

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, nisab dijadikan sebagai sandaran minimum harta yang harus dimiliki bagi zakat emas dan zakat harta yang lain. Nisab Zakat Emas bersesuaian dengan hadith yang bermaksud:

*"Kamu tidak diwajibkan membayar zakat emas kecuali apabila telah cukup 20 dinar (85 gram), sekiranya telah cukup 20 dinar kamu perlu membayar zakatnya sebanyak setengah misqal" (HR Abu Dawud)<sup>13</sup>*

Demikian daripada sabda Nabi SAW, tangga nisab yang berubah setiap tahun disebabkan oleh perletakan nilai (harga/price/value) emas harian dalam jumlah 85 gram emas. (Adapun bagi jenis zakat pertanian, zakat galian, zakat ternakan dan zakat harta rikaz mempunyai nisabnya yang tersendiri).

---

12 al-Majmu' Imam al-Nawawi, Vol. 6, p.40

13 Hadith. Sunan Abu Dawud: Bab al-Zakat: 1568

Jadual 1: Statistik Nisab Zakat Harta di Wilayah Persekutuan, Malaysia<sup>14</sup>

Tahun	Nisab Gunapakai (RM)	Purata Harga Emas Harian (RM)
2014	12,223	143.80
2013	14,066	165.48
2012	13,113	154.27
2011	10,300	121.17
2010	9,300	109.41
2009	8,000	94.11

Merujuk kepada Jadual 1 diatas, menunjukkan tren peningkatan nisab di Wilayah Persekutuan dari tahun 2009 hingga 2013. Tahun 2014 mencatatkan penurunan tangga nisab akibat daripada krisis kewangan yang berlaku pada tahun 2013 yang akhirnya mengakibatkan jatuhnya harga pasaran emas dunia.

Jadual 2 pula menggambarkan peningkatan amaun kutipan zakat emas dari tahun 2010 hingga 2012.

Jadual 2: Statistik Kutipan Zakat Emas Malaysia, 2010 - 2012<sup>15</sup>

Tahun	2012 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)
W. Persekutuan	1,473,835.28	901,372.19	732,983.85
Selangor	2,078,616.00	1,308,681.00	804,172.00
Johor	*724,963.1	*357,960.73	*251,198.39
Terengganu	*644,065.91	399,417.50	292,011.89
Perak	*598,318.58	*339,335.52	*245,414.45
Pulau Pinang	622,882.34	458,238.60	323,717.63

<sup>14</sup> Sumber dari Unit Penyelidikan & Pembangunan Korporat, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) – MAIWP, Kuala Lumpur

<sup>15</sup> Data termasuk zakat emas dan perak. Ibid

<b>Pahang</b>	483,335.24	658,649.95	499,345.63
<b>Kelantan</b>	396,123.39	*234,716.56	127,582.30
<b>Kedah</b>	*594,212.41	457,922.09	*271,390.61
<b>Negeri Sembilan</b>	*493,819.63	*330,714.13	*193,394.16
<b>Melaka</b>	465,310.45	*347,720.59	*376,371.62
<b>Perlis</b>	na	180,388.00	116,246.00
<b>Sarawak</b>	145,811.00	*63,381.28	*79,827.24
<b>Sabah</b>	*195,882.23	*120,431.26	*60,925.38
	<b>8,917,175.56</b>	<b>6,158,929.40</b>	<b>4,374,581.15</b>

Kutipan zakat emas (dan perak) bagi setiap negeri meningkat dari tahun ke tahun, misalnya di Wilayah Persekutuan pada tahun 2012 meningkat 63% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan kutipan zakat emas juga berlaku di negeri Selangor pada tahun 2012 meningkat 58% daripada RM1.30 juta kepada RM2.07 juta. Kutipan bagi seluruh negeri mencatatkan pertumbuhan sebanyak 44% dari tahun 2011 hingga tahun 2012, manakala pertumbuhan 40% dari tahun 2010 hingga 2011. Satu peningkatan peratusan yang mendadak, justeru boleh dibuat kesimpulan mudah bahawa umat Islam di Malaysia semakin banyak memiliki dan menyimpan emas, dan sekaligus telah mempengaruhi peningkatan jumlah kutipan zakat bagi seluruh negara pada tahun tersebut.

## **PELAKSANAAN PENGIRAAN ZAKAT ATAS EMAS MENGIKUT NEGERI**

### **Zakat Emas yang Disimpan**

Emas yang disimpan adalah emas yang tidak dipakai, iaitu emas yang benar-benar sebagai simpanan dan tidak digunakan sebagai perhiasan walaupun fizikalnya sama seperti emas perhiasan. Jika jumlah berat (gram) emas yang disimpan itu menyamai atau melebihi nisab 85 gram, maka wajib dikeluarkan zakat keatasnya sebanyak 2.5 peratus (%). Walau bagaimanapun, sehingga 2013, terdapat perbezaan kaedah pengiraan zakat emas simpanan oleh beberapa negeri.

**Jadual 3:** Contoh Pengiraan Zakat Emas Simpanan  
 Contoh: Pada 30 Disember 2013, jika berat emas yang disimpan ialah 150 gram maka:

Negeri	Contoh Pengiraan Zakat
Pusat Pungutan Zakat (PPZ) - Wilayah Persekutuan	$150 \text{ gram} \times \text{Harga purata 1gram emas tahun Haul} \times 2.5\%$ $150 \text{ gram} \times \text{RM}165.48^* \times 2.5\%$ $= \underline{\text{RM}}620.55$
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	$150 \text{ gram} \times \text{Harga 1gram emas semasa} \times 2.5\%$ $150 \text{ gram} \times \text{RM}122.77^{**} \times 2.5\%$ $= \underline{\text{RM}}505.05$
Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP)	$150 \text{ gram} \times \text{Harga purata 1gram emas bulan sebelumnya} \times 2.5\%$ $150 \text{ gram} \times \text{RM}130.99^{***} \times 2.5\%$ $= \underline{\text{RM}}491.21$

\* Sumber: Jadual 1: Statistik Nisab Zakat Harta di Wilayah Persekutuan, Malaysia

\*\* Harga emas 30 Disember 2013, sumber: 24gold.com

\*\*\* Sumber: <http://www.zakatpahang.my/v2/NisabZakat.aspx>

Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat walaupun jumlah berat (gram) emas yang disimpan itu sama 150 gram, tetapi dapat menghasilkan jumlah zakat yang berbeza iaitu di Wilayah Persekutuan mencatatkan amaun yang tertinggi iaitu RM620.55, dan di Selangor pula RM505.05. Satu perbezaan besar berlaku hanya disebabkan penggunaan harga emas 1 gram yang berbeza. Pada asalnya, perlu difahami kaedah pengambilan sumber harga emas yang berlainan serta ijтиhad pelaksanaan di setiap negeri adalah dalam usaha untuk mencari kaedah yang terbaik. Kertas melihat situasi ini memberikan pelbagai kaedah pengiraan kepada para pembayar zakat, malah menganggap tidak perlunya keseragaman dalam kaedah pengiraan zakat emas simpanan di Malaysia.

## **Zakat Emas Perhiasan Wanita**

Mengikut perbahasan sebelum ini, perhiasan yang dikhkususkan untuk pemakaian peribadi (wanita) tidak wajib dikeluarkan zakat melainkan pemilikannya melebihi nilai adat setempat. Maka kaedah menentukan kewajipan zakat emas perhiasan adalah mengikut uruf. Walau bagaimanapun, kadar uruf di setiap negeri-negeri di Malaysia adalah berbeza-beza.

**Jadual 4:** Kadar Uruf bagi Zakat Emas Perhiasan Mengikut Negeri, Malaysia<sup>16</sup>

Tahun	Uruf Emas Perhiasan 2012	Kenaan Zakat
<b>W. Persekutuan</b>	150 gram	Lebihan uruf
<b>Selangor</b>	800 gram	Lebihan uruf
<b>Johor</b>	850 gram	Lebihan uruf
<b>Terengganu</b>	850 gram	Lebihan uruf
<b>Perak</b>	500 gram	Keseluruhan emas
<b>Pulau Pinang</b>	165 gram	Keseluruhan emas
<b>Pahang</b>	200 gram	Keseluruhan emas
<b>Kelantan</b>	Tiada	-
<b>Kedah</b>	170 gram	Lebihan uruf
<b>Negeri Sembilan</b>	200 gram	Lebihan uruf
<b>Melaka</b>	RM5,000	Lebihan uruf
<b>Perlis</b>	170 gram	Keseluruhan emas
<b>Sarawak</b>	775 gram	Lebihan uruf
<b>Sabah</b>	RM5,000	Lebihan uruf

Berdasarkan senarai uruf dari Jadual 4, dapatlah dibuat contoh pengiraan seperti berikut:

---

16 Ibid

**Jadual 5:** Contoh Pengiraan Zakat Emas Perhiasan

Contoh: Jika berat emas yang pakai sepanjang tempoh haul ialah 600 gram, maka:

Negeri	Contoh Pengiraan Zakat
Pusat Pungutan Zakat (PPZ) - Wilayah Persekutuan	= $(600 \text{ gram} - \text{uruf}) \times 2.5\%$ = $(600 \text{ gram} - 150 \text{ gram}) \times 2.5\%$ = $450 \text{ gram} \times 2.5\%$ = $11.25 \text{ gram}$ (ditukarkan ke nilai RM) = <u>RM1,861.65</u>
Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Selangor	= $(600 \text{ gram} - \text{uruf}) \times 2.5\%$ = $(600 \text{ gram} - 800 \text{ gram}) \times 2.5\%$ = $-200 \text{ gram}$ = <u>Tidak dikenakan zakat</u>
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) - Perak	= $600 \text{ gram} \times 2.5\%$ = $15 \text{ gram}$ (ditukarkan ke nilai RM) = <u>RM2,482.20</u>
Pusat Zakat Melaka (PZM) - Melaka	= $[600 \text{ gram} (\text{ditukarkan ke nilai RM}) - \text{uruf}] \times 2.5\%$ = $[RM99,288 - RM5,000] \times 2.5\%$ = <u>RM2,357.20</u>

\* Harga emas per gram ditentukan mengikut penetapan negeri-negeri.

Merujuk kepada Jadual 5, walaupun jumlah emas yang dipakai sama tetapi dapat mencapai amaun zakat perlu dibayar yang berbeza mengikut amalan dan uruf negeri-negeri. Jelas pengiraan zakat atas keseluruhan emas menghasilkan amaun zakat yang paling tinggi seperti di negeri Perak (RM2,482.20), diikuti dengan kaedah yang hanya mengira atas lebihan uruf iaitu seperti di negeri Melaka (RM2,357.20) dan Wilayah Persekutuan (RM1,861.65). Jika pemakaian emas tidak melepas dari kadar uruf yang ditetapkan maka tidak perlu mengeluarkan zakat emas perhiasan seperti di Selangor.

Sesetengah institusi kajian seperti Institut Kajian Zakat (IKaZ) atas hasil kajiannya, telah mencadangkan: “Perlunya ada kesepakatan setiap negeri dalam menentukan kadar berat emas yang perlu dijadikan asas dalam menentukan urut nisab emas perhiasan supaya kadar tersebut tidaklah jauh berbeza antara negeri lain” (Hasan Bahrom et.al 2012). Perlu juga diambil perhatian bahawa belum ada formula khusus dan tepat bagi menimbang berat emas perhiasan yang bercampur dengan batu permata dan bahan lain. Melainkan pada masa kini, kaedah yang paling terbaik mendapatkan berat sebenar emas adalah dengan merujuk kepada resit belian yang disimpan oleh pemilik emas (Hamizul, 2012). Seandainya tiada resit belian, maka perlu ditolak berat batu permata berdasarkan andaian dan pengetahuan pemilik emas.

### **Zakat Terhadap Emas Yang Dilaburkan / Membuat Keuntungan**

Perbincangan dan kajian mengenai zakat terhadap emas yang dilaburkan adalah sangat kurang. Persoalan wujud apabila sesetengah masyarakat Muslim yang terlibat dalam aktiviti pelaburan emas mula menimbulkan isu kewajipan zakat terhadap pelbagai bentuk dan jenis pelaburan emas.

Sehingga kini (2013), belum ada pelaksanaan yang jelas oleh institusi zakat Malaysia berkenaan zakat terhadap emas yang dilaburkan, malah ada sesetengah pusat zakat yang menganggap status hukum zakat emas pelaburan sama seperti emas yang disimpan. Namun, perbincangan mengenainya telah mula dijalankan sejak tahun 2013 melalui kerjasama Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan, Malaysia dengan Akademi Penyelidikan Shari’ah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) dalam menghasilkan kertas kajian menjawab persoalan zakat emas pelaburan.<sup>17</sup>

Merujuk kepada kertas kajian tersebut, terdapat empat bentuk pelaburan emas patuh syariah di Malaysia iaitu:

- Zakat emas yang diperniagakan.
  - a) Emas jongkong dan syiling yang diperniagakan – Berdasarkan

---

<sup>17</sup> ISRA Research Paper No.53/2013: Analisis Kewajipan Zakat Emas Terhadap Pelaburan Emas Di Malaysia

pandangan yang dipilih iaitu pandangan jumhur ulama, diwajibkan zakat terhadap jongkong dan syiling emas dengan kadar 2.5% dikategorikan sebagai zakat perniagaan. Kadar adalah atas nilai emas pada akhir haul iaitu waktu wajib zakat. Nilainya mestilah melebihi nisab zakat harta, dan hanya perlu melebihi pada waktu cukup haul menurut mazhab Shafe'e. Sekiranya nilainya tidak mencukupi nisab, maka nilai tersebut perlu dicampurkan dengan nilai harta perniagaan lain, emas, perak dan wang simpanan yang lain bagi mencapai nisab.

- b) Emas perhiasan yang diperniagakan – Terdapat 2 pandangan sama ada zakat dikenakan atas zakat emas ataupun zakat perniagaan. Maka kadar yang perlu dikeluarkan bergantung kepada jenis zakat yang dikenakan. Jika mengambil pandangan ia adalah zakat perniagaan, maka kadar 2.5% daripada nilai harta tersebut. Tetapi jika mengambil pandangan ia adalah zakat emas, maka kadar 2.5% dikeluarkan atas emas tersebut.
    - Zakat emas yang dijadikan gadaian.
- Merupakan teknik dimana pelabur memanipulasi skim pajak gadai. Kaedah bermula dengan pembelian emas fizikal yang boleh dipajak gadai untuk mendapatkan wang pinjaman. Hasil daripada wang pinjaman tersebut, pelabur membeli emas yang lain dan memajakkannya lagi dan proses ini diulang-ulang bagi mendapatkan pemilikan emas semaksimum mungkin. Apabila harga semasa emas meningkat, pelabur akan menebus kesemua emas yang dipajak dan menjualnya bagi mendapatkan untung. Maka dengan memilih pandangan majoriti, konsep kontrak gadaian dan tanggungan hutang tidak menjadi penghalang kepada kewajipan zakat. Justeru emas yang disimpan di pusat pajak gadai hendaklah dikenakan zakat dengan kadar 2.5% atas jumlah emas dengan nisab dan haul yang sama seperti zakat harta lain.

- Zakat emas yang disimpan oleh pihak lain

Pelaburan sebegini dijalankan dengan pembelian emas yang kemudiannya disimpan kepada pihak lain untuk menjaganya atas dasar amanah ataupun memberikan bayaran upah simpan.

Sesetengah tempat menawarkan perkhidmatan peti simpanan untuk menyimpan emas. Hasil analisis, emas yang disimpan kepada pihak pihak lain dalam bentuk amanah wajib dikenakan zakat apabila mencukup nisab dan haul.

- Zakat emas yang dipinjamkan kepada pihak lain.

Teknik sebegini dilakukan apabila emas yang dibeli oleh pelabur diserahkan kepada penjual sebagai pinjaman (membuka akaun dsbnya), dengan itu emas yang sudah melalui transaksi jual beli tidak berada di tangan pelabur. Pelaburan seperti ini adalah patuh syariah, atas dasar transaksi asal pembelian emas adalah sah dan emas telah berpindah milik kepada pembeli. Dengan pemilikan yang sah terhadap emas, dan kuasa pilihan yang diperoleh pemilik sama ada untuk menyimpan emas sendiri atau kepada pihak penjual, maka pemegang akaun (emas) adalah diwajibkan mengeluarkan zakat emas setelah ia mencukup nisab dan haul.

Terdapat pula beberapa skim dan produk pelaburan emas di pasaran yang tidak memenuhi kriteria pelaburan patuh syariah, akibatnya timbul kekeliruan kerana sekalipun emas yang dilaburkan melalui proses transaksi tidak patuh syariah namun dari sudut undang-undang adalah sah miliknya dan boleh dikeluarkan zakat. Beberapa skim pelaburan emas tidak patuh syariah ialah:

- Pelaburan emas secara maya (ie. FOREX) – Pelabur tidak memiliki fizikal emas secara hakiki, justeru dikenakan zakat terhadap wang pelaburan (pokok) dikategorikan zakat wang simpanan. Nilainya hendaklah dikira bersama wang simpanannya yang lain bagi mencukupkan nisab dan transaksi tidak memutuskan haul asalnya.
- Pelan Pelaburan melalui pembayaran ansuran – Pelabur tidak dikenakan zakat sekiranya belum menerima emas yang dibelinya. Tetapi wajib dikeluarkan zakat emas sekiranya menerima emas dan mencukup nisab. Manakala haul bermula pada terikh penyerahan emas kepadanya.
- Akaun pelaburan emas yang tiada kemudahan mengeluarkan emas dalam bentuk fizikal – Pelabur wajib mengeluarkan zakat wang

simpanan terhadap modal pelaburan (pokok). Nilainya hendaklah dikira bersama wang simpanannya yang lain bagi mencukupkan nisab dan transaksi jual beli emas melalui kaedah ini tidak memutuskan haul wang pelaburan asal.

- Emas perhiasan yang haram – Jenis perniagaan emas yang berunsurkan haram sekiranya dibeli dan dipakai oleh lelaki. Pemilikan emas tersebut sah, tetapi tidak menggugurkan kewajipan mengeluarkan zakat emas dengan nisab 85 gram.

Oleh kerana perbicangan mengenai kewajipan zakat terhadap jenis pelaburan emas masih baru di Malaysia, maka institusi-institusi zakat seharusnya mempertimbangkan kaedah yang paling sesuai dalam pengoperasian zakat emas. Kertas berpendapat seharusnya dirujuk terus kepada Kertas Penyelidikan ISRA No.53/2013 untuk mendapatkan hujah dan dalil yang lebih jelas yang merumuskan kewajipan zakat atas konsep pelaburan emas.

## KESIMPULAN

Setiap masyarakat Muslim harus sedar, untuk menjadikan emas itu tidak berlegar dalam lingkungan orang kaya, terbeku atau tidak produktif, telah ditetapkan kewajipan umatnya untuk mengagihkan kembali harta kekayaan kepada golongan yang memerlukan. Syarak telah menetapkan agar emas yang tidak digunakan dan disimpan, wajib dikeluarkan zakat mengikut garis panduan yang ditetapkan, sementara emas yang diguna sebagai perhiasan wanita wajib dikeluarkan zakat sekira beratnya melebihi adat pemakaian setempat (uruf). Begitu juga kewajipan zakat tidak digugurkan terhadap pelbagai jenis dan skim pelaburan emas yang terdapat dalam pasaran.

Berdasarkan kepada analisis, kertas melihat perlunya penyelidikan dan perbincangan lebih lanjut bagi menjawab beberapa persoalan. Dari sudut zakat atas emas yang disimpan, kertas menganggap perlunya kesefahaman kepada para pembayar terhadap pelbagai kaedah pengiraan dan penetapan nilai emas di setiap negeri. Walaupun wujud usaha untuk menyeragamkannya, namun seharusnya tidak menjadi penghalang kepada kepelbagaian dalam pemilihan proses pengiraan.

Ini tidak lari daripada amalan yang diguna pakai dalam pengiraan zakat atas emas perhiasan wanita, walaupun begitu, institusi-institusi zakat seharusnya mencari jalan dan formula terbaik menentukan nilai emas terhadap jenis-jenis dan komposisi emas dalam setiap perhiasan. Perlu juga kepada pertimbangan untuk memiliki mesin pengesan komposisi emas seperti yang terdapat di pusat pajak gadai ar-rahn. Lantas daripada penggunaan teknologi yang canggih ini dapat juga membantu memperoleh berat emas diasingkan dengan berat batu permata tanpa memerlukan resit pembelian pelanggan.

Kini wujud pula fenomena baru masyarakat untuk melabur dalam pelbagai skim pelaburan emas, justeru setiap institusi zakat semestinya perlu meneruskan usaha membuat lebih banyak penyelidikan tentangnya sehingga mampu diaplikasikan terus ke dalam aktiviti dakwahnya.

## RUJUKAN

- Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. *Sunan ibn Majah*. Vol. 1: Book 36 (Bab al-'Uqbat). Diambil daripada <http://sunnah.com/ibnmajah>
- Abu Dawud Sulayman ibn Ash'. *Sunan Abu Dawud*. Diambil dari <http://www.hadithcollection.com/abudawud>
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2011). *Fiqh al-Zakah*. Islamic Book Trust: Kuala Lumpur.
- Azman Ab Rahman (2012). *Keengganan Membayar Zakat Menurut Perspektif Syarak Dan Perundangan Islam Di Malaysia*. Penerbit USIM. Cetakan Pertama 2012.
- Hamizul A. Hamid. (2012). *Eksklusif Zakat*. Galeri Ilmu. Cetakan Pertama 2012.
- Hasan Bahrom (2011). *Zakat Emas Dan Perak*. *Fiqh Zakat Malaysia*, Institut Kajian Zakat (IKaZ), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 121 – 131.
- Hasan Bahrom, Mohd Sirajuddin Siswadi Putera & Hajar Opir. (2013). *Kaedah Penentuan Uruf Emas Dalam Zakat Perhiasan*. Kertas kerja dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Institut Kajian Zakat (IKaZ), 399 -411.
- Imam Muhammad al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*: Bab al-Iman (Chapter 2: Belief). Diambil daripada <http://sunnah.com/bukhari>
- Imam Al-Nawawi. (1997). *al-Majmu'* Beirut: Dar al-Fikr
- Lokmanulhakim Hussain, Mohamed Fairooz Abdul Khir & Mohd Bahroddin Badri (2013). *Analisis Kewajipan Zakat Emas Terhadap Pelaburan Emas di Malaysia*. Kertas Penyelidikan ISRA No. 53/2013.
- Mahmood Zuhdi. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd Faisol Ibrahim & Suhaina Musani. (2010). *Zakat dan Perlaksanaanya di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah: Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).
- Muslim ibn al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Diambil dari <http://www.hadithcollection.com/sahihmuslim>
- Malik ibn Anas. *al-Muwatta' of Imam Malik ibn Anas*. Madinah Press Inverness, Scotland. Saba Islamic Media. Terbitan 2001.
- Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2012). *Laporan Zakat Tahunan 2012*. Penerbitan PPZ-MAIWP.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an cetakan kedua puluh dua. (2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Kuala

Lumpur.

Unit Penyelidikan & Pembangunan Korporat. (2014). Data dan Statistik daripada Sistem Integrasi Zakat (SIZa). Pusat Pungutan Zakat (PPZ) – MAIWP, Kuala Lumpur.

<http://www.bloomberg.com/news/2013-04-15/gold-extends-bear-market-losses-as-investors-reduce-etp-holdings.html>

<http://www.24hgold.com/english/home.aspx>

<http://www.zakatpahang.my/v2/NisabZakat.aspx>

## **WASIAT KEPADA NON MUSLIM: ANALISIS DARI PERSPEKTIF MASLAHAH**

*Oleh:*

Noor Lizza Mohamed Said<sup>1</sup>  
Muhammad Adib Samsudin<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis maslahah yang melatari pendapat-pendapat *fujahah*' berkaitan hukum wasiat kepada non-Muslim. Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep maslahah dalam perundangan Islam selain daripada mengkaji pandangan *fujahah*' berkaitan wasiat kepada non-Muslim dan seterusnya menganalisis maslahah yang tersirat di sebalik pendapat-pendapat mereka. Hasil kajian mendapati larangan atau keharusan berwasiat kepada non-Muslim adalah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan dan kesucian agama Islam selain daripada memelihara harta, memelihara hak waris dan memelihara kepentingan masyarakat secara umum.

Perkataan Teras : Wasiat, Konsep Maslahah, non-Muslim, Perundangan Islam

Klasifikasi JEL : A12, N01, Z12

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

<sup>2</sup> Pensyarah di Jabatan Syariah, FPI, UKM.

## PENDAHULUAN

Wasiat kepada non-Muslim telah dibincang oleh *fuqaha'* silam. Sebahagian daripada mereka berpendapat ia diharuskan manakala sebahagian yang lain pula berpendapat sebaliknya. Namun demikian, kertas ini bertujuan melihat kemaslahatan yang melatari pendapat para *fuqaha'* tersebut. Ini kerana hukum-hakam yang terkandung dalam perundangan Islam adalah manifestasi tuntutan meraikan maslahah. Oleh itu, sebelum melihat aspek kemaslahatan pensyiaratan wasiat kepada non-Muslim, adalah wajar untuk ditelusuri sepintas lalu konsep *maslahah* dalam perundangan Islam.

## MASLAHAH DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Islam diturunkan untuk memelihara kemaslahatan umat manusia keseluruhannya. Perutusan Nabi Muhammad SAW yang disifatkan sebagai rahmat itu merupakan bukti paling kukuh kepada pernyataan ini.<sup>3</sup>

### Definisi *Maslahah*

Perkataan *maslahah* pada bahasa membawa dua maksud iaitu:<sup>4</sup>

- a. Kata terbitan (*masdar*) yang bermakna *al-salah*<sup>5</sup> seperti perkataan *al-manfa'ah* yang bermakna *al-naf*. *Al-salah* bermaksud sesuatu itu berada dalam keadaan yang sempurna seperti yang dikehendaki daripada sesuatu tersebut. Contohnya pen yang kegunaannya untuk menulis. Begitu juga dengan kegunaan pedang yang sempurna sifatnya ialah untuk memancung.
- b. Zat perbuatan yang mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Maksud *maslahah* dari sudut ini merupakan *itlaq*

3 Firman Allah SWT pada surah Al-Anbiya' (21:107) yang bermaksud: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

4 Ramadan Abd Al-Wadud, *Al-Ta'lil bi Al-Maslahah 'inda Al-Usuliyyin*, 1407H/1987, Dar Al-Huda li Al-Taba'ah, Sayyidah Zainab, hlm. 10.

5 Yang bererti baik atau kebaikan. Lihat Muhammad Idris Al-Marbawi, *Kamus Al-Marbawi*, 1350H, Al-Halabi, Al-Qahirah, hlm. 341.

*majaziyy* iaitu diitlaqkan akibat tetapi yang dikehendaki ialah penyebab yang membawa kepada akibat. Dengan kata lain, diitlaq perkataan *maslahah* yang merupakan akibat daripada sesuatu perbuatan yang merupakan sebab baginya. Misalnya, dikatakan perniagaan itu merupakan satu *maslahah* bererti perniagaan itu adalah sebab untuk memperoleh manfaat (yang berbentuk material).<sup>6</sup>

Manakala definisi *maslahah* menurut ahli-ahli usul pula boleh dirangkumkan<sup>7</sup> sebagai manfaat yang ditentukan oleh Al-Shari' yang Maha Bijaksana untuk hamba-hambaNya dengan memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.<sup>8</sup>

Oleh itu, semua pembahagian *maslahah* yang akan disentuh selepas ini sama ada dari aspek kekuatan pada zatnya, aspek umum dan khusus mahupun dari aspek perakuan dan penolakan syarak tidak lebih daripada bertujuan menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

### **Klasifikasi *Maslahah*<sup>9</sup>**

*Maslahah* boleh diklasifikasikan kepada beberapa bahagian iaitu dari aspek kekuatan pada zat, kesyumulan dan juga perakuan syarak.

#### **a. Aspek kekuatan pada zat**

Pembahagian *maslahah* dari aspek ini terbahagi kepada tiga iaitu:

- i. *Al-Daruriyyah* iaitu *maslahah* yang berkaitan dengan keperluan asas manusia di dunia dan akhirat. Jika ia tiada, maka hidup manusia akan pincang serta membawa kepada penyesalan pada hari

<sup>6</sup> Ini kerana terdapat manfaat maknawi seperti dikatakan menuntut ilmu adalah satu *maslahah* iaitu menuntut ilmu adalah sebab bagi mendapatkan manfaat (maknawi).

<sup>7</sup> Ini kerana terdapat pelbagai definisi yang diberikan namun pada hakikatnya topik perbincangan (*mawdu*) adalah sama.

<sup>8</sup> Muhammad Said Ramadan Al-Butiyy, *Dawabit Al-Maslahah fi Al-Shariah Al-Islamiyyah*, Mu'assasat Al-Risalah, Beirut, cet. ke-6, 1421H/2000, hlm. 27. Ia adalah hasil kesimpulan yang dibuat oleh Al-Butiyy berdasarkan definisi Al-Ghazaliyy dan Al-Raziyy.

<sup>9</sup> Ramadan Abd Al-Wadud, *Al-Talil bi Al-Maslahah 'inda Al-Usuliyyin*, hlm. 114.

akhirat kelak.<sup>10</sup> Misalnya kewajipan melaksanakan kelima-lima rukun Islam.

- ii. *Al-Hajiyah* bermaksud *maslahah* yang diperlukan sebagai kemudahan kepada manusia dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran. Namun demikian, ketiadaan *maslahah* ini tidak menjelaskan kehidupan tetapi akan menyebabkan sedikit kesulitan.<sup>11</sup> Contohnya kelonggaran yang diberikan kepada individu yang bermusafir untuk melakukan *jamak* dan *qasar*.
- iii. *Al-Tahsiniyyah* pula bermaksud *maslahah* yang menjurus kepada adat yang baik dan akhlak yang mulia serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras. Ketidaannya pula tidak memberi implikasi besar kepada kehidupan manusia seperti kedua-dua bentuk pembahagian *maslahah* sebelum ini.<sup>12</sup> Antara contohnya ialah berhias dan memakai bauan yang wangi untuk pergi menuaikan sembahyang di masjid.

#### b. Aspek umum dan khusus

Selain itu juga, *maslahah* boleh dilihat dari aspek ruang lingkup sama ada ia umum atau khusus iaitu *maslahah ammah*, *maslahah aghlabiyah* dan *maslahah khassah*.<sup>13</sup>

- i. *Maslahah ammah* iaitu *maslahah* yang merangkumi seluru manusia. Contohnya pensyariatan membunuh ahli bidaah jika dikhuatiri golongan ini akan mempengaruhi umat Islam dengan perbuatan bidaah yang mereka lakukan.
- ii. Manakala *maslahah* yang melibatkan sebahagian besar manusia sahaja dinamakan dengan *maslahah aghlabiyah*. Misalnya

<sup>10</sup> Ibrahim bin Musa Al-Shatibiyy, *Al-Muwafaqat fi usul Al-shariah* sunt. ‘Abdullah Darraz, Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, Beirut, t.th. juz 2, hlm. 7.

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 9.

<sup>12</sup> Ibid., hlm. 9-10.

<sup>13</sup> Husin Hamid Hassan, *Nazariyyat Al-Maslahah fi Al-fiqh Al-Islamiyy*, Dar Al-Nahdah al-‘Arabiyyah, Mesir, 1971, hlm. 33.

jaminan yang dikenakan ke atas pengilang terhadap produk yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana yang berurusan dengan pengilang hanyalah sebahagian besar manusia sahaja dan bukan keseluruhannya.

- iii. *Maslahah khassah* pula merujuk kepada kemaslahatan individu tertentu pada situasi tertentu yang jarang berlaku. Contohnya *'iddah* wanita yang agak jauh pusingan haidnya akan dikira mengikut bulan dan bukan mengikut kitaran haid.

### c. Aspek perakuan dan penolakan syarak

Klasifikasi *maslahah* yang terakhir dan paling penting ialah mengikut perakuan atau penolakan syarak.<sup>14</sup> Ia dianggap terpenting berbanding pembahagian yang lain kerana kemunasabahan sesuatu sifat atau kerasionalalannya akan dikira sebagai munasabah dan rasional setelah diperakui oleh Al-Shari'i.

Selain itu juga, pembahagian ini memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya sebagai panduan kepada tertib dan susunan kedudukan yang perlu diambil kira jika terdapat pertentangan (*ta'arud*) antara sesama *maslahah* dalam usaha mengistinbat hukum syarak.<sup>15</sup> Ia terbahagi kepada tiga:

- i. *Maslahah mutabarrah* iaitu *maslahah* yang sabit dengan nas ataupun ijmak.<sup>16</sup> Dengan erti kata lain, *maslahah* tersebut diperakui oleh syarak sama ada melalui nas atau ijmak. Misalnya pensyariatan hudud sebagai balasan kepada perbuatan mencuri. Ia bertujuan memelihara kemaslahatan manusia berkenaan harta yang terdapat nas daripada al-Quran yang memperakui pelaksanaan hukuman tersebut. Nas tersebut berbunyi:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَرَاءٌ بِمَا كَسَبُوا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ<sup>17</sup>

<sup>14</sup> Muhammad Mustafa Shalabi, *Talil Al-Ahkam*, Dar Al-Nahdah Al-'Arabiyyah, Beirut, t.th, hlm. 243.

<sup>15</sup> Muhammad Said Ramadan Al-Butiyy, *Dawabit al-maslahah fi Al-shariah al-Islamiyyah*, Mu'assasat al-Risalah, Beirut, cet. ke 6, 1421H/2000, hlm. 202.

<sup>16</sup> Ramadan Abd Al-Wadud, *Al-Ta'lil bi Al-maslahah 'inda Al-Usuliyyin*, hlm. 150.

**Maksudnya:**

*“Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.*

Pada nas di atas, Al-Shari’ memperakui *ain* hukum iaitu pemotongan tangan yang ber’illah’kan mencuri yang menjadi *ain* sifat. Oleh yang demikian, ia adalah *maslahah* dan sekaligus merupakan tujuan perundungan (*maqasid Al-Shariah*) yang tidak boleh ditolak oleh akal yang waras dan rasional.<sup>17</sup>

- ii. *Maslahah mulghah* iaitu *maslahah* yang terdapat dalil khusus yang membantalkannya.<sup>18</sup> Misalnya mewajibkan berpuasa selama dua bulan berturut-turut sebagai permulaan pada tertib *kaffarah* zihar sebelum ‘berusaha’ dan tidak mampu untuk membebaskan hamba. Keadaan ini khusus kepada sesiapa yang mudah untuk membebaskan hamba berbanding dengan puasa.<sup>19</sup>
- iii. Walaupun dengan cara ini mungkin kelihatan lebih mendatangkan kemaslahatan pada akal, namun ia tidak dikira sebagai *maslahah* yang diiktiraf kerana ia bertentangan dengan nas.<sup>20</sup> Nas tersebut ialah firman Allah SWT yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَاتُلُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّا  
ذَلِكُمْ تُؤْتَعْطُونَ بِهِ وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامً شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ  
قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا<sup>22</sup>

**Maksudnya:**

*“Orang-orang yang menzihar isteri mereka, kemudian mereka*

17 Pada kesempatan ini juga, perlu ditegaskan bahawa *maqasid Al-Shariah* yang sebenar ialah melaksanakan syariat Ilahi dan bukan sebagai alasan untuk menangguhkannya apatah lagi untuk tidak melaksanakannya dengan alasan *maslahah* dan *maqasid Al-Shariah* secara palsu, tidak berdisiplin dan pada masa yang sama tidak ilmiah.

18 Ibid., hlm. 155-156.

19 Seperti fatwa yang dikeluarkan oleh Yahya b. Yahya kepada salah seorang raja Andalus iaitu Abd Al-Rahman b. Al-Hakam. Ini kerana raja tidak menghadapi sebarang masalah untuk membebaskan seorang hamba setiap kali berlaku zihar memandangkan raja kebiasaannya mempunyai hamba dengan jumlah yang banyak.

20 Dan juga ijmak.

*hendak menarik kembali apa yang mereka ucapkan, maka (wajib atasnya) memerdekaan seorang budak sebelum kedua suami isteri itu bercampur. Demikianlah yang diajarkan kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. Barang siapa yang tidak mendapatkan (budak), maka (wajib atasnya) berpuasa dua bulan berturut-turut. Maka siapa yang tiada kuasa (wajib atasnya) memberi makan enam puluh orang miskin”.*

Pada ayat di atas, Allah SWT telah menetapkan susunan tertib zihar yang dimulakan dengan pembebasan hamba dan diakhiri dengan memberi makan kepada orang miskin. Dengan ini, penetapan berpuasa sebagai permulaan pada *kaffarah* zihar terbatal kerana berpuasa hanya dibolehkan jika tidak mampu untuk membebaskan hamba.

- iv. *Maslahah mursalah* iaitu *maslahah* yang tiada dalil khusus mengenainya sama ada menerima atau menolak *maslahah* tersebut tetapi secara tersirat, ia dimaksudkan oleh syarak untuk dipelihara.<sup>21</sup> Contohnya tindakan Saidina Abu Bakar r.a. mengumpul al-Quran yang bertebaran sebelum itu lalu disalin semula di atas satu *mushaf* sahaja. Langkah yang diambil ini tidak terdapat nas khusus yang menyuruh mahupun yang melarang tetapi ia rasional dan munasabah bagi memelihara al-Quran daripada hilang dengan kematian ramai sahabat Nabi Muhammad SAW yang menghafal al-Quran.

Berdasarkan kepada kupasan ringkas mengenai konsep *maslahah* di atas, maka dapat dirumuskan bahawa pengistinbatan hukum syarak tidak akan tersasar daripada *maslahah* yang telah ditetapkan dalam perundangan Islam termasuklah wasiat kepada non-Muslim.

## **WASIAH KEPADA NON-MUSLIM**

Wasiat berasal daripada perkataan *wassa* yang bererti berpesan, berwasiat.<sup>22</sup>

---

21 Ibid., hlm. 159-160.

22 Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, *Al-Miftah mujam 'asri*, Al-Azhar Media Enterprise, 2007, hlm.1931.

Begitu juga ia turut bermaksud *isal* yang bermakna hubungan atau sambungan.<sup>23</sup> Oleh itu, wasiat dari segi bahasa ialah seseorang berjanji atau berpesan kepada seseorang yang lain supaya melaksanakan sesuatu perbuatan mahupun urusan semasa hidup atau selepas kematiannya, atau bermaksud memberikan harta kepada seseorang yang lain.

Dari segi istilah syarak pula, wasiat bermaksud pemilikan selepas kematian<sup>24</sup> atau memberi milik harta (kepada seseorang) selepas kematian secara sukarela (*tabarru'*), sama ada yang diberikan itu ain harta atau manfaat.<sup>25</sup>

Pensyariatannya bersandarkan kepada al-Quran, hadis dan ijmak. Antaranya firman Allah SWT yang berbunyi:

كُنْبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمُؤْتَ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ  
بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُنْقَبِينَ<sup>26</sup>

### Maksudnya:

*"Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa".*

Pada ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kepada hamba-Nya yang bertakwa supaya mewasiatkan harta kepada kaum kerabat yang tidak mewarisi harta sekiranya dia ada meninggalkan harta yang banyak. Misalnya mewasiatkan sebahagian harta kepada datuk ketika kewujudan bapa, kepada cucu ketika kewujudan anak yang menghalang cucu daripada menerima pusaka dan kaum kerabat yang tergolong dari golongan *dhawi Al-Arham* seperti anak kepada anak perempuan dan sebagainya.<sup>26</sup>

23 Mustafa Khin dan Mustafa Bugha, *Al-Fiqh Al-manhaji ala mazahib Al-Imam Al-Syafie*, Jil. 2, Dar Al-Qalam, Damsyiq, hlm. 243.

24 Al-Jurjani, Ali b. Muhammad b. Ali, *Al-Ta'rifat*, Dar Al-Kitab Al-Arabi, Beirut, 1418H/1998M, hlm. 326.

25 Muhammad Zuhayly, *Al-Fara'id wa Al-Mawarith wa Al-Wasaya*, Dar Al-Kalim Al-Tayyub, Beirut, 1422H/2001M, hlm. 402.

26 Begitu juga dengan ayat 11 dalam surah Al-Nisa' yang

Begitu juga dengan sepotong hadis yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ تَحْسَدُكَ عَلَيْكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ بِتُّلُثٍ أَمْوَالِكُمْ زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ<sup>30</sup>

### **Maksudnya:**

*“Sesungguhnya Allah SWT bersedekah ke atas kamu dengan satu pertiga harta kamu ketika kematian kamu, sebagai tambahan kepada amalan-amalan kamu”.*

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa wasiat disyariatkan apabila Allah SWT mengharuskan hambaNya menggunakan 1/3 daripada harta mereka untuk digunakan ke atas perkara-perkara kebaikan bagi menebus kembali keburukan yang telah dilakukan pada masa lampau. Selain itu, kesemua dalil nas sama ada al-Quran, mahupun hadis membawa kepada kesepakatan para sahabat, tabiin dan *fuqaha'* keseluruhannya sehingga berlakulah ijmak mengenai keharusan berwasiat.

Walaupun terdapat kesepakatan *fuqaha'* mengenai pensyariatan wasiat, namun ia adalah wasiat sesama Muslim. Mereka berselisih pendapat mengenai wasiat kepada non-muslim sama ada *kafir harbi* atau *kafir zimmi* kepada beberapa pendapat antaranya ialah:

#### **i. *Kafir Harbi***

Menurut mazhab Hanafi dan Maliki, tidak harus orang Muslim atau *kafir zimmi* walaupun dengan keizinan waris-waris lain mewasiatkan harta kepada *kafir harbi* sama ada yang tinggal di negara *harbi* mahupun yang tinggal di negara Islam.<sup>27</sup> Manakala sebahagian *fuqaha'* Hanafi pula berpendapat tidak harus mewasiatkan harta kepada *kafir harbi* yang hanya tinggal di negara *harbi* sahaja kerana mereka dianggap sebagai orang yang telah mati, oleh itu pemberian

---

bermaksud “(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya.” Pada ayat ini, Allah SWT menerangkan hukum pewarisan setelah ditunaikan hutang-hutang dan wasiat si mati. Ini menunjukkan bahawa hukum wasiat adalah harus.

27 Al-Husari, Ahmad, *Al-Tarikat wa Al-Wisoya*, Dar al-Jail, Beirut, 1996M/1412H, hlm. 658 & 664.

kepada orang yang telah mati adalah terbatal.<sup>28</sup> Pemberian wasiat kepada golongan ini akan membawa kemudaran kepada umat Islam kerana ia boleh membantu menguatkan kedudukan mereka dan dapat membantu mereka memerangi orang Islam.<sup>29</sup>

Keharusan mewasiatkan harta kepada *kafir harbi* yang tinggal di negara Islam pada pandangan sebahagian *fujahā'* Hanafi adalah kerana kedudukan mereka menyerupai *kafir zimmi* yang berada di bawah perjanjian orang Islam.<sup>30</sup> Firman Allah SWT:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرُجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبْرُوْهُمْ  
وَنُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ<sup>35</sup>

#### **Maksudnya:**

*"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil".*

Namun walaupun begitu, terdapat riwayat dari Abu Hanifah yang tidak mengharuskan wasiat kepada *kafir harbi* yang tinggal di negara Islam sebagaimana tidak harus menunaikan *kaffarah* dan nazar kepada mereka kerana ia mampu membantu mereka memerangi orang Islam. Begitu juga golongan ini tidak mengharuskan orang Muslim mewasiatkan harta kepada orang yang murtad<sup>31</sup> kerana hukuman bunuh diwajibkan ke atas orang yang murtad dan mereka hilang hak pemilikan harta.<sup>32</sup>

Mazhab Shafie dan Hambali pula mengharuskan wasiat kepada orang yang murtad dan *kafir harbi* yang tertentu sahaja yang tidak mengancam keselamatan orang Islam sama ada yang tinggal di

28 Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar, *Radd Al-Muhtar 'ala Al-Dur Al-Mukhtar*, Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi, Beirut, 1419H/1998M, Juz.6, hlm. 248.

29 Al-Husari, hlm. 658.

30 Al-Zuhayly, Wahbah, *al-Fiqh al-Islamiy wa adillatuh*, Cet.3, Dar al-Fikr, Damsyiq, 1409H/1989M, Juz. 8, hlm. 38.

31 Al-Zuhayly, Wahbah, hlm. 39.

32 Al-Zuhayly, Muhammad, *Al-Fara'id wa Al-Mawarith wa Al-Wasaya*, Dar Al-Kalim Al-Tayyib, Damsyiq, 1422H/2001M, hlm. 455.

negara Islam ataupun tidak. Ia diqiasakan dengan keharusan hibah dan sedekah kepada mereka. Namun jika sebaliknya, mereka tidak diharuskan diberi wasiat. Imam Bukhari dan Muslim ada meriwayatkan bahawa Asma' binti Abu Bakar telah diberi keizinan oleh Rasulullah SAW menghubungkan silaturrahim dengan ibunya yang masih kafir.<sup>33</sup>

أَنْتَنِي أُمِّي رَاغِبَةٌ فِي عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَّثُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصِيلَهَا قَالَ نَعَمْ<sup>39</sup>

#### **Maksudnya:**

*"Ibuku Raghibah telah datang padaku pada zaman Rasulullah SAW lalu aku bertanya kepada Nabi SAW: "Adakah aku menyambung silaturrahim?" Baginda menjawab: "Ya".*

Dan dari segi logiknya menurut *fuqaha'* Hanbali, telah menjadi ijmak ulamak tentang keharusan hibah kepada kafir *harbi*. Oleh itu, hukum wasiat kepada kafir juga adalah harus hukumnya.<sup>34</sup> Namun mereka mensyaratkan barang yang diwasiat hendaklah tidak menyumbang kepada persediaan memerangi orang Islam.<sup>35</sup>

Namun begitu, terdapat juga sebahagian *fuqaha'* mazhab Shafie yang sepandapat dengan mazhab Hanafi dan Maliki tidak mengharuskan wasiat kepada kafir *harbi*.<sup>36</sup>

Kedudukan perselisihan pendapat di kalangan *fuqaha'* berkaitan wasiat kafir *harbi* kepada orang Islam adalah sama dengan wasiat orang Islam kepada kafir *harbi*.

#### **ii. Kafir Zimmi**

*Fuqaha'* telah sepakat bahawa wasiat orang Islam kepada kafir *zimmi* adalah sah hukumnya begitu juga dengan wasiat *kafir zimmi* kepada orang Islam dengan kadar tidak melebihi 1/3 bahagian. Ini

<sup>33</sup> Al-Zuhayly, Wahbah, hlm. 39.

<sup>34</sup> Al-Husari, hlm. 683.

<sup>35</sup> Al-Zuhayly, Muhammad, hlm. 456.

<sup>36</sup> Al-Husari, hlm. 668.

adalah kerana *kafir zimmi* adalah sama hukumnya dengan orang Islam dalam muamalat ketika hidup atau selepas kematian mereka.

Namun dalam masalah wasiat *kafir zimmi* kepada orang Islam terdapat empat keadaan yang telah dibincangkan oleh *fuqaha'* Mazhab Hanafi iaitu:

- i. Sekiranya harta atau barang yang diwasiatkan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada syariat Islam dan syariat mereka seperti sedekah kepada fakir miskin dari kalangan orang Islam dan *kafir zimmi*, mendirikan sekolah atau hospital hukumnya adalah sah.
- ii. Sekiranya harta atau barang yang diwasiatkan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada syariat Islam dan bukan kepada syariat mereka, maka wasiat dalam keadaan ini adalah tidak sah. Sebagai contoh, mereka mewasiatkan supaya didirikan masjid untuk orang Islam atau menunaikan haji untuk mereka. Wasiat tidak sah kerana mereka tidak meyakini bahawa barang atau harta yang diwasiatkan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT;
- iii. Sekiranya harta atau barang yang diwasiatkan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada syariat mereka sahaja, seperti mewasiatkan supaya didirikan gereja, tempat ibadah mereka atau menyembelih qurban untuk hari raya agama mereka maka wasiat dalam keadaan ini adalah sah menurut Abu Hanifah tetapi tidak sah menurut Abu Yusof dan Muhammad Al-Syaibani serta sebahagian *fuqaha'* mazhab Hanafi kerana ia bertujuan maksiat; dan
- iv. Sekiranya harta atau barang yang diwasiatkan adalah sesuatu yang terlarang di sisi agama Islam atau agama pewasiat, seperti mendirikan tempat perjudian atau pusat pelacuran maka wasiat tersebut adalah tidak sah.<sup>37</sup>

---

<sup>37</sup> Al-Zuhayly, hlm. 40; Al-Hasari, hlm. 658-659.

## **ANALISIS WASIAT KEPADA NON-MUSLIM**

Para *fuqaha'* membahagikan non-Muslim kepada dua golongan iaitu *harbi* dan *zimmi*. Walaupun mungkin boleh dibincangkan dalam konteks semasa pembahagian ini, namun kertas ini hanya ingin melihat *maslahah* yang tersirat daripada perbincangan *fuqaha'* di atas.

Pemberian wasiat kepada kafir *harbi* tidak diharuskan oleh *fuqaha'* kerana menjaga kemaslahatan agama. Ini memandangkan sifat *kafir harbi* yang sentiasa memusuhi dan memerangi Islam. Pemberian wasiat kepada mereka akan menambah kekuatan dan kekuasaan mereka. Bahkan inilah alasan paling kukuh kafir *harbi* tidak berhak menerima wasiat daripada orang Islam kerana ia akan memberi kemudaratan umum ke atas orang Islam.

Ini diperkuatkan lagi dengan melihat alasan yang diberikan oleh golongan Al-Shafiyyah dan Al-Hanabilah apabila mereka menyatakan bahawa pemberian wasiat kepada kafir *harbi* dengan syarat mereka tidak mengancam keselamatan umat Islam. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa menjaga agama yang merupakan *maslahah daruriyah* menjadi asas perkiraan ketika mengeluarkan hukum.

Manakala kesepakatan *fuqaha'* menyatakan bahawa *kafir zimmi* berhak menerima wasiat daripada orang Muslim berpandukan kepada *maslahah ammah* kerana kemaslahatan yang dinikmati antara *kafir zimmi* dengan orang Islam adalah secara bersama memandangkan tiada perbezaan dari segi hukum muamalat dan hubungan harian. Wasiat *kafir zimmi* mengambil hukum wasiat orang Islam dengan disyaratkan tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan hartanya untuk menjaga hak waris.

Unsur maslahah turut dapat dilihat pada perselisihan yang berlaku dalam mazhab Hanafi berkaitan pewasiatan *kafir zimmi* kepada muslim. Wasiat yang membawa kepada kemaslahatan umum seperti pembinaan hospital dan sekolah menjadi contoh yang sangat relevan dalam hal ini. Selain itu, wasiat yang bertujuan kemaksiatan di sisi kedua-dua belah pihak adalah tidak sah kerana ia boleh membawa kepada kerosakan dan bencana kepada masyarakat umum.

Oleh yang demikian, perbincangan yang berlaku di kalangan *fuqaha'* tentang isu wasiat kepada non-Muslim ini pada hakikatnya melihat kepada kemaslahatan yang menjadi asas kepada pensyariatan Islam.

## KESIMPULAN

Pengistinbatan hukum syarak tertakluk kepada *manhaj* atau kaedah yang telah sedia wujud sejak diutuskan Nabi Muhammad SAW<sup>38</sup> ia merupakan pegangan dan panduan yang menjadi ukuran dalam memahami serta mentafsirkan nas-nas al-Quran dan as-Sunnah dalam merumus hukum hakam dan mendabit pemikiran mahupun *ijtihad*. *Manhaj* ini<sup>39</sup> telah diiltizam oleh seluruh generasi umat Islam sepanjang zaman dalam usaha mereka memahami al-Quran dan al-Sunnah.

*Manhaj* ilmiah Islam ini terkandung di dalamnya kaedah-kaedah yang disepakati oleh seluruh ahli salaf di samping beberapa kaedah yang tidak disepakati di kalangan mereka. Dengan kata lain, masalah yang berada di bawah kaedah dari jenis kedua termasuk dalam kategori *ijtihadiyyah* yang terbuka kepada perbahasan dan perbincangan yang *tabii'nya* akan melahirkan pendapat dan pandangan yang berlainan. Namun demikian, perbezaan pendapat dan pandangan yang berpunca daripada tabiat kaedah yang sedemikian masih tetap diperakui dalam garis daerah iltizam dengan *manhaj* Islam tersebut.

Oleh itu, umat Islam yang iltizam dan komited dengan al-Quran dan as-Sunnah mempunyai neraca (*al-mizan*) atau pengukur (*al-miqyas*) yang tetap dalam mentafsirkan nas dan kandungannya. Pada waktu yang sama juga mereka mempunyai tempat rujukan bagi mendabit iaitu mengawal, mengikat dan memastikan pendapat atau *ijtihad* yang benar dan sahih agar tetap tunduk kepada ‘kekuasaan’ nas.

---

38 *Manhaj* ilmiah Islam ini sama ada dari pegangan atau pengamalannya telahpun wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman sahabat lagi tetapi dari segi pengkajian, penyelidikan dan penulisan serta pembukuan *manhaj* ini hanya lahir setelah berlalu separuh daripada usia *salaf Al-Salih*.

39 *Manhaj* di sini bukan bermaksud teknik atau sistem kajian ilmiah seperti yang sering difahami tetapi suatu jalan (*Al-Tariqah*) yang akan memandu seseorang pengkaji menemui kebenaran sama ada dalam bentuk berita yang hendak dipastikan kesahihannya atau isu yang hendak dipastikan kebenaran atau kepalsuan buktinya.

la satu hakikat yang telah sabit dan akal akan tunduk kepadanya secara sukarela serta boleh diterima oleh fitrah manusia.<sup>40</sup> Dalam hal ini Dr. Muhammad Said Ramadan Al-Butiyy telah berkata:

“Ini kerana timbangan yang dipakai adalah satu hakikat yang sabit kewujudannya yang tunduk kepada ketahuan dan singkapan. Keadaannya serupa dengan setiap yang wujud yang boleh dilihat dengan mata kasar tanpa terpengaruh kewujudannya atau bentuk kewujudannya dengan mana-mana pemikiran akal manusia atau teori rekaan; jika tidak, ia tidak layak untuk dinamakan sebagai neraca yang digunakan sebagai penghakim dalam menyelesaikan hal-ehwal dan perselisihan antara mereka sama ada pada perkara material atau spiritual”.<sup>41</sup>

Teks di atas jelas menunjukkan bahawa neraca dan timbangan yang digunakan untuk *mengistin'bat* hukum syarak bukan khayalan ataupun rekaan ulama Islam. Sekiranya ia adalah ciptaan akal manusia, maka ia tidak layak untuk menjadi pemutus kepada perselisihan yang berlaku kerana ciptaan ini memerlukan kepada neraca yang lain pula untuk membuktikan kesahihannya. Oleh itu, para *fuqaha'* Islam hanya perlu ‘memastikan’ setiap *ijtihad* itu tidak melanggar spesifikasi yang telah ditetapkan dalam *manhaj* tersebut.

---

40 Al-Butiyy, *Al-Salafiyyah marhalah zamaniyyah mubarakah la mazhab Islamiyy*, hlm. 60.

41 Muhammad Said Ramadan Al-Butiyy, Azmat Al-mārifah...wa 'ilajuha fi hayatina Al-fikriyyah Al-Mu'asirah dalam *Al-Manhajiyah Al-Islamiyyah wa Al-'ulum Al-Sulukiyyah wa Al-Tarbiyyah*, The International Institute of Islamic Thought, U.S.A, 1991, hlm. 57.

## RUJUKAN

- Al-Bannaniyy. T.th. *Hashiyat Al-Aallamah Al-Bannaniyy*. 2 Jil. Al-Qahirah: Dar Ihya' Al-Kutub Al-'Arabiyyah.
- Al-Butiyy, Muhammad Said Ramadan. 1421H/2000. *Dawabit Al-Maslahah fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah*. Cet. ke-6. Beirut: Mu'assasat Al-Risalah.
- Al-Hafnawiyy, Muhammad Ibrahim. 1415H/1995. *Tabsirat Al-Nujaba' bi tahqiq Al-ijtihad wa Al-Taqlid wa Al-Talfiq wa Al-Ifta'*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Husari, Ahmad. 1996M/1412H. *Al-Tarikat wa Al-Wisoya*. Beirut: Dar al-Jail.
- Husin Hamid Hassan. 1971. *Nazariyyat Al-Maslahah fi Al-Fiqh Al-Islamiyy*. Mesir: Dar Al-Nahdah Al-'Arabiyyah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1419H/1998M. *Radd Al-Muhtar 'ala Al-Dur Al-mukhtar*. Juz.6. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Ibn Kathir. 1917H/1996. *Tafsir Al-Qur'an Al-'Azim* sunt. Taha 'Abd Al-Ra'uf Sa'd. 3 jil. Maktabat Al-Iman, Al-Mansurah, juz 2,
- Muhammad Abu Zahrah. T.th. *Tarikh Al-Madhahib Al-Islamiyyah fi Al-Siyasah wa Al-'Aqa'id wa tarikh Al-Madhahib Al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Dar Al-Fikr al-'Arabiyy.
- Muhammad Abu Zahrah. t.th. *Usul Al-fiqh*. Al-Qahirah: Dar Al-Fikr Al-'Arabiyy.
- Muhammad Idris Al-Marbawi. 1350H. *Kamus Al-Marbawi*. Al-Qahirah: Al-Halabi.
- Muhammad Zuhayly, *Al-Faraaid wa Al-Mawarith wa Al-Wasaya*, Dar Al-Kalim Al-Tayyub, Beirut, 1422H/2001M, hlm. 402.

Qutb, Sayyid. 1407H/1987. *Fi zilal Al-Quran*. 6 jil. Cet. ke-13. Al-Qahirah: Dar Al-Shuruq.

Ramadan 'Abd Al-Wadud. 1407H/1987. *Al-Ta'lil bi Al-Maslalah 'inda Al-Usuliyyin*. Sayyidah Zainab: Dar Al-Huda li Al-Taba'ah.

Shalabiyy, Muhammad Mustafa. T.th *Ta'lil Al-Ahkam*. Beirut: Dar Al-Nahdah Al-'Arabiyyah.

Al-Shatibiyy, Ibrahim b. Musa. T.th. *Al-Muwafaqat fi usul Al-Shari'ah* sunt. 'Abdullah Darraz. 4 juz. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhayly, Muhammad, 1422H/2001M, *Al-Faraaid wa Al-Mawarith wa Al-Wasaya*, Damsyiq: Dar Al-Kalim Al-Tayyib.

Al-Zuhayly, Wahbah. 1411H/1991. *Al-Tafsir Al-munir*. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu'asir.

Al-Zuhayly, Wahbah. 1409H/1989M. *Al-Fiqh Al-Islamiy wa adillatuh*. Juz. 8. Cet.3. Damsyiq: Dar Al-Fikr.



## **AEROSOL OPTICAL PROPERTIES OVER MAKKAH, SAUDI ARABIA**

<sup>1</sup>by:

<sup>2</sup>N. Othman

<sup>3</sup>M. Z. MatJafri

<sup>4</sup>H.S. Lim

<sup>5</sup>K. Abdullah

### **ABSTRACT**

Aerosol optical depth,  $\tau(\lambda)$ , (AOD) is the most comprehensive variable to characterize aerosol due to atmospheric pollution. The aerosol optical properties in Makkah observed during dust period (April–September) from 2003 to 2009 have been presented in this study. Aerosol optical depths at all wavelengths showed a sharp increase during major dust outbreak in spring season when compared with the average for the season. For example at Makkah, aerosol optical depths increase from the spring average value of  $0.43 \pm 0.02$  at 550 nm to values  $>0.70$  during major dust event days in 1999 and 2001. In this paper, we used 5 types which are Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer (MODIS) aboard the TERRA and AQUA, MERIS, MISR satellite of AOD product to study the trend of aerosol distribution over Makkah area within latitudes  $21.30^\circ$  N to  $21.48^\circ$  N and longitudes  $39.73^\circ$  E to  $40.03^\circ$  E. The measurements of aerosol using CALIPSO airborne lidar satellite shows that the properties of aerosol over study area are dust aerosol. The results show the spring season (April-September) gives the high value of AOD compared to other season.

Keywords : *AOD, dust, Makkah*

Classification of JEL : Q52, Q53

---

1 Student of School of Physics, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia

2 nadzri86@gmail.com

3 mjafri@usm.my

4 hslim@usm.my

5 khirudd@usm.my

## INTRODUCTION

Air pollution has become an increasingly important environmental issue in the Middle East. Saudi Arabia is located in a dry area where precipitation rarely occurs and surface winds are inactive almost all the year round. In Saudi Arabia, dust plays a primary role in causing air pollution in a country which is more than 90 % is desert. The desert is the source region of dust (Presidency of Meteorology and Environment (PME), 2007). The desert is characterized by periodical outbreaks of dust storms that transport large amounts of desert dust in the troposphere, resulting in enhanced optical thickness value that is correlated with the aerosol direct radiative forcing.

Middleton (1986) has reviewed the distribution of dust storms in the Middle East. In addition, Idso (1976) recognized Arabia as one of five world regions where dust storm generation is especially intense. Prospero and Carlson (1981) reports that a major zone of dust haze can be observed in the Arabian Sea during June, July, and August, and high levels of dust have been found off the Omani coast (Tindale and Pease 1999). Pease, Tchakerian, and Tindale (1998) suggest that the Wahiba Sands could be a major dust source. Although there are severe gaps in terms of the coverage by surface stations with dust storm observations—not least over the Rub Al Khali—Middleton (1986) demonstrated that the Lower Mesopotamian plains had the highest number of dust-storm days per year. Central Saudi Arabia had a moderate level of dust storm activity, with Riyadh recording an average of 7.6 dust storm days per year, and 76 days on average when blowing dust reduced visibility to less than 11 km.

There are two major sources of aerosol data: (1) satellite instruments, such as AVHRR-2, Global Ozone Monitoring Experiment (GOME), Total Ozone Mapping Spectrometer (TOMS), Sea-viewing Wide Field-of-view Sensor (SeaWiFS), POLarization and Directionality of the Earth's Reflectances (POLDER), Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer (MODIS), and Multiangle Imaging SpectroRadiometer (MISR); and (2) ground-based instruments, such as a narrow band sun photometer (Schaap et al., 2008) and spectroradiometer (Brogniez et al., 2008). Both these equipments can be correlated with the satellite sensor's electromagnetic spectrums. Therefore, these equipments are able to collect values of

the AOT in the same wavelength bands of the satellite imagery. Those permanent narrow band sun photometer and spectroradiometer used widely is AErosol RObotic NETwork (AERONET) (Holben et al., 1998) and RSS-1024 Rotating Shadowband Spectroradiometer (Harrison et al., 1999) respectively. These equipments also come in handy as it is mobile and able to collect the optical readings anywhere such as MICROTOPS II hand-held sunphotometer and FieldSpec handheld spectroradiometer (Lim et al., 2009).

This study used various type of AOD spaceborne product to observe the trend of AOD over Makkah, Saudi Arabia to relate the AOD and aerosol type during the high value season. The correlation among various of AOD product also been examine based on the correlation coefficient (R) and the root-mean-square (RMSE) values.

## STUDY AREA

The selected study area was an urban-arid area of Makkah, Mina and Arafah over Saudi Arabia which located within latitudes 21.30° N to 21.48° N and longitudes 39.73° E to 40.03° E (Figure 1). Some unusual events often happen during the year, such as dust storms in summer, coming from the Arabian Peninsula's deserts or from North Africa (Al-Jeelani, 2009).



**Figure 1:** Study area of Makkah

## METHODOLOGY AND DATA ACQUISITIONS

A measure of radiation extinction at the encounter of aerosol particles in the atmosphere. The extinction or total aerosol optical depth is measure of radiation extinction due to aerosol scattering and absorption. Aerosol Total Optical Depth are available through Giovanni at 550 nm from the Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer (MODIS) Terra (MOD08 M3.005) and Aqua (MYD08 M3.051), Deep blue algorithm from MODIS Aqua (DB MYD08 M3.051), MEdium Resolution Imaging Spectrometer (MERIS) (MER T550.004) and MIL3MAE.004 at wavelength 555 nm from Multiangle Imaging SpectroRadiometer (MISR).

The MODIS instrument is actively operating on both the Terra and Aqua spacecraft. It has a viewing swath width of 2,330 km and views the entire surface of the Earth every one to two days. Its detectors measure 36 spectral bands between 0.405 and 14.385  $\mu\text{m}$ , and it acquires data at three different spatial resolutions. The Deep blue algorithm AOD product generated by MODIS Aqua that use other parts of the spectrum, such as the ultraviolet (Hsu et al., 2004) help to overcome the problems in determining aerosol over bright desert, the magnitude of dust absorption is determined if dust has brightens or darkens the image. MODIS was launched aboard the Terra satellite on December 18, 1999 (10:30 am equator crossing time, descending) for global monitoring of the atmosphere, terrestrial ecosystems, and oceans. On May 4, 2002, a similar instrument was launched on the EOS-Aqua satellite (1:30 pm equator crossing time, ascending).

MEdium Resolution Imaging Spectrometer (MERIS) (Rast et al., 1999) is a multispectral instrument on-board Envisat, an advanced polar-orbiting Earth observation satellite, which was launched in March 2002. MERIS is an across-track scanning single view instrument with 15 spectral bands from the UV to the NIR. The swath width is 1150 km with an instrument resolution of 300 m. The instrument resolution is reduced to 1200 m by the on-board combination of four adjacent samples across track over four successive lines.


The Multi-angle Imaging SpectroRadiometer (MISR) instrument (Diner et al., 1998, 2002) flies on NASA's Terra (formally known as EOS-AM1) spacecraft, in sun-synchronous polar orbit with an equator crossing time

of 10:30 am. Terra MISR sweeps out a 360 km wide swath of data from north to south while in daylight.

Then, the aerosol spaceborne lidar; Cloud-Aerosol LIDAR and Infrared Pathfinder Satellite Observation (CALIPSO) used to identify aerosol subtype during the high event of AOD value from the time series AOD products. CALIPSO's payload carries three co-aligned nadir-viewing instruments; an active LIDAR (CALIOP), a passive Infrared Imaging Radiometer (IIR), and visible Wide Field Camera. The LIDAR emits short pulses of green and infrared light which then are reflected back from cloud and aerosol particles in the atmosphere. Each LIDAR sample produces a 300-feet wide snapshot or profile of the atmosphere.

## RESULTS

We examined AOD data from MODIS Terra (MOD08 M3.005) and Aqua (MYD08 M3.051), Deep blue algorithm from MODIS Aqua (DB MYD08 M3.051), MERIS (MER T550.004) and Terra MISR (MIL3MAE.004) between January 2003 and December 2009. Comparisons of various type of AOD product are shown in Figure 2 and the correlations between these products were presented in Tables 1 and 2. The overall trend shows that, between May till July tend to have the excess AOT more than 0.5 which affected by the drier season around that area.



**Figure 2:** Various type of AOD product retrieved through seasonal variation

MER T550. 004					
MOD08 M3. 005					0.3069
MIL3MAE. 004				0.3210	0.7829
MYD08 M3. 051			0.5121	0.5396	0.5120
DB MYD08 M3.051		0.4450	0.4923	0.7570	0.6178
	DB MYD08 M3.051	MYD08 M3.051	MIL3MAE. 004	MOD08 M3.005	MER T550.004


**Table 1:** R coefficient of various AOD products

MER T550. 004					
MOD08 M3. 005					0.5884
MIL3MAE. 004				0.0807	0.071
MYD08 M3. 051			0.1107	0.083	0.1668
DB MYD08 M3.051		0.0958	0.0986	0.1106	0.0624
	DB MYD08 M3.051	MYD08 M3.051	MIL3MAE. 004	MOD08 M3.005	MER T550.004


**Table 2:** RMSE of various AOD products

By using CALIPSO level 3.01, aerosol subtype, we can notify the presence of dust at vertical distribution of altitude which thickness about 4 km vertically between 1 to 6 km from the Earth's surface on 15 June 2006 as shown in figure 3. Figure 4 shows the aerosols thickness about 2 km vertically between 1 to 3 km from the Earth's surface On 15 February 2009. AOD that has been derived from various types of AOD product

also shows higher optical depth of aerosols corresponds to the date of 15 June 2006 compare and 15 February 2009. These might be heavily influenced by aerosol dust over Arabic region which higher optical depths were observed during June-July (Satheesh et al. 2006). The high AOD means low visibility and more polluted particle in the atmosphere caused by dust particle in the atmosphere



**Figure 3:** Calipso level 3.01, aerosol subtype on 15 June 2006



**Figure 4:** Calipso level 3.01, aerosol subtype on 15 February 2009

## **CONCLUSIONS**

Remote sensing has the ability to detect aerosols distribution before and during dust season using various type of AOD product such as MODIS Terra (MOD08 M3.005) and Aqua (MYD08 M3.051), Deep blue algorithm from MODIS Aqua (DB MYD08 M3.051), MERIS (MER T550.004) and Terra MISR (MIL3MAE.004). It shows that the trend of AOD over Makkah can be observed using these satellite product where the correlation about the same. The aerosol distribution on both day shows that aerosols at Makkah are type of dust aerosol as shown by CALIPSO level 3.01, aerosol subtype. The knowledge on aerosol distribution and optical depth can help the authorities to take important preventions action to ensure the pilgrims can avoid from health risks cause by dust aerosols.

## **ACKNOWLEDGEMENTS**

These researches were supported by USM-RU-PRGS PFIZIK/1001/831020 and FRGS (IPTA) 203/PFIZIK/6711107 (Hajj Research). Appreciations are extended to USM and all who involved in this research project. The images and data used in this study were acquired using the GES-DISC Interactive Online Visualization And analysis Infrastructure (Giovanni) as part of the NASA's Goddard Earth Sciences (GES) Data and Information Services Center (DISC).

## REFERENCES

1. Al-Jeelani, H. A. (2009). Evaluation of air quality in the Holy Makkah during Hajj season 1425 H. *Journal of Applied Sciences Research*, 5(1), 115-121.
2. Brogniez, C., Buchard, V., and Auriol, F. (2008). Validation of UV-visible aerosol optical thickness retrieved from spectroradiometer measurements. *Atmospheric Chemistry Physics*, 8, 4655-4663.
3. Diner, D. J., Beckert, J. C., Reilly, T. H., Bruegge, C. J., Conel, J. E. and Kahn R. et al. (1998). Multiangle imaging spectroradiometer (MISR) instrument description and experiment overview, *IEEE Transactions on Geoscience and Remote Sensing*, 36, 1072-1087.
4. Diner, D. J., Beckert, J. C., Bothwell, G. W., & Rodriguez, J. I. (2002). Performance of the MISR instrument during its first 20 months in Earth orbit. *IEEE Transactions on Geoscience and Remote Sensing*, 40, 1449-1466.
5. Harrison, L., Beauharnois, M., Berndt, J., Kiedron, P., Michalsky, J. J. and Min, Q. (1999). The Rotating Shadowband Spectroradiometer (RSS) at SGP. *Geophysical Research Letters*, 26, 1715–1718.
6. Holben, B. N., Eck, T. F., Slutsker, I., Tanre, T., Buis, J. P., Setzer, A., Vermote, E., Reagan, J. A., Kaufman, Y. J., Nakajima, T., Lavenu, F., Jankowiak, I., and Smirnov, A. (1998). AERONET: a federated instrument network and data archive for aerosol characterization. *Remote Sensing of Environment*, 37, 2403-2412.
7. Hsu, N. C., Tsay, S. C., King, M. D, and Herman, J. R. (2004). Aerosol properties over bright-reflecting source regions. *IEEE Transactions on Geoscience and Remote Sensing*, 42(3), 557-569.
8. Idso, S. B. (1976). Dust storms. *Scientific American* 235 (4), 108–11, 113–14.
9. Lim, H. S., MatJafri, M. Z., Abdullah, K., Wong, C. J. and Mohd. Saleh, N. (2009). Aerosol Optical Thickness Data Retrieval Over Penang Island, Malaysia. Aerospace conference 2009 IEEE, 7-14 March 2009. pp. 1 – 6.
10. Middleton, N. J. (1986). Dust storms in the Middle East. *Journal of Arid Environments* 10, 83–96.
11. Pease, P. P., V. P. Tchakerian, and N. W. Tindale. (1998). Aerosols over the Arabian Sea: Geochemistry and source areas for aeolian transport. *Journal of Arid Environments*, 39,477–96.
12. Prospero, J. M., and T. N. Carlson. (1981). Saharan air outbreaks

- over the tropical North Atlantic. *Pure and Applied Geophysics*, 119 (3), 677–91.
- 13. Rast, M., Bezy J. L. and Bruzzi S. (1999). The ESA Medium Resolution Imaging Spectrometer MERIS-A review of the instrument and its mission, *International Journal of Remote Sensing*, 20, 1681–1702.
  - 14. Satheesh, S. K., S. Deepshikha, and J. Srinivasan. (2006). Impact of dust aerosols on Earth-atmosphere clear-sky albedo and its short wave radiative forcing over African and Arabian regions. *International Journal of Remote Sensing*, 27 (8), 1691–1706.
  - 15. Tindale, N. W., and P. P. Pease. (1999). Aerosols over the Arabian Sea: Atmospheric transport pathways and concentrations of dust and sea salt. *Deep-Sea Research Part II* 46, 1577–95.

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAT HAJI DAN UMRAH KANAK-KANAK : SATU PENJELASAN MENURUT *FIQH ISLAMI*<sup>1</sup>**

Oleh:

**Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi<sup>2</sup>**

**Dato' Paduka Sheikh Abdul Majid Muhammad Nur<sup>3</sup>**

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan menerangkan dan menjelaskan kekeliruan hukum-hakam yang berlaku dikalangan umat Islam, para mutawwif, petugas haji dan umrah, jemaah haji dan jemaah umrah yang membawa kanak-kanak semasa di tanah suci Mekah. Isu timbul tatkala mula membawa kanak-kanak ke tanah suci Mekah, para jemaah mula menghadapi kesukaran dalam membimbang anak-anak tersebut menyempurnakan rukun dan wajib haji atau umrah. Oleh itu, timbul pelbagai pandangan mengatakan ibadat haji dan umrah kanak-kanak tersebut tidak sah. Artikel ini bertujuan menjelaskan dan membentuk satu garis panduan pelaksanaan ibadat haji dan umrah kanak-kanak menurut *fiqh islami*. Metadologi analisa dokumen digunakan bagi meneliti dan memperolehi maklumat berkaitan pandangan *fiqh* akan isu ini. Dapatkan kajian mendapati sah kanak-kanak melaksanakan ibadat haji dan umrah selagi mana mereka memelihara dan menyempurnakan rukun dan wajib haji atau umrah. Namun jika pelaksanaannya tidak mencapai baligh, maka kanak-kanak tersebut wajib melaksanakannya semula tatkala mencapai tahap balighnya nanti. Diharapkan, perbincangan yang disampaikan dalam artikel ini akan menjadi satu panduan dan bimbingan kepada jemaah haji dan

- 
- 1 Artikel ini telah dibentangkan dan ditambah baik di 5<sup>th</sup> National Seminar On Hajj Best Practices , Anjuran Kluster Haji, Universiti Sains Malaysia (USM), Pada 27-28 Ogos 2013.
  - 2 Pensyarah Pengurusan Tabung Haji, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Penasihat Syariah Dan Pakar Rujuk Haji dan Umrah Andalusia Travel & Tours dan Penyelaras serta Ahli Panel Syariah, Aqidah Dan Isu Semasa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).
  - 3 Mantan Mufti Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman merangkap Mantan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji Tabung Haji / Pusat Islam (Jakim) dan Mantan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman .

umrah di dalam menghadapi isu permasalahan membawa kanak-kanak melaksanakan ibadat haji dan umrah demi mencapai keredhaan Allah SWT seterusnya mencapai haji mabruk dan umrah yang maqbul.

Perkataan Teras : Haji, Umrah, Kanak-Kanak

Klasifikasi JEL : Z12

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Isu ahli keluarga membawa kanak-kanak untuk beribadat di tanah suci Mekah merupakan satu fenomena yang biasa di negara Malaysia khususnya ibadat umrah. Ini adalah kerana faktor kemampuan yang mampu ditanggung oleh keluarga tersebut disamping kesyukuran dan kenikmatan menunaikan ibadat haji atau umrah sekeluarga;
- 1.2 Namun begitu, tatkala ahli keluarga jemaah mula membawa anak-anak tersebut ke tanah suci Mekah, para jemaah mula menghadapi kesukaran dalam membimbing anak-anak tersebut didalam membuat persediaan untuk melaksanakan ibadat umrah dan haji;
- 1.3 Kemuncaknyanya apabila para jemaah telah sampai ke tanah suci Mekah, tahap keyakinan diri dalam membimbing kanak-kanak yang dibawa dalam menyempurnakan rukun dan wajib haji atau umrah adalah amat rendah;
- 1.4 Oleh itu, para jemaah mula merasa rungsing kerana timbul pelbagai pandangan mengatakan ibadat haji dan umrah kanak-kanak yang dibawa adalah sia-sia kerana ianya berkemungkinan sah atau mungkin tidak sah;
- 1.5 Kemudian timbul pula kekeliruan hukum-hakam bagaimana ingin membimbing anak-anak tersebut dalam menyempurnakan ibadat haji atau umrah. Diantaranya bagaimana anak saya ingin berniat haji atau umrah sedangkan dia baru berumur tiga, empat atau lima tahun?, bagaimana tawaf dan sa'ienya?, apakah sah saya mendokongnya ketika tawaf?, dan adakah

- anak-anak ini dikenakan dam sedangkan mereka belum baligh lagi?;
- 1.6 Namun begitu, apa yang lebih malang, adakah alasan mutawwif atau para petugas yang dirujuk tidak dapat menjawab dengan sempurna soalan-soalan yang diajukan oleh jemaah-jemaah tersebut. Malah adakah alasan jawapan yang diberi bercanggah dengan pandangan *fiqh* dan keputusan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan, Lembaga Tabung Haji Malaysia.

## 2. SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH

- 2.1 Umat Islam adalah diwajibkan menunaikan ibadat haji dan umrah sekali seumur hidup. Maka bermula syarat jatuhnya wajib ke atas umat Islam menunaikan ibadat haji dan umrah jika memenuhi lima perkara iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkuasa.

(*Matla' Al-Badrain*: Hal 104)

## 3. DEFINISI KANAK-KANAK

- 3.1 Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001. (*Akta Kanak-Kanak*, 2001: 34);
- 3.2 Kanak-kanak adalah seorang yang digelar budak atau anak kecil yang dimaksudkan sebagai manusia muda iaitu seorang yang belum mencapai baligh serta belum tahu untuk membuat keputusan dengan sendirinya. (*Norly bt Jamil, Pengenalan dan Definisi kanak-kanak*);
- 3.3 Dalam Islam, istilah kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang belum baligh. Sebelum kanak-kanak mencapai umur baligh, mereka akan melalui peringkat sebelum *mumayyiz* dan peringkat *mumayyiz*<sup>4</sup>.

4 Jalal al-Din ‘Abd Rahman al-Suyyutiy. t.th. *al-‘Ashbah wa al-Naza’ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-Shafi'iyyah*. Al-Halabi: Kaherah. Hlm. 240; Zayn al-‘Abidin bin Ibrahim bin Nujaym. *al-‘Ashbah wa al-Naza’ir ‘ala madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*.

- 3.4 Peringkat sebelum *mumayyiz* bermula dari saat kelahiran seseorang kanak-kanak sehingga usianya mencapai tujuh tahun. Sepanjang tempoh ini, kanak-kanak belum mampu membezakan antara yang baik dengan yang buruk serta tidak dapat memahami kesan atau akibat bagi sesuatu perbuatan dan belum mempunyai keupayaan untuk memahami (idrak). Peringkat umur ini, kanak-kanak disebut sebagai kanak-kanak yang belum *mumayyiz*<sup>5</sup>.
- 3.5 Peringkat *mumayyiz* akan bermula apabila kanak-kanak telah cukup umur tujuh atau lapan tahun<sup>6</sup>. Penetapan umur tujuh tahun sebagai umur *mumayyiz* adalah berdasarkan Hadis yang diriwayatkan oleh Abdul Malik bin Rabi' bin Sabrah dan ayahnya daripada datuknya yang bermaksud:

مُرْوُا أَوْ لَادُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ

“Ajarlah (atau suruhlah) kanak-kanak bersembahyang ketika berumur tujuh tahun dan pukullah dia ketika berumur sepuluh tahun”<sup>7</sup>.

- 3.6 Pemahaman daripada Hadis di atas adalah suruhan Rasulullah SAW kepada ibu bapa supaya mengajar solat kepada kanak-kanak apabila usia mereka mencapai tujuh tahun. Pengajaran tentang mendirikan solat tidak dapat dilakukan melainkan seseorang itu mempunyai kemampuan berfikir. Secara tidak langsung, hadis ini menerangkan kemampuan berfikir akan wujud apabila seseorang kanak-kanak berusia tujuh tahun.

1378H/1968. Mu'assasah al-Halabi: Kaherah. Hlm. 306. “Tiga orang yang tidak dikira sebagai bertanggungjawab ke atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidak sehingga dia sedar daripada tidurnya, seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan seorang yang gila sehingga dia siuman” al-Darimiyy. *Sunan*. Kitab al-Hudud, Bab Raf'u al-qalam 'an thalath.

5 Abd al-Qadir cAwdah. 1994. *al-Tashri'c al-Jina'i al-Islami: Muqaranan bi al-Qanun al-Wadi'i*. Jil. 1. Ed. Ke-13. Mu'assasah al-Risalah: Beirut. Hlm. 601.

6 Al-Hisniy. *Kifayah al-Akhyar*. Jil. 2. Hlm. 151; Muhammad Abu Zuhrah. t.th. al-Jarimah wa al-Uqbah. Dar al-Fikr al-'Arabi: Kaherah. Hlm. 162.

7 Abu Dawud. *Sunan*. Kitab al-Salah. Bab Mata Yu'mar al-Ghulam bi al-Salah; al-Tirmidhiy. *Sunan*. Kitab al-Salah. Bab Ma Ja'a Mata Yu'mar al-Ghulam bi al-Salah.

Oleh itu, kanak-kanak yang sudah mencapai tahap pemikiran *tamyiz* disebut sebagai kanak-kanak *mumayyiz*<sup>8</sup>. Apabila kanak-kanak mencapai umur baligh, mereka dianggap mempunyai kemampuan berfikir dan boleh membuat keputusan yang munasabah mengenai sesuatu perkara terutama yang berkaitan dengan dirinya.

- 3.7 Cara untuk menentukan baligh seseorang kanak-kanak ialah melalui baligh secara *tabi'i* dan baligh berdasarkan umur. Kanak-kanak perempuan dianggap mencapai umur baligh apabila didatangi haid<sup>9</sup> dan bagi kanak-kanak lelaki apabila keluar air mani<sup>10</sup>. Manakala penentuan baligh berdasarkan umur ditentukan apabila tanda-tanda fizikal tidak berlaku pada tubuh badan kanak-kanak. Oleh itu, *fujaha'* meletakkan tahap umur tertentu sebagai umur baligh. Mengikut mazhab Hanafi<sup>11</sup>, Syafie<sup>12</sup>, dan Hanbali<sup>13</sup>, seseorang kanak-kanak dianggap

---

8 Muhammad Salam Madkur. 1976. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Nahdah: Kaherah. Hlm. 81.

9 Pendapat ini berdasarkan hadis Nabi SAW bahawa Asm' bin Abu Bakar masuk ke rumah Rasulullah SAW dengan berpakaian yang nipis, lalu baginda berpaling daripada melihatnya dan bersabda: "Wahai Asma'! Apabila seseorang perempuan itu mencapai umur haid (baligh), maka tidak boleh dilihat padanya kecuali ini dan ini"- sambil baginda tunjukkan pada muka dan dua tapak tangannya. Lihat Abi 'Abda Llah Muhammad bin Idris al-Shaf'iyy. *al-Umm*. Jil. 2. al-Dar al-Misriyyah: Mesir. 1321H. Hlm.223. Lihat juga Abu Dawud. *Sunan*, Kitab al-Libas. Bab fi ma tubdi al-mar'at min zinatih;

10 Abi Ishaq al-Shiraziyy. t.th. *al-Muhadhdhab*. Jil. 1. Maktabah 'Isa al-Babi al-Halabi: Mesir. Hlm. 330; al-Darimiyy. *Sunan*, Kitab al-Hudud, Bab Raf'u al-Qalam 'an thalath; ibid., al-Shaf'iyy. *al-Umm*. Jil. 2. Hlm. 223; Abi Muhammad 'Abda Llah bin Ahmad

11 Ibn al-Hummam. Sharh fath al-qadir. Jil. 30; al-Sarakhsiy. Al-Mabsut. Jil. 6. Hlm. 46. Pendapat yang mengatakan lima belas tahun sebagai umur baligh adalah berdasarkan pendapat Abu Yusuf dan Muhammad. Abu Hanifah diriwatkan meletakkan umur tujuh belas tahun bagi lelaki dan perempuan sebagai umur baligh dan dalam satu riwayat lain pula dikatakan pada umur lapan belas bagi lelaki dan tujuh belas tahun bagi perempuan. Lihat ibid., Ibn Qudamah. 1969. *Al-Mughni*. Jil. 4. Hlm. 346.

12 ibid., al-Shiraziyy. t.th. *al-Muhadhdhab*. Jil. 1. Hlm. 330; Ibn Qudamah. 1969. *Al-Mughni*. Jil. 4. Hlm. 346; al-Shaf'iyy. *al-Umm*. Jil. 2. Hlm. 223; Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah al-Qalyubiy dan Shihab al-Din Ahmad al-Barlasiy. 1956. *Hashiyatani Qalyubiy wa 'Umayrah*. Jil. 2. Ed. Ke-2. Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi: Mesir.

13 Shams al-Din Muhammad bin 'Abad Llah al-Zarkashiy. 1993. *Sharh al-Zarkashiy 'ala*

sebagai baligh apabila berusia lima belas tahun<sup>14</sup>. Bagi mazhab Maliki<sup>15</sup> pula menghadkan umur tujuh belas tahun sebagai umur baligh.

#### 4. Dalil Haji dan Umrah Kanak-Kanak @ Pensyariatan Haji dan Umrah

4.1 عن ابن عباس رضي الله عنها أن النبي صلى الله عليه وسلم لقي ركباً بالروحاء فقال من القوم؟ قالوا: المسلمين، فقالوا: من أنت؟ قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: فرفعت له امرأة صبية فقالت: ألهذا حج؟ قال نعم! ولكل حج أجر. رواه أحمد ومسلم وأبو داود والنمساني

4.2 عن السائب بن يزيد قال: حج أبي مع رسول الله صلى الله عليه وسلم في حجة الوداع وأنا ابن سبع سنين. رواه أحمد والبخاري والترمذى وصححه.

4.3 عن جابر رضي الله عنه قال: حجتنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم ومعا النساء والصبيان عن الصبيان وربينا عليهم. رواه أحمد وابن ماجة.

4.4 عن محمد بن كعب القرظي عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: أيما صبي حج به أهله فمات أجزاءت عنه فان أدرك فعلية الحج وأيما رجل مملوك حج به اهلف فمات أجزاءت عنه فان أتعف فعلية الحج. ذكره ابن حنبل في رواية ابنه عبد الله هكذا مرسل.

Difahamkan dari hadis-hadis tersebut bahawa sah haji kanak-kanak dan tiada gugur fardhu haji ke atasnya apabila dia baligh. Berkata Qadhi l'yad;

"4.5" جمعوا على أنه لا يجزئه إذا بلغ عن فريضة الإسلام إلا فرقة شاذة فقالت يجزئه لقوله (صلى الله عليه وسلم): نعم"

Yang bermaksud telah sepakat para ulamak bahawa tiada menggugurkan haji kanak-kanak akan haji fardhunya bila ia baligh kecuali segolongan puak yang ganjil (*az-Zahiriah*) yang menyatakan gugur haji fardhu bersandarkan kepada perkataan Rasulullah SAW: Iya.

#### 5. Pendapat Fuqaha Mazhab dan Tinjauan *Fiqh*

- 5.1. Secara umumnya jelas, jemaah haji dan umrah adalah tidak dilarang membawa kanak-kanak untuk melaksanakan ibadat haji atau umrah bersama-sama di tanah suci Mekah, malah ianya digalakkan kerana hukumnya sah bagi kanak-kanak

---

*mukhtasar al-Kharqiy*. Maktabah al-‘Aikan: Riyad. Hlm. 95.

14 Abu Dawud. *Sunan*, Kitab al-Hudud, Bab fi al-Ghulam Yusib al-hadd; al-Tirmidhiy. *Sunan*, Kitab al-Jihad, Bab ma ja‘a fi had al-bulugh al-raju‘ wa mata yufrad lahu.

15 Shams al-Din Muhammad al-Dusuqiy. t.th. *Hashiyah al-* Dusuqiy ‘ala al-Sharh al-Kabir. Jil. 3. Maktabah Zahran: Kaherah. Hlm. 293.

yang menyempurnakan rukun dan wajib haji atau umrahnya. Dikemukakan di sini hukum dan pandangan ulama yang turut menyokong pandangan ini:

- 5.1.1 Di dalam buku *Syarah al-Idhah fi Manasik al-Hajji Wa al-Umrah* menyatakan "ketahuilah bahawa kanak-kanak<sup>16</sup> tidak diwajibkan padanya menunaikan haji, tetapi sah hajinya seperti yang kami nyatakan pada akhir bab pertama. Sekiranya telah *mumayyiz* dan dia berihramkan dengan izin walinya. Jika dia ihram tanpa izin walinya, hukumnya tidak sah mengikut pendapat yang *asah*.<sup>17</sup> Jika dia diihramkan oleh walinya,<sup>18</sup> hukumnya juga sah mengikut pendapat yang *asah*. Jika dia belum *mumayyiz* walinya<sup>19</sup> ihramnya untuknya samada walinya dalam halal atau haram, samada dia melakukan haji untuk dirinya atau tidak. Tidak disyaratkan hadirnya kanak-kanak<sup>20</sup> dan berhadapan (menghadapnya) dengan ihram mengikut pendapat yang *asah*".
- 5.1.2 Gilasepertikanak-kanakyangtidak*mumayyiz*diihramkan oleh walinya, orang yang pengsan tidak harus orang lain ihramkannya<sup>21</sup> sama seperti sakit. Adapun wali yang diihramkan kanak-kanak atau dia izin untuknya. Bapa

---

16 Begitu juga kanak-kanak dan perempuan

17 Ini berbeza dengan puasa kerana ia tidak berhajat dengan harta. Sedangkan haji berhajat kepada harta dan kanak-kanak pula dihalang daripada penggunaan harta.

18 Daripada yang sudah *mumayyiz* maka mengikut pendapat yang muktamad hukumnya sah seperti mana yang disebut di dalam *Hasyiah* sedangkan Imam Nawawi mengatakan sebaliknya dalam *Syarah Muslim*.

19 Sifat ihram wali bagi bayinya dinyatakan dalam *al-Majmu'* iaitu dia berminat untuk menyediakannya (bayi) dalam ihram, maka jadilah dia dalam ihram dengan niat tersebut.

20 Jika sekiranya wali berada di *miqat*, sedangkan bayi tersebut belum lagi berada di situ dan wali niat bagi pihak bayinya maka hukumnya sah tapi makruh.

21 Samada wali atau rakannya kerana dia tidaklah hilang akal dan ada harapan untuk sembuh dan sedar dalam masa yang terdekat. Inilah juga pendapat Malik, Abu Yusuf, Muhammad dan Daud. Sedangkan pendapat Abu Hanifah sah ihram rakanya untuk orang yang pengsan tersebut secara *istihsan*.

yang melakukan demikian itu.<sup>22</sup> Begitu juga datuk ketika tiada bapa. Dan tidak boleh diambil peranan tersebut semasa adanya bapa. Pengurus wasiat dan pengurus sama seperti ayah mengikut pendapat yang sahih dan tidak diwakilkan kepada saudara lelaki, bapa saudara<sup>23</sup> atau ibu. Jika tiada wasiat maka tidak perlu diwakilkan kepada hakim (pemerintah);

- 5.1.3 Apabila kanak-kanak menjadi ihram, dia boleh melakukan apa yang dia mampu. Wali boleh melakukan apa yang kanak-kanak lemah untuk mengerjakannya. Jika dia mampu melakukan tawaf. Kalau tidak, hendaklah dibawa tawaf<sup>24</sup> oleh wali seperti terdahulu. *Sa'ie* sama seperti tawaf.<sup>25</sup> Wali hendaklah solat bagi pihaknya dua rakaat solat sunat tawaf jika dia belum mumayyiz lagi. Jika dia mumayyiz, dia boleh solat dengan sendirinya. Ada pendapat walinya juga solat untuknya. Disyaratkan membawanya ke Arafah dan menghadirkan dirinya ke Muzdalifah, dan tempat-tempat mauqif, bermabit di Mina, mengutip anak-anak batu dan melontarnya jika dia mampu. Sekiranya tidak mampu, wali bolehlah melontar untuk mereka yang tidak mampu melontar. Sunat diletakkan batu pada tangannya pada kali pertama. Kemudian dia mengambilnya dan melontar;
- 5.1.4 Tambahan daripada nafkah kanak-kanak dengan sebab musafir, wajib pada harta wali mengikut pendapat *asah*.<sup>26</sup> Ada pendapat menyatakan diambil daripada harta kanak-kanak;

---

22 Samada dengan dirinya atau dengan keizinannya.

23 Begitu juga *asabah* yang lain selain bapa dan datuk.

24 Dengan syarat bersihnya pembawa tawaf dan yang ditawafkan dengannya daripada kanak-kanak, orang gila dan yang tidak mumayyiz.

25 Iaitu wajib padanya jika sekiranya dia tidak mumayyiz dalam keadaan menunggang atau berkenderaan di mana wali atau yang diizinkannya sebagai pemandu atau pemimpin.

26 Kerana dia yang cuai dalam hal ini atau mahu membawa anak-anak tersebut.

- 5.1.5 Ditegah kanak-kanak yang berada dalam ihram<sup>27</sup> melakukan larangan ihram, jika dia memakai wangian, memakai baju kerana lupa, hukumnya tidak dikenakan *fidyah*. Jika dia sengaja, wajib baginya *fidyah* mengikut pendapat yang *asah* sama ada dia berlazatan dengan wangian dan pakaian atau tidak. Jika dia bercukur bulu atau memotong kuku atau meluputkan binatang buruan, wajib baginya *fidyah* disebabakan sengaja atau kerana terlupa;
- 5.1.6 Apabila wajib *fidyah*, maka ia diambil daripada harta wali mengikut pendapat yang *asah* jika dia berihram dengan izin wali. Jika dia berihram dengan sendirinya, dan kami sahihkannya,<sup>28</sup> hendaklah ia diambil daripada harta kanak-kanak;
- 5.1.7 Jika kanak-kanak bersetubuh atau dipersetubuh, sekiranya terlupa atau dipaksa, hukumnya tidak rosak haji mengikut pendapat yang *asah*. Dan wajib diqadha'kannya mengikut pendapat yang *asah*. Jika sekiranya dia mula qādha' kemudian baligh sebelum berwuquf di Arafah maka berlakulah untuknya haji Islam<sup>29</sup> dan dia perlu qadha'<sup>30</sup> semula;
- 5.1.8 Hukum orang gila sama seperti hukum kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* pada semua yang kami nyatakan.<sup>31</sup> dan

---

27 Iaitu yang *mumayyiz*. Adapu yang belum *mumayyiz* maka tidaklah dikenakan *fidyah*. Sama ada ke atas kanak-kanak ataupun wali. Ahli fiqh berkata: Sesungguhnya sengajanya kanak-kanak dan orang gila dianggap sebagai hukum sengaja jika kedua-duanya masih mampu dianggap sebagai *mumayyiz*.

28 Iaitu *Muqabil asah* sebagaimana yang terdahulu pendapatnya: *Jika seseorang berihram tanpa izinnya maka hukumnya tidak sah mengikut pendapat yang asah*.

29 Iaitu berlaku haji bukan kerana haji qadha' kerana haji Islam tidak boleh didahulukan daripda yang lain.

30 Iaitu yang kedua selepas selesai haji Islam.

31 Mengikut mazhab Syafie berkenaan dengan kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* dan orang gila yang tidak mengetahui sesuatu pun bahawa jika dia lakukan sesuatu yang haram dalam ihram maka tidak dikenakan sebarang *fidyah*. Berkenaan dengan kanak-kanak yang *mumayyiz*, jika dia berwangian atau memakai pakaian yang berjahit maka hukumnya sama seperti orang jahil. Jika sekiranya dia sengaja bercukur, memotong

5.1.9 Apabila kanak-kanak pada masa haji, hendaklah dilihat jika telah baligh. Selepas keluar waktu *wuquf* atau sebelum keluarnya dan selepas meninggalkan Arafah dan tidak kembali ke situ selepas balighnya, hukumnya tidak memadai dengan haji Islam. Jika dia baligh ketika *wuquf*, atau selepasnya dan kembali ke Arafah untuk *wuquf* seketika hukumnya memadai haji Islam.<sup>32</sup> Tetapi, wajib diulangi *sa'ie* jika dia melakukan *sa'ie* selepas *tawaf qudum* sebelum baligh, dan tidak dikenakan *dam* mengikut pendapat yang sahih. Tawaf pada umrah sama seperti *wuquf* pada haji. Jika dia baligh sebelumnya,<sup>33</sup> nescaya memadai daripada umrah Islam. Memerdekaan hamba pada masa haji atau umrah sama seperti balighnya kanak-kanak<sup>34</sup> ketika itu.

(Syarh al-Idhah fi Manasik al-Hajji Wa al-Umrah: hal. 405-412)

## 6. Ihram Kanak-Kanak

- 6.1 Ihram kanak-kanak adalah sunat sahaja. Harus seorang wali harta meniatkan ihram untuk kanak-kanak dan orang gila samada kanak-kanak itu *mumayyiz* atau belum, samada wali sudah tunai haji untuk dirinya atau belum;
- 6.2 Harus juga bagi wali harta memberi izin kepada kanak-kanak yang *mumayyiz* berihram dengan sendirinya. Tidak sah baginya berihram tanpa izin walinya mengikut pendapat yang muktamad;

---

kuku atau membunuh binatang buruan sekalipun secara lupa, maka *fidyah* dikenakan pada harta wali kerana kecuaian wali tersebut.

- 32 Begitu juga dia baligh selepas dua *tahallul* sebagai mana dalam *Hasyiah* kemudian dia pergi ke Arafah sebelum terbitnya fajar, nescaya memadainya daripada haji Islam dan wajib baginya melaksanakan tawaf, *sa'ie*, bercukur serta melontar Jamrah Aqabah secara ulangan. Di sini baki ke atasnya bermalam pada hari-harinya dan melontar pada hari-harinya.
- 33 Atau pada ketika itu sebagaimana menunjukkan seperti dalam *wuquf*. Inilah yang dijelaskan dalam *al-Majmu'*.
- 34 Begitu juga jika seorang yang gila sedar dan sembah selepas diihramkannya sebagaimana yang dinyatakan dalam *Hasyiah*.

- 6.3 Yang dimaksudkan wali harta itu ialah ibubapa dan datuk atau orang yang diwasiatkan, kemudian hakim atau wakilnya. Harus bagi wali izinkan seseorang niatkan ihram untuk kanak-kanak atau berniat untuk kanak-kanak kemudian diberikan kanak-kanak itu kepada orang yang membawanya untuk melakukan segala pekerjaan haji;
- 6.4 Cara berihram wali untuk kanak-kanak itu dengan niatkan seperti katanya;
- “Aku jadikannya berihram dengan haji” atau “dengan umrah” sekiranya ia berkehendak ihram dengan umrah. Tiada disyaratkan kanak-kanak itu hadir di hadapan ketika ia berniat, dan tidak pula wali itu jadi orang yang berihram dengan niat tersebut selama tidak diniatkan ihram bagi dirinya. Wajiblah ia membuang pakaian kanak-kanak yang diihramkan serta menggantikannya dengan pakaian ihram dan wajib pula ia menegahkan kanak-kanak itu daripada melakukan segala pekerjaan yang diharamkan dalam masa ihram. Ia wajib pula menghadirkan diri di tempat yang wajib seperti di Arafah, Muzdalifah, melontar jamrah, *tawaf* dan *sa'ie*. Tidak memadai (tidak sah) walinya saja yang hadir atau naib (penolongnya) tanpa kehadiran kanak-kanak.
- 6.5 Wali wajib menyuruh kanak-kanak mengerjakan semua pekerjaan wajib dalam ibadah haji dan umrah mengikut kemampuannya, dan mengantikannya pada mana-mana pekerjaan yang tidak terdaya dilakukan oleh kanak-kanak tersebut; dan
- 6.6 Disyaratkan dalam *tawaf*, wali dan kanak-kanak wajib berwudu’ kedua-duanya serta suci daripada najis, manutup aurat. Tidak sah wali atau pengantinnya melontar, melakukan *tawaf* dan *sa'ie* bagi kanak-kanak melainkan apabila sudah selesai bagi dirinya. Tidak sah *tawaf* dan *sa'ie* kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* tanpa menyertai wali atau naibnya. Tetapi kanak-kanak yang *mumayyiz* memadailah ia hadir sendiri pada semua tempat (*mawaqif*) dan ia melontar, *tawaf* serta *sa'ie* dengan sendiri.

## **7. Kanak-Kanak Melanggar Larangan Ihram**

- 7.1. Jika kanak-kanak yang belum *mumayyiz* melakukan perkara yang di haramkan dalam masa ihram, maka tidaklah wajib dikenakan dam ke atasnya juga ke atas walinya. Tetapi bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* wajiblah ke atas walinya membayar dam.

(Zadul-Hajj : hal. 131/132)

## **8. Persoalan-Persoalan Yang Kerap Berbangkit Tentang Haji dan Umrah Kanak-kanak**

- 8.1 **Apakah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak belum *mumayyiz*?**

Kanak-kanak yang tidak dapat membezakan antara cantik dan buruk, bersih dan kotor serta najis dan bukan najis.

- 8.2 **Orang yang pernah mengikut kedua-dua ibubapa mengerjakan haji sewaktu kanak-kanak, adakah masih bertanggungjawab kewajipan haji ketika dewasa?**

Jika dia belum baligh sewaktu mengikut kedua ibubapanya mengerjakan haji, tanggungjawab hajinya belum tertunai. Apabila dewasa, dia bertanggungjawab mengerjakan haji yang masih tertanggung bagi dirinya sebagai seorang Islam. Haji yang dikerjakan sewaktu kanak-kanak dianggap sah jika menepati segala rukun dan wajib haji. Ia dianggap sebagai haji sunat, manakala ganjaran pahalanya diberikan kepada kedua-dua ibu bapa kanak-kanak itu berdasarkan hadis yang direkodkan oleh Muslim:

Ibnu Abbas melaporkan Nabi Muhammad bertemu rombongan kenderaan di Rauha'. Nabi bertanya: "Siapakah kamu semua?" Mereka menjawab: "Orang Islam." Mereka bertanya: "Siapakah engkau?" Jawab Nabi: "Pesuruh Allah". Kemudian seorang wanita mengangkat anak kecil kepada Nabi dan berkata:

“Bolehkah anak ini mengerjakan haji?” Jawab Nabi: “Ya, dan engkau mendapat pahala.”

**8.3. Apakah hukum ibubapa yang sedang beribadah melakukan tawaf dan sembahyang sambil mendukung bayi yang lampinnya sedang menampung najis?**

Sekiranya ibubapa itu yakin bayi itu mempunyai najis, *tawaf* dan sembahyangnya tidak sah. Ini kerana, syarat sah sembahyang dan *tawaf* hendaklah bersih daripada najis pada badan, pakaian dan tempat. Apa yang perlu dilakukan, istinjakkan bayi terlebih dahulu sebelum dibawa ke masjid.

**8.4. Bagaimanakah cara mengerjakan haji bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz*?**

- 8.4.1 Hendalah si bapa ataupun wali berniat ihram bagi pihak kanak-kanak “Sahaja aku berihram dengan ihram haji ataupun umrah bagi anakku ataupun tanggungan ku kerana Allah);
- 8.4.2 Menyempurnakan rukun dan wajib haji. Anak ataupun tanggungan hendaklah dibawa bersama dalam setiap ibadah haji dan umrah. Jika anak ataupun tanggungan tidak dapat turut serta, ia hendaklah dilakukan oleh pihak si bapa atau wali. Perlu diingatkan, bapa atau wali handaklah melakukan sesuatu rukun dan wajib haji terlebih dahulu sebelum melakukannya bagi pihak si anak ataupun tanggungan; dan
- 8.4.3 Bapa atau wali hendak memberi tunjuk ajar dan menjaga pantang larang ihram supaya tidak dilanggar oleh si bapa ataupun tanggungan. Bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz*, tidak dikenakan dam jika melanggar pantang larang ihram. Bagi kanak-kanak yang sudah *mumayyiz*, wajib dikenakan dam.

### **8.5 Adakah sah haji kanak-kanak yang belum *mumayyiz*?**

Sah dan pahalanya dapat kepada kedua-dua ibubapanya. Namun kewajipan hajinya masih belum terlepas. Hukum sah haji kanak-kanak belum baligh adalah berdasarkan hadis yang direkodkan oleh Muslim pada nombor 269.

### **8.6 Apakah sah haji kanak-kanak yang sudah *mumayyiz* tetapi belum baligh?**

Sah dan pahalanya diberikan kepada kedua-dua ibu bapanya. Namun kewajipan hajinya masih belum terlepas. Hukum sah haji kanak-kanak belum baligh adalah berdasarkan hadis di atas.

(501 Soal Jawab Tentang Haji & Umrah: hal. 118-121)

### **8.7 Apakah hukum haji dan umrah kanak-kanak yang belum baligh?**

Tidak wajib ke atas kanak-kanak yang belum baligh menunaikan haji. Jika kanak-kanak yang *mumayyiz* (yang tahu membezakan antara kotor dan bersih), tahu kerja-kerja haji dan membuatnya sendiri, maka hajinya sah tetapi tidak menggugurkan fardhu haji dirinya. Ia boleh berniat haji bagi dirinya dengan syarat diizin oleh bapa atau walinya. Jika kanak-kanak itu belum *mumayyiz* dan ada bersama-sama bapa atau walinya, maka bapa atau walinyalah yang meniatkan dan melakukan kerja-kerja haji bagi kanak-kanak.

### **8.8 Bagaimana bapa atau wali berniat dan melakukan kerja-kerja haji dan umrah bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz*?**

Cara bapa atau wali berniat dan melakukan kerja-kerja haji bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* adalah seperti:

#### **8.8.1 Niat**

Bapa atau wali hendaklah berniat dalam hatinya

dengan menjadikan anak tanggungannya berihram.

Lafaz niatnya:

Sahaja aku mengerjakan haji atau umrah atau haji dan umrah untuk anakku tanggunganku dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.

- 8.8.2 Menyempurnakan rukun dan wajib-wajib haji:**  
Anak atau tanggungan itu hendaklah dibawa bersama untuk *berwuquf*, *bermabit* di Muzdalifah dan *bermabit* di Mina dan dicukurkan atau bergunting. Adapun *tawaf*, *sa'ie* dan melontar ibu bapa atau wali wajib mengerjakan kerja-kerja tersebut bagi dirinya sebelum daripada mengerjakannya bagi anak-anak yang tersebut.
- 8.8.3 Penjagaan larangan dalam ihram:**  
Bapa atau wali wajib menjaga anak atau tangungannya dari melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam ihram. Jika kanak-kanak itu (yang belum *mumayyiz*) melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam ihram tidak dikenakan dam. Tetapi bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* wajib disempurnakan dam.

**8.9. Apakah hukum haji yang dilakukan oleh kanak-kanak? Apakah ibubapa yang melakukan hajinya mendapat pahala?**

Haji yang dilakukan oleh kanak-kanak itu adalah haji sunat, tidak menggugurkan haji fardhunya. Ini bererti apabila ia baligh wajib ia mengerjakan haji fardhu. Ibu atau bapa yang melakukan hajinya dan mendapat pahala, berdasarkan hadith yang dikeluarkan oleh Abu Isa al-Tarmizi dengan katanya:

عن جابر بن عبد الله، قال: رفعة امرأة صبّا لها إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم. فقالت: يا رسول الله ألهذا حج؟ قال: نعم. ولكل أحى.

Maksudnya: Seorang perempuan telah menunjukkan anak lelakinya kepada Rasulullah SAW serta berkata, wahai

Rasulullah adakah bagi anak ini haji? Jawab Rasulullah SAW  
“Ya, dan bagi puan pahala.”

**8.10. Bolehkah kanak-kanak yang belum *mumayyiz* mengutip anak-anak batu dengan sendiri, atau walinya perlu mengutip untuknya?**

Boleh, dan seelok-eloknya wali hendaklah memungut dan memberi kepada anaknya untuk melontar atau wali melontarkan untuk anaknya.

(Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah : hal. 2-5)

**9. Haji kanak-kanak kecil**

- 9.1. Sifat haji kanak-kanak. Jika kanak-kanak tidak mampu tawaf dengan sendiri, adakah *tawafnya* sah jika didukung? Apakah kanak-kanak tersebut wajib membayar *kifarah*, jika tidak melaksanakan syarat haji yang dengan sempurna?
- 9.1.1. Disebabkan sah iham bagi kanak-kanak, maka ibubapanya yang bertanggungjawab kepadanya, iaitu dengan memakaikan pakaian iham kepadanya, meniatkan haji untuknya, talbiah atas namanya serta menuntutnya ketika bertawaf dan *sa'ie*. Tetapi, jika seseorang itu tidak mampu *tawaf* sendiri seperti kanak-kanak atau wanita yang menyusu, maka harus ia mendukungnya atau menggendongnya. Mengikut pendapat yang sahih bahawa memadai hanya dengan satu kali *tawaf* sahaja bagi mereka. Jika kanak-kanak melakukan sesuatu yang dilarang dalam haji kerana tidak mengetahuinya seperti memakai baju atau menutup kepala, maka tidak wajib membayar *kifarah* kerana tiada sengajanya. Tetapi jika kerana sengaja seperti memerlukan pakaian disebabkan kesejukan atau sebagainya, maka ibubapanya perlu membayarkan *kifarat* untuknya. (Syaikh al-Jibrin)
- 9.2. Kanak-kanak baligh ketika sedang menunaikan haji. Saya

menunaikan haji bersama keluarga ketika kecil. Lalu, pada 8 Zul Hijjah saya bermimpi basah. Kemudian saya mandi dan berihram serta melaksanakan haji sehingga selesai. Setelah selama tujuh tahun dari hari tersebut, saya bertanya-tanya apakah haji saya sempurna? Tambahan pula, tahun ini saya akan menunaikan haji bagi ibu saya (pernah menunaikan haji) yang telah meninggal dunia. Apakah haji yang saya bakal lakukan dapat menggantikan haji ibu saya? Apakah saya perlu menunaikan haji untuk diri saya terlebih dahulu dan kemudiannya barulah menunaikan haji untuk ibu saya pada tahun berikutnya?

9.2.1. Jika kanak-kanak telah baligh pada musim haji ketika *wuqf* di Arafah atau sebelumnya, atau mengerjakan umrah sebelum *tawaf* maka hajinya sudah mencukupi kewajipannya. Oleh yang demikian, jika kanak-kanak bermimpi basah pada hari kelapan wal hal ia berada di dalam ihram dan *wuqf* di Arafah selepasnya, maka hajinya sah. Ini adalah kerana dia sudah baligh ketika berada di Arafah. Maka dia boleh menggantikan haji ibunya atau orang lain dan tahun berikutnya dia boleh mengulangi haji baik untuk dirinya, mahupun ayahnya atau sesiapa saja yang dikehendakinya. (Syaikh al-Jibrain)

(Fatwa-Fatwa Haji & Umrah: hal. 39-41)

## 10. Kesimpulan Haji dan Umrah Kanak-kanak

10.1.1. **Sah haji kanak-kanak yang tiada *mumayyiz* dengan walinya**

Kanak-kanak tidak wajib ke atasnya mengerjakan haji tetapi sah dikerjakannya. Kanak-kanak yang tidak *mumayyiz* mengihramkan baginya oleh walinya sama ada walinya itu halal atau berihram samada ia telah mengerjakan haji bagi dirinya ataupun tiada.

### **10.1.2. Sah haji kanak-kanak yang *mumayyiz* dengan izin walinya**

Dan kanak-kanak yang *mumayyiz* ia berihram hendaklah dengan izin walinya. Jika tiada izin walinya, maka tidak sah hajinya menurut qaul yang *asah*. Dikehendaki dengan wali itu ialah:

- a. Bapa, kemudian
- b. Datuk/nenek, kemudian
- c. Orang yang diwasiatkan, kemudian
- d. Hakim.

Maka bapa yang mengihramkan kanak-kanak atau mengizinkannya datuk dan nenek ketika ketiadaan bapa. Adapun saudara lelaki, bapa saudara begitu juga ibu menurut qaul yang *asah* tidak sah mengihramkannya atau mengizinkannya berihram kecuali ada menerima wasiat atau menerima wilayah (hak penjagaan) dari hakim.

Sebagaimana dengan perempuan yang mengangkat kanak-kanak memperlihatkannya kepada Nabi Muhammad saw lalu berkata;

”أَلَهَاذَا حِجْر؟ قَالَ نَعَمْ! وَلَكَ أَجْرٌ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَمُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ“

Yang bermaksud “Bolehkah dihajikan bagi kanak-kanak ini? Jawab Rasulullah s.a.w, “Ia boleh, dan bagimu pahala.”

Jawapan kepada soalan ini ialah di dalam hadith itu tiada disebut ia (perempuan) berihram untuk kanak-kanak itu, jika ditakdirkan ia berihram untuknya boleh jadi ia ketika itu sebagai wasiat atau dimaksudkan dengan sabda Rasulullah SAW ”لَكَ أَجْرٌ“ yakni bagimu pahala maksudnya bagimu pahala membawa dan pahala nafkah.

### **10.1.3. Disyaratkan bapa itu mempunyai kelayakan dan mencukupi syarat-syarat wilayatul mal iaitu:**

- a. Baligh;
- b. Berakal;
- c. Bersamaan beragama di antara wali dengan yang diwalikan. Dengan itu tidak sabit wilayah bagi

- yang bukan Islam;
- d. Adalah yakni beristiqamah di atas perintah agama, berakhhlak yang mulia dan bermaruah (tidak fasik);
  - e. Berkemampuan untuk menjalankan kerja dengan amanah; dan
  - f. Memelihara maslahah dan kepentingan orang yang ia menjadi wali ke atasnya (الموالى عليه) di dalam menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

#### **10.1.4 Contoh berihram kanak-kanak**

Harus bagi wali berihram bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* dan yang tiada *mumayyiz* seperti berkata ia selepas dilekang daripadanya pakaian yang berjahit jika ia lelaki

(نوبت الإحرام عن هذا أو عن فلان)

Maknanya, sahaja aku berihram bagi kanak-kanak ini atau katanya

(جعلته محrama بذلك)

Maknanya, aku jadikan dia berihram dengan bahagiannya.

#### **10.1.5 Kehadiran kanak-kanak dan berihram**

Tidak disyaratkan kehadiran kanak-kanak dan berhadapan dengannya ketika wali berihram untuknya. Sah ihramnya sekalipun wali berada di miqat dan kanak-kanak itu berada di tempat lain sekalipun berjauhan, tetapi makruh kerana bimbang ia melanggar larangan-larangan ihram.

#### **10.1.6 Melakukan haji dan umrah**

Apabila kanak-kanak telah berihram maka ia akan melakukan dengan sendiri amalan pekerjaan haji dan

umrah yang mana ia mampu melakukannya dan wali melakukan yang mana ia tidak mampu melakukannya sendiri oleh kanak-kanak tersebut. Jika kanak-kanak itu mampu melakukan tawaf, maka diajarkannya akan cara bertawaf dan ia *bertawaf* dengan sendirinya. Jika tidak ditawafkan dia dengan syarat suci keduanya iaitu الطائف (wali) dan المطوف به (kanak-kanak) dan bersembahyang walinya dua rakaat *tawaf* untuknya jika belum *mumayyiz*. Sekiranya sudah *mumayyiz* maka solatlah ia dengan sendirinya.

#### **10.1.7 Di Arafah**

Bagi ibadat haji, disyaratkan membawanya ke Arafah untuk *berwuquf* dan ke Muzdalifah untuk bermalam. Serta membawanya ke Mina juga untuk bermalam dan untuk melontar dengan memberikan kepadanya anak-anak batu untuk melontar jamrah jika ia mampu. Jika tidak mampu, maka lontarkan untuknya oleh orang yang tiada lontaran ke atasnya.

#### **10.1.8 Memelihara diri dari larangan-larangan haji**

Wajib ke atas wali menegah kanak-kanak yang *mumayyiz* dari melakukan larangan-larangan ihram. Jika ia memakai wangи-wangian seumpama, atau memakai pakaian dengan keadaan lupa, maka tiada fidayah ke atasnya. Jika dengan sengaja, maka diwajibkan fidayah pada qaul yang assah. Adapun kanak-kanak yang *mumayyiz* tidak wajib fidyah ke atasnya dan juga tiada wajib ke atas walinya. Jika ia membuang rambut atau kuku atau membunuh binatang buruan maka wajib fidyah ke atasnya samada dengan sengaja mahupun tidak sengaja. Dan fidayah itu adalah dari harta walinya menurut qaul yang assah jika ada ia berihram dengan izin walinya. Jika ia berihram tanpa izin walinya di atas qaul yang mengesahkan ihram kanak-kanak *mumayyiz* tanpa izin walinya, maka fidayah di atas hartanya sendiri.

Hukum dam haji *tamattu'* dan *qiran* adalah sama seperti hukum fidyah kerana melakukan larangan-larangan ihram.

#### **10.1.9 Wajib Qada'**

Apabila ia bersetubuh (جماع) atau ia (kanak-kanak perempuan) disetubuh walhal dalam keadaan lupa atau dipaksa, maka tiada rosak hajinya. Jika dengan sengaja, maka rosak hajinya dan wajib qada'. Dan sah qada'nya semasa kanak-kanak lagi menurut qaul yang *asah*. Wajib kifarat dan terdapat khilaf tentang kifarat tersebut iaitu sama ada ada dari harta wali atau harta kanak-kanak itu.

### **10.2 Haji qada' menjadi haji fardhu jika baligh sebelum waktu**

Jikalau ia mengqada' lalu baligh sebelum *wuquf* di Arafah maka jadilah hajinya itu haji fardhu. Dan wajib di atasnya mengqada' hajinya yang rosak pada sebelumnya.

#### **10.2.1. Hukum haji dan umrah kanak-kanak yang baligh semasa mengerjakan haji**

Apabila baligh seorang kanak-kanak yang sedang mengerjakan haji hendaklah dilihat jika ia baligh selepas daripada habis waktu *berwuquf* atau sebelum habis waktunya dan ia maninggalkan Arafah dan tidak berpatah balik untuk *berwuquf* selepas baligh, maka dia tidak mendapat haji fardhu. Adapun jika ia baligh semasa *berwuquf* atau selepas *berwuquf* dan ia berpatah balik ke Arafah lalu *berwuquf* di dalam waktunya, maka jadilah hajinya haji fardhu. Tetapi wajib di atasnya mengulangi melakukan *sa'i* jika ia telah *bersa'i* selepas *tawaf qudum* sebelum baligh. Jika ia mengerjakan umrah dan baligh ketika *tawaf* atau sedang di dalam *tawaf*, maka jadilah umrahnya umrah fardhu dan wajib di atasnya mengulangi pusingan-pusingan *tawaf* yang terdahulu sebelum

baligh. Dan jika ia telah selesai bertawaf harus baginya *bertawaf* semula untuk mendapatkan umrah fardhu.

#### **10.2.2 Beberapa keadaan pada wali yang *bertawaf* dengan kanak-kanak sebelum *tawaf* bagi dirinya**

Beberapa keadaan wali yang *tawaf* dengan kanak-kanak sebelum *tawaf* untuk dirinya:

Jika *tawaf* wali dengan kanak-kanak sebelum ia *tawaf* bagi dirinya, maka terdapat padanya empat keadaan;

**Pertama:** Ia berniat *tawaf* bagi dirinya bukan untuk kanak-kanak maka *tawaf* itu adalah untuk dirinya, tiada dikira bagi kanak-kanak kerana ia tidak berniat untuknya. Maka hendaklah ia melakukan *tawaf* dengan kanak-kanak itu bagi kali yang kedua. Dan ada qaul yang mengatakan bahawa ia dikira bagi kanak-kanak itu juga.

**Kedua:** Ia berniat *tawaf* untuk kanak-kanak bukan untuk dirinya, maka terdapat dua keadaan:

- i. *Tawaf* itu untuk wali tiada untuk kanak-kanak kerana sesiapa yang wajib atasnya mana-mana rukun haji kemudian ia bersukarela melakukannya untuk orang lain maka kembali ia kepada yang wajib keatas dirinya.
- ii. *Tawaf* itu untuk kanak-kanak itu sahaja kerana yang menanggungnya sama seperti alat yang ditanggung.

**Ketiga:** Ia berniat untuk dirinya dan kanak-kanak, maka jadilah *tawaf* itu untuk untuk dirinya, tidak untuk kanak-kanak. dan ada qaul yang menyatakan untuk kedua-duanya.

**Keempat:** Tiada niat samada untuk dirinya mahupun untuk kanak-kanak, maka jadilah *tawaf* itu untuk dirinya kerana wujud perbuatan daripadanya dia atas sifat yang wajib di atasnya dan ketiadaan qasad yang menyalahinya serta qaul ketiadaan dan berhajat *tawaf* ini kepada niat kerana termasuk di dalam niat hajinya. Mengenai hukum *sa'ie* sama seperti hukum *tawaf* di dalam keadaan-keadaan tersebut di atas ini.

## 11. Penutup

Dinyatakan juga beberapa permasalahan berkenaan dengan perlaksanaan haji dan umrah kanak-kanak yang belum berkhatan. Begitu juga haji daripada harta haram seperti yang dijelaskan dalam *al-Majmu'*.

- *Ijma'* ahli ilmu bahawa gugur fardhu haji daripada kanak-kanak dan orang gila. Berkenaan dengan sah haji kanak-kanak, ia adalah pendapat Mazhab Syafie, Maliki, Ahmad, Daud dan jumhur ulama. Sedangkan pendapat Abu Hanifah yang masyhur daripadanya bahawa tidak sah haji kanak-kanak tersebut.
- Kanak-kanak dan hamba apabila berihram kemudian balighlah kanak-kanak dan dimerdekakan hamba sebelum habis tempoh waktu *wuquf*, maka kedua-duanya dihukum memadai daripada haji Islam (fardhu). Inilah pendapat Syafie dan Ahmad khususnya dalam masalah hamba. Sedangkan Abu Hanifah dan Malik berpendapat kedua-duanya tidak memadai.
- Sah haji dan umrah bagi yang tidak berkhatan di sisi mazhab Syafie dan kebanyakan ulama. Adapun hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abi Burdah RA, sabda Rasulullah SAW:

**Maksudnya:** “*Tidak sah haji yang berkulup (tidak berkhatan) sehingga dia berkhatan.*”

Hadis ini martabatnya dhaif. Ibn al-Munzir dalam kitab *al-Khitān* berpendapat hadis ini tidak *thabit* dan sanadnya *majhul*.

## BIBLIOGRAFI

**al-Quranul Qarim.**

Abdul Fatah Husein. 1997. **Idhah fi Manasik al-Haj Wa al-Umrah**. Cet. 3. Beirut: Maktabah al-Imdadiah.

Al-Imrani, Imam Yahya Bin Abi al-Khair Bin Salim. **Al-Bayan Fi Fiqh al-Imam As-Shafie**. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Abdul Faqir Al-Fatani Muhammad Bin Ismail Daud Fatani. **Matla' Al-Badrain**.

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji. 2009. **Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab Imam al-Shafie**. Jil. 2. Bangi: Darul Syakir.

Dr. Nasr Farid Mohd Wasil, **Fatawa Islamiyah.al-Maktabah al-taufiqiah, Qahirah, Mesir**, Jil.2.

Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid. 1420H. **Haji Kanak-Kanak**. Kertas Kerja Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke 15, Lembaga Tabung Haji Malaysia.

Dato' Haji Md Daud Che Ngah, Ustaz Muhammad Che Ngah. 2009. **Zadul-Hajj**. Darul Fikir: Kuala Lumpur.

Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2011. **Syarh al-Idhah fi Manasik al-Hajji Wa al-Umrah**, Darul Syakir: Kuala Lumpur.

Jabatan Kebajikan Masyarakat.T.t. **Akta Kanak-Kanak**, 2001.

Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani. 2005. **Al-Bahrul al-Wafi Wa al-Nahrus al-Shafi**. Kuala Lumpur: Khazanah Fathimiah.

Muhammad Idris al-Marbawi. 2006. **Bahru al-Madzi**. Juz 6.

Muhammad Bin Soleh al-Munajjid. **Fatwa Haji, Umrah dan Ziarah**. Karya Bestari.

Norly Bt jamil. T.t. **Pengenalan dan Definisi kanak-kanak.** T.t.

**Sahih al-Bukhari**, al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah, Dar Ibnu Kathir, Beirut, Cetakan Kedua 1987.

**Sahih al-Muslim**, Muslim Bin al-Hujjaj Abu Hussain al-Qusyari, dar Ihya al-Turas, Beirut.

**Soal Jawab Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah**, Lembaga Tabung Haji, Cetakan 2009.

Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz.2007. **Fatwa-Fatwa Haji & Umrah**. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Zulkifli Khair, Khair Abdul Salam dan Abdul Ghani Jalil. 2010. **501 Soal Jawab Tentang Haji & Umrah**, PTS Islamika: Selangor.



**Lost In the Crowd:  
The Needs of the Pilgrims Emergency Help Pole In Arafah**  
By:

Nor Haniza Ishak<sup>1</sup>  
Aniza Abdul Aziz<sup>2</sup>  
Norhanim Zakaria<sup>3</sup>  
Umi Kalsum Zolkaflie<sup>4</sup>  
Yacob Omar<sup>5</sup>

## **ABSTRACT**

Wuquf is regarded as the apex of the Hajj where the pilgrims are required to spend their (short) afternoon within a defined area of Arafat until after sunset. During this time Arafat experiencing difficulties in ensuring the smooth running of the hajj activities. Numbers of issues appear namely challenge in identifying the exact location, lack of public facilities and annual changes in the spot per country allocated for tents by the Saudi's government. On top of that all tents are of similar design, white in colour and located closely to each other. These cause unfamiliarity, disorientation of location and difficulties in identifying the exact tent for the pilgrims. In addition to it, the imbalance of ratio between pilgrims and muttawif (Hajj guide) added the complexity of the problem. The inability of muttawif to monitor and control the large number of pilgrims per group keep on increasing every year. As a result, there is a high tendency for the pilgrims to lose their bearing of direction during the Hajj rites.

Al Qur'an in surah Al-A'la-verse 8 states "And We will ease you (Muhammad, peace and blessings be upon him) toward ease (i.e. the

---

1 Dept. of Building Surveying, Faculty of Built Environment, UM, email norhanizaishak@gmail.com.

2 Dept. of Architecture, Faculty of Built Environment, UM, email anizaaziz@um.edu.my.

3 Dept. of Quantity Surveying, Faculty of Built Environment, UM, email norhanimz@gmail.com.

4 Dept. of Quantity Surveying, Faculty of Built Environment, UM, email umi@um.edu.my.

5 Dept. of Architecture, Faculty of Arch., Planning & Surveying, UiTM, email yacob\_omar@yahoo.com.sg.

righteous deed)". Here Allah the Al-Mighty, shows to the Messenger of Allah (peace and blessings be upon him) that He shall ease the way unto the state of ease in life and hereafter. In the website of the Ministry of Hajj of the Kingdom of Saudi Arabia, the message: "Be peaceful, orderly and kind. No crushing" which carry out the same intention, denote the importance of orderly and manage towards easing the people's needs. Therefore, the purpose of this study is to improve and solve the crowd control techniques in order to avoid misdirection of the pilgrims through a systematic identification of integrated pole/post which simplify direction and communication along the main and sub-main artery route. It is the intention of this paper to reduce the risks of getting lost in the crowd, be able to overcome the communication gap and create an easier yet effective way to find commonly acceptable signage or landmark for the pilgrims.

**Keywords** : Lost in the Crowd, Control of Pilgrims, Crowd Control Techniques, Systematic Identification Pole, Communication System

**Classification of JEL** : Z12

## **INTRODUCTION**

The Hajj is an obligatory pillars of Islam imposed on all adult Muslims at least once in their lifetime if they can afford it. It brings millions of Muslims from all over the world with hundreds of different languages and belonging to different countries and cultures. Hajj pilgrimage gathering in Arafah is the biggest gathering ever happens in the world. The whole crowds of pilgrims are unified in performing the same movements of ibadah at the same time by doing essentially the same thing (wuquf in Arafah)

Longman Dictionary (2003) defines crowd as a large group of people who gathered together to do something and occupying a particular place. In sum, the classic theory contends that:

'Crowds' are unified masses whose behaviors can be categorized as active, expressive, acquisitive or hostile.

'Crowd' participants are given to spontaneity, irrationality, loss of self-control, and a sense of anonymity.

According to the study conducted by Penn State University's Institute for Non-Lethal Defense Technologies (2001), crowds undergo a process that has a "beginning, middle, and ending phase." Specifically they are:

i. The Assembling Process

This phase includes the temporary assembly of individuals for a specific amount of time. Evidence suggests that assembly occurs most frequently by means of an "organized mobilization method" but can also occur by "impromptu process" such as word of mouth by non-official organizers.

ii. The Temporary Gathering

In this phase, individuals are assembled and participate in both individual and "collective actions." Rarely do all individuals in a crowd participate, and those who do participate do so by choice. Participation furthermore appears to vary based on the type and purpose of the gathering, with religious services experiencing "greater participation" (i.e. 80-90%).

iii. The Dispersing Process

In the final phase, the crowd's participants disperse from a "common location" to "one or more alternate locations."

## **CROWD MANAGEMENT (CM)**

Berlonghi (1995) defines crowd management as such:

CM includes all measures taken in the normal process of facilitating the movement and enjoyment of people. People attend an event for some purpose which can include being entertained, educated or to celebrate something. CM is the process of facilitating all activities and people so that this happens. CM assures people that they will get what they paid for and go home safely. This then includes ticket sales and ticket taking procedures, seating, ushering, parking, noise control, public announcements, concession stands, bathroom facilities, lost and found, communications, etc. In other simple words, if all these areas of an event

are properly organized, then what you are doing is managing the crowd so that it does exactly what you want it to do. You will end up being happy with their behavior, because they are doing what we want them to do.

Those involved in CM cannot be excused from the significant responsibility of providing the public with the highest standard of safety and security that is both possible and feasible. They must first foresee the nature of the crowd that will be in attendance. Secondly, they must be able to observe the behaviour of a crowd while an event is taking place and make timely decisions for effective action.

#### **a. Types of Crowds**

There are many different types of crowd in the theory of crowd management. Listed are specific types of crowd that mainly relates to the purpose of this paper:

- i. An ambulatory crowd is a crowd walking in and out of a venue, to and from parking areas or walking to use restroom or concession facilities.
- ii. A disability or limited movement crowd is a crowd of people that in some way are limited or restricted in their movement. Their level or lack of ability to walk, see, hear or speak may require more planning than is provided for all other spectators.
- iii. A participatory crowd is the crowd of people involved in the actual activities of an event. Sometimes these people may be professional performers or athletes. At other times the people attending the event are participating in an actual sport, such as a marathon. Children may go up onto a stage to perform at the invitation of professional performers.
- iv. A dense or suffocating crowd is one in which individual physical movement is rapidly becoming less likely or impossible due to the density of the crowd. People are attempting to move, but they are either swept along with the movement of the crowd or are falling on top of each other. The results of this compression of people are fatalities and serious injuries due to suffocation.

The following observations are unique to the Hajj gathering:

#### Crowd

Muslims are obliged to perform Hajj once in their lifetime. Many of them love to perform it more than it is required. It is performed on specific days every year (8<sup>th</sup> - 13<sup>th</sup> of the 12<sup>th</sup> Hijri month) in designated boundaries of Makkah, Mina, Muzdalifa and Arafat. The whole crowd makes the same movements at same time doing essentially the same thing.

#### Large Number of Oldsters

Many Muslims decide to perform Hajj when they are old. Moreover, many countries, in attempting to adhere to the quota, give preference to the elderly. Added to the crowd and exhaustion that they face, a significant number of them are exposed to falling sick or even loosing their lives.

#### Language Barrier

Pilgrims in Hajj season are, literally, coming from all countries on earth, with no exception. They speak different languages. It is a serious challenge when it comes to helping the lost or treating the patients.

#### Dress Code

The uniform of the pilgrim for the male consists of two pieces of garments, one is rolled around the lower part of the body and the other is put on the shoulder. There are no pockets to carry the belongings. Although pilgrims are allowed to put on a belt with small pockets, most of them do not prefer to carry valuable documents because of concerns to loose them in the crowd. The female pilgrims are not restricted to the two pieces of garment. Generally they also wear white garments covering their body from head to toe.

#### Accommodation

Due to the restricted duration for the pilgrims to stay in Arafat and Mina, the accommodations provided for them are temporary fabric white tents. In the scorching heat of the desert, white is the best colour to radiate

heat. White also represents purity. Within a group of tents, the tents are located very close to each other either with no spacing in between or only approximately one meter apart use that is commonly used as pathway.

### Transportation

There is severe mixing of the pedestrians with cars in the main artery route from Makkah, Mina, Mudzalifah and Arafat during the two mass pilgrim movements of Tase'ed and Nafra (Tase'ed: trip from Makkah to Arafat and Nafra: trip from Arafat to Muzdalifah, then to Mina and Makkah) due to the lack of adequate pedestrian pathways and signage directing the pedestrians to the existing main pedestrian route which exclusively caters for the pedestrians.

As a result of the above issues, the authorities face tough challenges every year, in spite of their continuous efforts to ease them. While it is a great spiritual experience for all the pilgrims, at the same time it poses great challenges of all sorts for the authorities responsible for facilitating the Hajj. The following are some of the common problems faced by the pilgrims and the authorities alike due to the issues mentioned earlier:

- Identification of pilgrims (dead or injured)
- Essentials information on the identification cards or badges is not standardize.
- Medical Emergencies
- Guiding lost pilgrims to their camps.
- Loss of identity documents
- Crowd control

Adding to the above problems, the natural climatic condition becomes a major contributing factor to the overall heat load; moreover, potentiated by heat dissipated from Hajj activities, including from the Hajj crowds, human activities, and the vehicles' masses exhaust. This situation is further synergized by some pilgrims' misbehavior (e.g. living in open sunny areas, using vehicles without roofs) and lack of awareness of the seriousness of heat exposure among them.

The high levels of ambient temperature, particularly in summer, the radiated heat from the sun and the surrounding mountains, and the heat

dissipated to environment from the tremendous number of vehicles, as well as the internal heat resulting from people physical effort related to Hajj rituals are all contributing to the problem of heat stress among Hajj pilgrims, resulting the incapability of them to perform the functions of Hajj due to the heat exhaustion.

### **SCENARIO OF THE CROWD AT ARAFAT**

The day of Arafat is one of the most important dates of the Muslim calendar, and a crucial part of Hajj. The day began after midnight. To illustrate the importance of Wukuf in Arafat, even the pilgrims who were admitted to the hospital in the early days of Hajj were brought to Arafat on the ninth of Dzul Hijjah and then return them to the hospital after the completion. They were released from the hospital under the supervision of the doctors from the medical hospital in Makkah.

The journey from Makkah to Mina, Arafat, Muzdalifa, Mina and back to Makkah tends to be very disorganized as the buses have to do two trips and many pilgrims do not have the patience to wait for the buses that the Mutawwif arranges for them. Some pilgrims prefer to walk from Makkah to Mina, which is 6 kms, through the covered walk-way. From Mina to Arafat, there is no covered walk-way. Mina ends where Muzdalifa begins. A little after Muzdalifa ends, Arafat begins.

The crowd at Arafat was so huge and it became very easy to get separated from each other, or just lost. Lines of buses crowded the streets, whilst throngs of people flooded in between the cracks. In 2009 Hajj season, Saudi banned the use of small vehicles for pilgrims, meaning anyone intending to do Hajj had to be aboard a group bus (Omar, 2009). To avoid the crowds, some pilgrims move one or two days earlier to camp in Arafat to avoid being disorganized.

According to As-Sayyid Sabiq (1991), sunnah pilgrims should leave Arafat quietly and peacefully after sunset following the footsteps of the Prophet (peace be upon him) who left Arafat very peacefully and quietly, holding the rein of his she camel very tightly that its head touched its back, while he said to the people, “O people, walk calmly; rushing or making haste is not a virtue” (reported by Bukhari and Muslim).

As for the identification measures, all six Moassasas in Makkah have a different colours. That of the South Asian Mossassas is yellow. In Mina and Arafat the sign boards of Maktab in Mina will be yellow. Location of camps in Arafat will be marked by tall yellow pillars. The South Asian Establishment called the Janoob Asia Moassasas is the largest among the Moassasas and looks after the South Asian pilgrims. Its flag post yellow pillars are supposed to be visible from a distance.

Pilgrims must always carry identification cards and, if lost, ask the way for "Moassassa Junoob Asia" or Indian Haj Office or "Baith Al-Haj Al-Hindiya". They must always remember the number of Moallim's Maktab, for example, if allotted to Maktab 12, then both in Mina and Arafat, they must always ask for the way to Maktab 12. In Arafat, pilgrims should pray at their own camp. If they intend to go to Jibl-e-Rahma or Masjid-e-Nimra, they should study their camp location and direction carefully before leaving. Otherwise, there is a distinct possibility that they will get lost.

## **DISCUSSION**

Since the rituals are bound by the time and also the space of the crowd, it can be uncontrollable. Hajj organizers have these advises to their pilgrims:

- i. There are good chances that pilgrims will get lost. In particular, during the six days of Hajj the entire area of Makkah, Mina, Arafat and Muzdalifa gets very confusing. It is like a sea of humanity. Most people dressed in Ihram, there are tents all over the place. Some Hujjaj get disoriented and lose their way.
- ii. There are "Pilgrim Assistance Booths" set up all over and they are chartered to help Hujjaj find their hotels, tents, Jamarat, Masjids, etc.
- iii. For a group of people, it is advisable to agree on "well known" locations to gather in case somebody gets lost.
- iv. Designate a set place to meet in Makkah, Mina, Arafat, & Muzdalifa. The landmark should be well known and accessible.

### **a. Why Pilgrims Getting Lost?**

The above suggestion of the crowd management may not work because of the following;

- i. Disorientation
- ii. Unfamiliarity
- iii. Lack of landmarks
- iv. Lack of signage
- v. Obstruction to sufficient view
- vi. Language barrier
- vii. Narrow path obstructing view
- viii. Long queues at the toilets
- ix. Age/Health factor
- x. Level of education/mentality.

It is easy for the pilgrims to get lost because of all the surrounding is white (white tents & white cloths). It is not easy to view landmark because of the obstruction to the line of vision due to the close proximity of the tents and big vehicles on the main artery route. The signage may not be high enough and limited. And most of the time views towards the signage are obstructed. Since some of the pilgrims are elderly, they might not be able to communicate in Arabic language and tend to use sign language which is quite easily misunderstood by others. Due to the extreme heat factor, sick and elderly people tend to get panic and worsen their health condition.

### **THE IDEA**

The purpose of this study is to improve and solve the crowd control techniques to avoid pilgrims getting lost in the midst of tents, pilgrims and vehicles in Arafat. The idea is to propose a systematic identification pole/post with a simplified built-in and user's friendly communication system. It is hoping that it will reduce the risks of getting lost in the crowd, overcome the communication gap and function as an ease-way finder signage or landmark for Hajj and Umrah trail. The proposed pole shall be located at certain distance along the main and sub-main artery route.

## **1. The Proposed Emergency Help Pole System**

The idea of the proposed emergency help pole combines the function of helium balloon and the emergency phone box found along Malaysian highway. The proposed system will make use of the existing maktab's numbering system and colour coding. The lost pilgrim should go to the nearest emergency pole and dial their maktab's standard number. The call will be connected to a control centre (i.e Public Switched Telephone Network) where the operator would then transmit the call to the designated muttawif hand-phone from the same maktab/country. The operator should have the designated muttawif hand-phone number in the control system. The mutawwif would then be able to speak directly to the lost pilgrim to give instructions on how to find their way back or send a rescue team to pick him/her.

Indirectly, the system enables the muttawif to take care of their own lost pilgrims. It reduces the communication problems between the Saudi temporary Hajj staff and pilgrims. By using the standard maktab's coding system, it can control the misuse of the emergency pole.

To ensure the effectiveness of the proposed idea, further study need to be done at the real site especially in determining the existing telecommunication system used during the Hajj season. The exact distribution and location of the poles shall also to be determined on site.

## **2. Physical Characteristics**

The physical characteristics of the proposed Emergency Help Pole are divided into 3 main sections:

### **i. The Signage Panel**

- Background of the signage panel shall be dark colour while the code number will be in lighter colour. This will create a high contrast to the signage feature and make the signage easily readable against the scorching and glaring sun.
- The signage shall be tall enough above the obstruction/degree of vision.
- Number coding will be in Arabic and Roman numerical.

### **ii. The Pole/Post**

- Temporary basis where the pole comes in parts and assembled on site when it is required.
- Parts are made from metal and high quality plastic.

### **iii. The Telephone Box**

- A set of telephone to be fixed in the box
- The design of the phone box is similar with the telephone booth
- Using lighter material for easy assembling.

## **3. The Merits**

Merits of the proposed emergency help pole system are:

- Sustainable
- Reusable-cost effective
- Flexible-easily erected and dismantled
- User's Friendly-using international maktab's standard numbering system.
- Controllable-avoid vandalism and theft
- Self-Monitoring-minimizing lost risk among pilgrims

The underground cable and stump would be the only permanent infrastructure left on site. However, the dismantled emergency help pole may need additional special storage while waiting for the next hajj season.

## **CONCLUSION**

In all aspects of life the ability to distinguish allows us to become more effective and competent at a particular activity. The more someone learns to distinguish in a certain area of life, the more confident and competent that person will become in that particular area. The learning must come first and be evidenced in the planning.

Mostly all problems with crowds can be prevented or quickly resolved when all the aspects of crowd management are well organized. Crowd management is proactive while crowd control is reactive.

Saudi authorities have instituted many range of measures, including

deploying more than 50,000 security forces. The Saudis are using more technology over the years to help ease the situation. Hundreds of electronic message boards were posted near tents and walkways, warning pilgrims what not to do or not to do. Public address speakers are also giving directions to health centre and provided traffic updates in several different languages.

However sophisticated the systems might be the problem of getting lost will always be facing the pilgrims. The lost pilgrims will ask officers and boy scouts in attendance many questions such as Hajj rituals and camp locations. The security forces and boy scouts may not be able to answer all the questions because of the language barrier. It would always be best for mutawwif to take care of their owned hajj pilgrims. The emergency pole system would then be able to be used not only in Arafat but also throughout the hajj areas.

## REFERENCES

- Alexander E.Berlonghi.1995.*Understanding and planning for different spectator crowds*. Journal of Safety Science 18. Elsevier.USA. 239-247.
- As-Sayyid Sabiq.1991. *Fiqh-Us-Sunnah, Hajj and 'Umrah*, pp 106.
- Longman Dictionary of Contemporary English, 2003, Rearson Education Limited, UK.
- Madbuli H. Noweir et al .2008. *Study of heat exposure during Hajj (pilgrimage)*. Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia.
- Omar Chatriwala. 2009. *A Crush at Arafat*, Middle East Blog, Nov. 26<sup>th</sup> 2009/
- S. Sarmady et al. 2007. *Evaluation of Existing Software for Simulating of Crowd at Masjid Al-Haram*. Jurnal Pengurusan JWZH. Vol 1. No 1.
- [http://en.wikipedia.org/wiki/Crowd\\_control](http://en.wikipedia.org/wiki/Crowd_control)
- [http://en.wikipedia.org/wiki/Incidents\\_during\\_he\\_Hajj](http://en.wikipedia.org/wiki/Incidents_during_he_Hajj)
- <http://www.sunniforum.com/forum/archive/index.php/t-3124.html>
- <http://ieeexplore.ieee.org/stamp/stamp.jsp?arnumber=04602508>
- <http://www.hajjcoreworkshop.org/forum/en/contents/presentations/IsamKaysi.pdf>
- <http://www.saudi-us relations.org/ articles/2008/ ioi/081211-hajj-reflections.html>
- <http://www.cgijeddah.com/cgijed/haj/orient/minaarafat.htm>
- <http://www.springerlink.com/content/67421x1q54m08838/fulltext.pdf>

<http://blogs.aljazeera.net/middleeast/2009/11/26/crush-arafat>

[http://www.jawhar.gov.my/sharing/sharing2/file\\_upload/Journal\\_Book.pdf](http://www.jawhar.gov.my/sharing/sharing2/file_upload/Journal_Book.pdf)

## **Amalan dan Sistem Perundangan Wakaf: Satu Analisis Terhadap Teori Pengaruh Luar**

**Razali Bin Othman<sup>1</sup>**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

E-mel: razaliupmh@yahoo.com

Tel: 04-653 4603; Faks: 04-653 2124

### **ABSTRAK**

Wakaf secara maknawi telah wujud sebelum kehadiran Islam lagi. Malah, amalan dan sistem perundangan berteraskan kebijakan seperti *res sacrae*, *piae causae* dan *fidei commissum* telah lama diamalkan dalam kalangan masyarakat Byzantin dan Rom. Amalan dan sistem perundangannya dikatakan mirip dengan amalan serta sistem perundangan institusi wakaf yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru, amalan dan struktur perundangannya didakwa telah mempengaruhi serta menjadi inspirasi kepada kewujudan institusi wakaf. Persoalannya, apakah sebenarnya asas pembentukan amalan dan sistem perundangan *res sacrae*, *piae causae* dan *fidei commissum*? Apakah dengan melihat kepada persamaan dari aspek amalan dan struktur perundangannya, institusi wakaf dikatakan terbina hasil daripada pengaruh dua kerajaan silam tersebut? Berlatar belakangkan senario di atas, kertas kerja ini ditulis dengan matlamat untuk mencapai dua tujuan. Pertama, mengenal pasti apakah asas kewujudan tiga amalan dan sistem perundangan berkenaan. Kedua, menganalisis hubungan di antara sistem berkenaan dengan institusi wakaf. Kajian ini berbentuk kajian penerokaan. Data yang digunakan diperolehi daripada kajian perpustakaan yang dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan teks tual. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa amalan dan sistem perundangan institusi wakaf sebenarnya wujud berdasarkan kepada tasawwur Islam,

---

<sup>1</sup> Razali Bin Othman merupakan Penyelidik Bersekutu di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM dan staf yang sedang berkhidmat di Universiti Putra Malaysia (UPM).

bertunangkan al-Quran, as-Sunnah Rasulullah SAW dan ijma' ulama. Sekaligus, menolak dakwaan orientalis barat yang mendakwa amalan serta sistem perundangannya dicipta daripada tamadun Byzantine atau Rom.

Perkataan Teras: Wakaf, Perundangan Wakaf  
Klasifikasi JEL : K19, Z12, Z13

## 1.0 Pendahuluan

Wakaf secara maknawi telah lama wujud dalam kalangan masyarakat sebelum kehadiran Islam lagi (Muhammad Abu Zahrah, 2007). Malah, penelitian yang dilakukan oleh Singer (2002) dan Hennigan (2004)<sup>2</sup> merumuskan dapatan yang sama iaitu wilayah dan masyarakat Islam mula dan berkembang di sesuatu kawasan yang jelas sekali penuh dengan tradisi dan amalan berteraskan kebajikan. Masyarakat di sekitar wilayah *Near East*, misalnya telah membenarkan pelbagai bentuk sumbangan bagi tujuan kebajikan yang melibatkan pemindahan harta daripada A ke B bagi faedah C (Hennigan, 2004). Harta tersebut pula hanya boleh digunakan bagi tujuan kebajikan secara berkekalan.

Situasi ini telah menimbulkan dakwaan bahawa institusi wakaf wujud daripada amalan dan struktur perundangan tersebut (Murat Cizakca, 2000; Barnes, 1986). Dakwaan ini turut disokong oleh Heffening (dipetik dalam Syed Khalid Rashid, 2002) yang membuat spekulasi bahawa pengaruh luar membantu pewujudan amalan serta sistem perundangan institusi wakaf. Persoalannya, sejauhmanakah benarnya dakwaan tersebut? Apakah dengan mengaitkan persamaan tersebut, institusi wakaf terus dikatakan wujud hasil daripada pengaruh luar? Berdasarkan senario di atas, artikel ini akan menjawab persoalan tersebut. Kertas kerja ini dimulakan dengan bahagian pertama sebagai pendahuluan. Bahagian kedua akan membincangkan pensyariatan wakaf daripada perpekstif al-Quran dan al-Hadis. Seterusnya, bahagian ketiga pula akan membahaskan asas yang menjadi amalan dan pewujudan institusi berteraskan kebajikan dalam sistem perundangan *ras-sacrae*, dan

---

2 Kajian Singer (2002:22-25) merujuk kepada masyarakat sebelum Islam di bawah tamadun Byzantine dan Zoroastrian. Sementara Hennigan pula menumpukan kajian di wilayah Timur Dekat (*Near East*) yang meliputi pelbagai tamadun sebelum kewujudan kerajaan Islam.

*pale-causae* dan *fidei commissum*. Kritikan terhadap institusi-institusi berkenaan berdasarkan kepada pandangan para sarjana barat dan Islam dibincangkan secara menyeluruh dalam bahagian ke empat. Sementara bahagian terakhir, iaitu bahagian kelima pula akan merumuskan secara keseluruhan tujuan artikel ini ditulis iaitu bagi membuktikan bahawa asal usul amalan dan pewujudan institusi wakaf sebenarnya adalah berasaskan kepada tasawwur Islam yang bertunjangkan kepada al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW, bukannya perundangan dalam tamadun-tamadun yang didakwa oleh para sarjana barat.

### **Pensyariatan Wakaf**

Wakaf sebagai sebuah institusi<sup>3</sup> sosio-ekonomi yang berteraskan undang-undang Islam telah melalui perkembangan yang cukup luas dan menarik semenjak disyariatkan lebih seribu empat ratus tahun yang lalu. Amalan mewakafkan harta untuk tujuan kebaikan adalah merupakan satu sistem pemindahan harta dan manfaat daripada seseorang kepada pihak lain. Ini memperlihatkan pengakuan dan sifat keikhlasan dan pengorbanan seorang hamba kepada penciptanya tanpa mengharapkan sebarang ganjaran kecuali mengharapkan keredaan Allah SWT.

Para fuqaha sepakat menyatakan bahawa institusi wakaf telah disyariatkan oleh Rasulullah SAW di Madinah<sup>4</sup> yang kemudiannya telah

---

3 Mengikut Kamus Dewan (2007:581), institusi mempunyai dua makna, iaitu yang pertama merupakan badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu. Sementara itu, makna yang kedua pula ialah sebagai sesuatu (seperti agama atau ciri-ciri budaya) yang sudah berakar umbi atau menjadi kukuh dalam masyarakat. Bagi tujuan kertas kerja ini, kedua-dua makna di atas digunakan secara serentak iaitu sebagai satu organisasi dan elemen agama yang telah diterima oleh masyarakat.

4 Masjid Quba merupakan masjid yang pertama sekali dibina oleh Rasulullah SAW sebagai sebahagian daripada siri penting dalam misi perintah hijrah ke Madinah. Hal ini menjadi bukti kuat dalam amalan sejarah wakaf Rasulullah SAW. Tambahan pula, amalan ini disebut oleh Allah SWT dalam surah *al-Tawbah*, ayat 108 yang bermaksud, “Sesungguhnya masjid (Masjid Quba) yang didirikan berasaskan takwa dari semenjak hari pertama itu lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya kerana di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri dan Allah sangat menyukai orang-orang yang sentiasa bersih”. Masjid Nabawi juga dibina pada tahun pertama Hijrah yang sekali gus membuktikan bahawa wakaf mula diperkenalkan selepas kebangkitan Rasulullah SAW pada tahun pertama Hijrah. Lihat Osman Sabran (2002:9-10). Untuk bacaan tambahan tentang pensyariatan wakaf, lihat

diperkuuh lagi melalui ijmak ulama. Namun begitu, tidak dapat dinafikan al-Quran juga menyediakan asas kukuh yang mendorong kepada amalan berwakaf melalui ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep sedekah (*alms*). Konsep sedekah ini pula dikaitkan dengan maksud mendekatkan diri kepada Allah SWT (*taqqrarub*) dan galakan melakukan amal kebaikan (*qurba*) dengan matlamat akhirnya untuk mendapatkan ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT di hari akhirat (Razali Othman, 2005; Sanjuan, 2007). Ayat-ayat al-Quran<sup>5</sup> yang membawa maksud “mereka yang percaya dan membuat amal kebaikan” misalnya, disebutkan sebanyak 37 kali, yang jelas membuktikan bahawa umat Islam digalakkan untuk melakukan amal kebaikan bagi meraih ganjaran di dunia dan di akhirat (Stillman, 2000). Dalam hal ini, wakaf dijustifikasi sebagai satu bentuk sedekah yang istimewa kerana sifatnya yang kekal dan tidak boleh dipindah milik seperti dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal-amal soleh ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan (sebaliknya) orang-orang kafir menikmati kesenangan di dunia serta mereka makan minum sebagai mana binatang-binatang ternak makan minum, sedang nerakah menjadi tempat tinggal mereka” (Surah Muhammad, 7:12)*

Antara amal soleh yang disukai oleh Allah SWT adalah seperti yang dijelaskan dalam ayat tersebut iaitu apabila hambaNya berlumba-lumba membelanjakan harta kekayaan untuk kebaikan kepada mereka yang memerlukannya. Justeru, Islam telah menyediakan garis panduan dalam memperolehi, membelanjakan dan menentukan

---

Razali Othman (2001:1-19) dan Maree Mohammed Al-Bishi (2001:23-25).

5 Ayat al-Quran yang bermaksud “Mereka yang percaya dan melakukan amal kebaikan disebut dalam Surah Maryam 19:21, al-Anbiya’21: 94, al-Hajj 22 : 14, 22, 23, 50 dan 56, al-Shu’ara’26:227, al-Ankabut 29:7 dan 57, al-Rum 30:15 dan 45, Luqman 31:7, al-Sajdah 32:19, Saba’34: 4, Fatir 35:7, Sad 38:24 dan 28, al-Mu’min 40:58, Fussilat 41:8, al-Syura 42:22, 23 dan 26, al-Jaathiyyah 45:21 dan 30, Muhammad 47:2, dan 12, al-Fath 48:29, al-Talaaq 65:11, al-Inshiqaq 84:25, al-Buruj 85:11, al-Tin 95:6, al-Bayyinah 98:7 dan al-Asr 103:3.

kewajipan yang harus dilaksanakan oleh pemilik harta (Faizah ismail, 2000). Garis panduan ini menjelaskan supaya setiap individu mencari harta dengan jalan yang betul melalui sumber-sumber yang halal dan membelanjakannya dengan cara terbaik tanpa melakukan pembaziran seperti yang dijelaskan dalam Surah *al-Baqarah* 2:168 dan *al-Mulk* 67:15. Bersandarkan ayat al-Quran; surah *al-Baqarah*, 2:177, 2:261, 2:272, 2:274 dan *al-Isra* 17:26, Islam mewajibkan penyaluran zakat dan turut menggalakkan umatnya membelanjakan lebihan harta kekayaan mereka dengan berlumba-lumba mengejar kebaikan melalui derma atau sedekah<sup>6</sup>. Tanggungjawab ini adalah berasaskan kepada premis bahawa Allah SWT sebagai Pencipta dan Pemilik mutlak harta kekayaan. Apa jua yang manusia perolehi daripada usahanya adalah atas sifat kasih Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam firmanNya yang bermaksud:

*"Siapakah yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman yang baik supaya Allah SWT melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya. Dan Allah SWT menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya kamu semua dikembalikan".*  
*(surah al-Baqarah 2:245).*

Allah SWT menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang sanggup membelanjakan harta benda ke jalanNya seperti firmannya yang bermaksud:

*"Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (perbelanjaan*

---

6 Abdul Kadir Audah, (1983: 86-116) menjelaskan bahawa derma atau sedekah terbahagi kepada dua jenis iaitu sedekah wajib dan sedekah sunat. Sedekah wajib pula terbahagi kepada dua bahagian. Pertama ialah sedekah yang diberikan untuk tujuan mendaulatkan, mempertahankan, menyebarkan dan melaksanakan hukum agama Islam. Kedua, sedekah yang diberikan kepada orang yang benar-benar berhajat atau memerlukannya. Manakala, sedekah sunat pula ialah sedekah yang diberikan selepas selesai menyempurnakan sedekah wajib mengikut kedua-dua jenisnya. Sedekah sunat terserah sepenuhnya kepada keikhlasan hati para penderma. Jika sedekah sunat ini dikeluarkan, seseorang itu akan beroleh pahala, kalau dia diam sahaja, sebaliknya jika dia berdiam sahaja, dia tidak berdosa. Oleh sebab itulah, sedekah ini disebut sebagai sedekah sukarela atau sedekah sunat.

*derma) ialah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi maha mengetahui". (Surah al-Baqarah 2:261)*

Dalam membelanjakan harta dan kekayaan, Allah SWT juga mengingatkan manusia supaya sentiasa berlaku jujur dan amanah<sup>7</sup>. Setiap tanggungjawab manusia terhadap harta akan ditanya di akhirat kelak<sup>8</sup>. Allah SWT milarang sekeras-kerasnya dan menjanjikan seksaan yang pedih kepada mereka yang tidak berlaku jujur dan bersifat amanah dengan menyimpan kekayaan seperti yang diceritakanNya dalam kisah kebakilan dan kealpaan Qarun<sup>9</sup> dan Tsa'labah bin Hathib Al Anshari<sup>10</sup>. Antara perbelanjaan secara sukarela yang digalakkan oleh Islam ialah melalui amalan berwakaf. Amalan berwakaf ini memberi peluang yang luas kepada individu yang memiliki harta untuk mendekati dan mensyukuri nikmat Allah SWT dengan membantu golongan yang memerlukan bantuan. Selain itu, wakaf juga berperanan dalam menyusun dan membangunkan kekuatan ummah serta kesejahteraan masyarakat dengan menekankan kepada prinsip keadilan dan muafakat (*al adl wal ihsan*).

Terdapat banyak bukti kukuh menunjukkan bahawa ayat-ayat al-Quran yang dibincangkan sebelum ini telah menjadi inspirasi dalam kalangan umat Islam untuk berwakaf. Dalam surah *Ali-Imran* 3:92, Allah SWT telah

- 
- 7 Maksud al-Quran, surah *al-Ahzab* 33:72, "Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya; dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan jahil".
  - 8 Maksud al-Quran, surah *yaasiin* 36:65, "Pada hari itu Kami tutup mulut mereka; kedua tangan mereka memberitahu Kami, dan kaki mereka menjadi saksi terhadap apa yang mereka telah usahakan".
  - 9 Kisah Qarun dicerita dengan jelas oleh Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-Qasas 28:76-84.
  - 10 Maksud al-Qur'an, surah *At-Taubah* 9:75, "Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah dengan berkata: Sesungguhnya jika Allah memberi kepada kami dari limpah kurnia-Nya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang yang soleh".

berfirman dengan maksudnya:

*"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi."*  
*(surah al-Imran 3:92)*

Sebaik sahaja mendengar ayat di atas, para sahabat Rasululullah SAW dan umat Islam yang kaya dan berharta berlumba-lumba untuk membuat kebaikan dengan mendermakan sebagai wakaf tanah-tanah dan kebun-kebun pertanian yang sangat mereka sayangi bagi mendapatkan keredaan Allah SWT. Sementara itu, ada juga sahabat Rasulullah SAW yang bukan daripada golongan kaya dan berharta yang telah sanggup memilih menjadi miskin serta sanggup membelanjakan apa sahaja harta yang mereka ada bagi menyahut seruan daripada ayat yang diturunkan oleh Allah SWT. Malah, Abu Talha, salah seorang sahabat Rasululullah SAW, sebaik sahaja mendengar ayat tersebut telah mencari Rasululullah SAW untuk menyerahkan harta yang paling disayanginya iaitu kebun kurma Bairaha, seperti yang diceritakan dalam hadis Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Anas b. Malik.

*"Diriwayatkan dari Ishaq ibn Abdillah ibn Abi Thalhah, bahawa dia mendengar Anas ibn Malik berkata, Abu Talha seorang Ansar yang paling banyak hartanya di Madinah, antaranya ialah kebun kurma dan harta yang paling disayanginya ialah Bairaha yang mengadap ke masjid. Anas berkata, ketika diturunkan ayat "Lan tanalu al-birr hatta tanfiqumimma tuhibbun", maka Abu Talha telah pergi mengadap Rasululullah SAW dan berkata, sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dalam kitabNya "kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebaktian yang sempurna sebelum kamu menyerahkan sebahagian daripada harta yang kamu cintai". Harta yang palingku cintai ialah Bairaha, dan Bairaha itu akanku sedekahkan kerana Allah SWT yang*

*aku harapkan kebaikan dan simpanannya di sisi Allah SWT, maka tentukanlah sedekah itu sebagaimana yang kamu sukai ya Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda, “itulah harta yang menguntungkan, itulah harta yang menguntungkan, aku telah mendengar apa yang kau katakan mengenai Bairaha. Sesungguhnya aku berpendapat agar engkau menjadikannya sebagai sedekah bagi kaum kerabat”. Abu Talha kemudiannya telah menjadikannya sebagai wakaf bagi kaum kerabatnya”. (Bukhari dan Muslim)*

Hadis di atas jelas membuktikan bahawa ayat-ayat al-Quran seperti yang dibincangkan sebelum ini telah menjadi asas kukuh yang membawa kepada amalan berwakaf. Hadis di atas juga telah menunjukkan bahawa sedekah atau wakaf yang paling baik dan digalakkan ialah amalan berwakaf kepada kaum keluarga atau kerabat terdekat. Kisah Abu Talha yang telah mewakafkan kebun kurmanya iaitu Bairaha, untuk kaum kerabat dan sanak saudaranya telah menjadi dasar kepada pewujudan wakaf keluarga atau wakaf zhurri.

Sementara itu, bukti juga menunjukkan bahawa Rasululullah SAW bukan sahaja sahaja sangat menggalakkan amalan berwakaf, tetapi baginda sendiri mengamalkannya sehingga menjadi ikutan dan contoh dalam kalangan para sahabat dan kaum muslimin. Rasullullah SAW juga telah menyerahkan semua harta rampasan perang yang diperuntukkan kepadanya sebagai harta wakaf (Gil, 1998). Petikan dua buah hadis berikut membuktikan bagaimana Rasululullah SAW sangat menggalakkan umat Islam untuk berwakaf. Dari Abu Hurairah ra bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda;

*“Apabila anak Adam telah meninggal dunia, maka putuslah semua amalnya kecuali tiga, sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan kedua ibubapanya”. (Riwayat Bukhari dan Muslim).*

Para ulama sepandapat bahawa sedekah jariah yang disebutkan dalam hadis di atas merujuk kepada amalan berwakaf. Ini jelas seperti mana

yang dinyatakan oleh Imam al-Rafi'i (dipetik dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid, 1999) bahawa wakaf merupakan salah satu amal yang sangat dituntut dalam agama Islam kerana ia termasuk dalam kelompok amal soleh yang pahalanya tidak akan putus-putus diberikan Allah SWT. Lazimnya, sumber-sumber terdahulu membincangkan ketiga-tiga amalan yang disebut dalam hadis di atas secara berasingan, namun, Murat Cizakca (1998) melihatnya dalam satu kombinasi yang merupakan elemen penting dalam wakaf. Tegasnya, umat Islam memerlukan institusi wakaf yang mampu melaksanakan ketiga-tiga amalan tersebut secara berterusan. Contoh harta wakaf yang bertahan lama dan memberi kesan yang besar kepada masyarakat ialah hospital Mansuri yang dibina oleh al-Mansur Qalawun (Sabra, 2000). Hospital yang dibina pada tahun 1248M itu bertahan dan terus memberikan perkhidmatan rawatan percuma kepada pesakit tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sehingga awal abad ke-20.

Para sahabat meneruskan amalan berwakaf seperti wakaf oleh Umar ra yang sangat masyhur dan telah menjadi *locus classicus* di kalangan ulama dan sarjana apabila membincangkan institusi wakaf. Peristiwa ini disaksikan sendiri oleh anak-anak Saidina Umar ra termasuk anak perempuannya iaitu Hafshah (Al-Khassaf, 1904:5-6 dipetik dalam Deguillhem-Schoem, 1986:49).


*"Umar mendapat sebidang tanah di Khaibar. Dia mengadap kepada Nabi Muhammad SAW untuk meminta musyawarah tentang tanah itu. Katanya, "Ya Rasulullah, aku mendapat tanah di Khaibar yang belumku dapatkan harta yang lebih berharga menurut pandanganku." Sabda Rasulullah SAW, "Jika kamu suka tahankanlah asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu, Saidina Umar ra menjadikan harta yang diperolehinya itu sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi. Saidina Umar ra menyedekahkannya kepada orang-orang fakir, kerabat, budak, sabilillah, Ibnu Sabil dan tamu". (Riwayat Bukhari dan Muslim).*

Hadis di atas ini juga menunjukkan bagaimana Rasullulullah SAW telah mengajar umat Islam untuk menjana, memindahkan dan membelanjakan harta mereka seperti mana yang dijelaskan oleh Syed Othman Alhabshi (1986). Menurut beliau, Saidina Umar ra ingin melawan keinginan mencintai harta yang berlebih-lebihan itu dengan mencari jalan lebih baik yang dapat mendekatkan dirinya dengan Allah SWT. Maka, Rasulullah SAW telah menyarankan supaya Saidina Umar ra menahankan tanah yang dimilikinya di Khaibar itu dan hasilnya dijadikan sedekah yang berkekalan untuk manfaat umat manusia. Syed Othman Alhabshi menegaskan bahawa tindakan Saidina Umar ra telah menunjukkan satu teori ekonomi<sup>11</sup> yang sangat penting yang selari dengan ajaran al-Qur'an. Perbuatan Saidina Umar ra ini telah menjadi asas kepada pewujudan wakaf khairi<sup>12</sup>. Wakaf telah menjadi amalan yang direbut-rebut di kalangan sahabat Rasulullah SAW dan juga kaum muslimin seperti kata Jabir ra:

*"Tiada seorangpun daripada sahabat Nabi SAW yang berkemampuan melainkan memberi wakaf. Ini telah menjadi ijma', maka sesungguhnya orang yang mampu mewakafkan harta dari kalangan mereka telahpun melakukannya, dan masyhurlah yang demikian itu, kerana itu tiada seorangpun yang membantahnya, maka jadilah yang demikian itu ijma".<sup>13</sup>*

- 
- 11 Wakaf mempunyai dua pendekatan ekonomi yang dapat meningkatkan nilai pelaburan jangka panjang. Pertama, kemampuan harta melalui pelaburan dan keduanya ialah cara menggunakan harta iaitu menggunakan hasilnya dan bukan harta itu sendiri. Kedua-dua sifat harta tersebut telah membuktikan bahawa amalan berwakaf bukan sahaja merupakan ibadat yang dijanjikan oleh Allah SWT dengan pahala yang besar, tetapi dalam masa yang sama, wakaf juga memainkan peranan sebagai mekanisme pelaburan bagi menghasilkan sumber pembiayaan dalam jangka masa panjang.
- 12 Wakaf khairi terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ialah wakaf wakaf yang tidak dikhaskan oleh pewakaf kepada pihak tertentu. Contohnya seperti seorang mewakafkan sebidang tanah untuk kebajikan am. Dalam wakaf ini, Nazir Wakaf (Pemegang Amanah) mentadbirkan tanah tersebut untuk apa jua bentuk pembangunan yang boleh memberikan hasil sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan/bentuk pembangunan tertentu. Sementara wakaf khas pula ialah wakaf yang manfaatnya dikhaskan kepada pihak tertentu sebagaimana yang di tentukan oleh pewakaf. Contohnya; Wakaf rumah khas untuk anak-anak yatim, Wakaf kedai hasilnya dikhaskan kepada masjid atau surau atau madrasah tertentu sahaja dan Wakaf untuk masjid, surau, madrasah, tanah perkuburan dan sebagainya. Lihat <http://www.jawhar.gov.my/index.php/ms/wakaf>.
- 13 Rujuk Departemen Agama RI (2005:145).

Perbincangan di atas jelas membuktikan bahawa institusi wakaf wujud hasil daripada inspirasi ayat-ayat al-Quran, saranan serta perbuatan Rasulullah SAW sendiri. Amalan dan sistem perundangan institusi ini kemudian diperkuuhkan lagi melalui ijmak ulama. Tujuan pensyariatannya pula ialah untuk seseorang itu mendekatkan diri dengan Allah SWT (*taqqarub*) dengan melakukan amalan kebaikan yang disukai oleh Allah SWT ketika hidup serta mendapatkan pahala sesudah mati (Mustafa al-Khin et al., 2011). Dengan kata lain, tujuan pensyariatan wakaf ialah untuk membina dan memenuhi hubungan antara manusia dengan makhluk (*hablunminannas*) dan hubungan manusia dengan Allah SWT (*hablunminallah*). Dalam memenuhi kedua-dua bentuk hubungan tersebut, amalan wakaf dilakukan selari dengan hukum syarak, bersendikan prinsip tauhid, syariah dan akhlak seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kedudukan Institusi Wakaf Tunai Berdasarkan Prinsip Tauhid, Syariah dan Akhlak

Prinsip tauhid<sup>14</sup> seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1 membawa maksud bahawa setiap umat manusia percaya hanya Allah SWT sahaja sebagai pencipta alam. Manusia pula merupakan hamba atau khalifah yang

14 Abdul Hamid Ahmad Abu Sulayman (1998) menegaskan prinsip tauhid terdiri daripada dua hubungan iaitu hubungan secara menegak dan mendatar. Hubungan menegak (*vertical dimension*) menunjukkan hubungan manusia dengan penciptanya iaitu Allah SWT. Hubungan mendatar (*horizontal dimension*) pula menggambarkan hubungan antara manusia dengan makhluk lain bersumberkan hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.

diberikan tanggung jawab oleh Allah SWT untuk menguruskan sumber-sumber yang ada di alam ini (Abdul Hamid Ahmad Abu Sulayman, 1998; Jamal Badawi, 2002). Sementara itu, prinsip syariah dan akhlak pula bertindak sebagai garis panduan dalam memastikan keseluruhan amalan dan pelaksanaannya adalah mengikut syariat yang ditetapkan oleh Islam. Ketiga-tiga prinsip ini iaitu tauhid, syariah dan akhlak dalam amalan wakaf tunai akan menjadi pelengkap kepada hubungan manusia dengan makhluk (*hablulminanas*) dan hubungan manusia dengan Allah SWT (*hablulminallah*)<sup>15</sup>.

### **Teori Pengaruh Luar terhadap Amalan dan Pewujudan Institusi Wakaf**

Deguillhem-Schoem (1986) dalam penelitiannya menyatakan bahawa asal pewujudan institusi wakaf dan pengaruh awal ke atasnya masih menjadi subjek perdebatan. Terdapat tiga teori pewujudan yang menjadi perbahasan dalam kalangan sarjana berkaitan pengaruh luar terhadap institusi wakaf (Sanjuan, 2007). Pertama, teori Pengaruh Luar yang terdiri daripada pengaruh daripada tamadun di sekitar *Near East* termasuk Rom, Byzantin, Farsi dan Yahudi. Kedua, teori yang mengaitkannya dengan pengaruh amalan masyarakat jahiliah. Ketiga, teori *eclectic position*. Di bawah teori yang juga disebut sebagai teori *composite* mengaitkan dua tamadun iaitu *Near Eastern* dan elemen Arab-Islam (Henningan, 2004).

Bagi tujuan perbincangan ini, tiga amalan dan sistem perundungan berteraskan kebijakan iaitu *piae-causae*, *res sacrae* dan *fidulcommisum* yang diamalkan oleh masyarakat Byzantin dan Rom iaitu akan dibahaskan. Tumpuan perbahasan ini dilakukan dengan tujuan untuk menjawab spekulasi terawal pengaruh luar terhadap pewujudan institusi wakaf yang dikatakan berpusat kepada dua kerajaan silam ini (Becker, 1911 dipetik dalam Uner Turgay, 2003:10; Hennigan, 2004).

---

15 Temubual dengan Sahibus Samaha Datuk Seri Haji Hassan b. Haji Ahmad, Mufti Negeri Pulau Pinang pada 6hb Mac 2013 dan Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyes Abd. Wahid Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor pada 13hb Mac 2013.

## **Amalan dan Sistem Perundangan *Piae-Causae* dan *Res Sacrae***

Bermula pada awal abad kesembilan belas, ahli-ahli sejarah membuat pengamatan bahawa struktur sistem perundangan *piae-cause* dalam tamadun Byzantin dan *res sacrae* dalam tamadun Rom mempunyai persamaan dengan struktur perundangan yang diamalkan dalam wakaf *khairi*. Seperti juga dalam sistem perundangan wakaf *khairi*, penyerahan harta dalam institusi *piae-causae* dibuat secara individu. Bahkan ia merupakan satu tindakan undang-undang yang sah dan berkuatkuasa tanpa memerlukan kelulusan daripada pihak gereja atau pemerintah. Harta-harta yang disumbangkan ini pula diuruskan secara kekal dan menjadi hak milik mutlak Tuhan mereka yang tidak boleh dipindahmilik dalam apa keadaan sekalipun (Duff, 1938). Sementara tujuannya pula adalah bermotifkan kebajikan iaitu untuk membantu golongan miskin, membebaskan banduan, membina rumah-rumah ibadat, hospital dan rumah-rumah penjagaan untuk orang-orang tua dan anak-anak yatim (Dementrios, 1968; Duff, 1926; Deguillhem-Schoem, 1986) Dengan melihat kepada persamaan, Barnes (1986) telah mendakwa pewujudan institusi wakaf dipengaruhi oleh tamadun luar. Beliau menyatakan begini:

*“By way of conclusion, it must be said that there is no direct literary evidence that a conscious grafting occurred between Byzantine and Islamic religious foundations. Nonetheless, the analogy between the legal conditions for creating *piae-causae* and principles set forth by (early Hanafi jurist) offers convincing argument that such a borrowing had in fact occurred.” Barnes (1986:16)*

Sistem perundangan *ras-sacrae* juga dilihat mempunyai persamaan dengan wakaf *khairi*. Di bawah sistem ini, harta yang wujud di dunia ini dibahagikan kepada dua kelas yang berbeza. Pertama, harta yang diletakkan di bawah kuasa manusia. Kedua, harta yang diletakkan di bawah kuasa Tuhan. Harta yang dikategorikan di bawah kelas kedua ini dianggap sebagai *res-sacrae* iaitu sangat suci dan mulia. Harta tersebut bukannya harta persendirian dan tidak dimiliki oleh sesiapun (*res nullus*) kecuali Tuhan mereka seperti rumah-rumah

ibadat, harta-harta yang terdapat dalam rumah ibadat tersebut seperti patung, kapal dan sebagainya dan tanah-tanah di mana ianya berada. Harta yang dianggap sebagai *res-sacrae* tidak boleh dijual, disewa atau dipindahmiliki kepada pihak ketiga dalam apa bentuk sekalipun termasuk hadiah atau derma (Frye, 1975).

Namun begitu, penelitian yang terperinci membuktikan terdapat tidak kurang daripada tiga perbezaan yang ketara antara amalan dan struktur perundangan dalam kedua-dua institusi ini. Pertamanya, *res-sacrae* hanya merujuk kepada objek-objek keagamaan seperti bangunan, tanah-tanah dan harta-harta untuk tujuan pemujaan keagamaan sahaja (Morand, 1910:114 dipetik dalam Hennigan, 2004). Harta-harta disebut tidak pula merujuk kepada harta kekal yang boleh dijana nilainya (*revenue-bearing property*) secara berkekalan. Keduanya, harta-harta yang diwujudkan dan diletakkan di bawah institusi *ras-sacrae* memerlukan kelulusan pihak kerajaan. Harta tersebut hanya boleh diserahkan melalui statut yang diluluskan atau melalui badan yang dipanggil *senates consultum*. Tiada seorang individupun dibenarkan untuk mewujudkan harta-harta *ras-sacrae* di bawah kuasa mereka sendiri. Sementara perbezaan yang ketiga ialah bangunan-bangunan yang dianggap suci dan mulia ini hanya dimiliki oleh pihak lelaki sahaja. Pengurusannya pula diuruskan oleh pihak pemerintah dan bukannya pihak individu (Barnes, 1986).

Perbezaan antara sistem perundangan *piae-causae* dan institusi wakaf juga dilihat agak ketara. Sistem *piae-causae* merujuk kepada pemegang amanah iaitu pihak yang dipertanggung jawabkan untuk menguruskan harta. Dalam sistem ini harta atau sumbangan yang diterima diberikan kepada pihak gereja. Pihak gereja ini kemudiannya menjadi pemegang amanah kepada pihak yang menyumbang (Duff, 1926). Dalam hal ini, pihak gereja selalunya diberikan ruang untuk membelanjakan harta dan sumbangan tersebut mengikut apa sahaja yang difikirkan sesuai selaras dengan peranannya sebagai pemegang amanah. Berdasarkan kepada amalan inilah, maka sebahagian ahli sejarah mengkategorikan amalan sumbangan Byzantin sebagai sumbangan untuk tujuan gereja, dan bukannya sumbangan untuk masyarakat yang dikawal secara bebas (Makdisi, 1981).

### **Amalan dan Sistem Perundangan *Fidulcommisum***

Amalan dalam sistem perundangan *fidulcommisum* pula dilihat lebih mirip kepada wakaf keluarga. Di bawah kedua-dua sistem ini penyumbang menyerahkan harta kepada keluarga atau keturunan dalam tempoh masa tertentu atau sehingga tamat nisab keluarga (Deguillhem-Schoem, 1986; Hennigan, 2004). Penerima yang dinamakan hanya mendapat manfaat daripada hasil harta tersebut yang secara prinsipnya tidak boleh dijual, diwariskan atau diberikan sebagai hadiah (Ahmad Faraj al-Sanhuri, 1949 dipetik dalam Hennigan, 2004).

Namun begitu, terdapat dua perbezaan yang ketara dalam sistem perundangan ini berbanding dengan institusi wakaf. Pertamanya, kedua-dua harta dan *usufruct* diserahkan keseluruhannya kepada keluarga yang dinamakan sebagai penerima manfaat. Perbezaan kedua pula ialah amalan pemindahan harta dalam sistem *fidulcommisum* berlaku selepas kematian penyumbang (*post-mortem*). Sistem ini sama seperti prinsip dalam amalan perundangan wasiat (Maitland, 1894; Johnston, 1988). Sedangkan dalam sistem perundangan wakaf, *usufruct* iaitu hasil daripada harta yang diwakafkan diserahkan kepada penerima sebelum kematian pewakaf lagi (*inter vivos*). Kegagalan sistem *fidulcommisum* menjelaskan idea pengasingan hak *usufruct* dan hak pemilikan asal harta berkenaan kepada penerima manfaat membuktikan bahawa kedua-dua sistem ini adalah berbeza. Ini sekaligus menolak dakwaan yang menyatakan bahawa wakaf dipinjam atau dipengaruhi oleh amalan *fidulcommisum* dalam tamadun awal Byzantin.

### **Pengaruh Temadun Byzantin dan Rom terhadap Amalan dan Sistem Perundangan Institusi Wakaf: Antara Fakta dan Falasi?**

Perbincangan sebelum ini membuktikan bahawa dakwaan amalan dan sistem perundangan institusi wakaf berasal usul daripada pengaruh luar tidak dapat diterima sebagai satu penemuan yang bersifat sangat. Persamaan struktur perundangan dalam temadun Rom atau Byzantin yang didakwa sebagai asas kepada pengaruh atau peminjaman ke atas amalan wakaf ini sebenarnya adalah bersifat luaran sahaja.

Dakwaan ini turut ditolak oleh Cattan (1955) yang menegaskan bahawa tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa sistem agihan

*usufruct* untuk kepentingan pelbagai golongan masyarakat wujud sebelum Islam. Menurutnya lagi, keistimewaan dan keunikan wakaf terletak pada konsep pengasingan hak milik daripada *usufruct*. Ia adalah merupakan konsep pertama pernah disumbangkan oleh perundangan Islam yang berbeza dengan konsep “wakaf” yang wujud sebelum datangnya Islam. Menurut konsep ini, institusi wakaf sebagai satu entiti atau “makhluk” baru, walaupun bukan manusia, tetapi tetap mempunyai hak dan tanggungjawab seperti seorang manusia biasa (Mohd Daud Bakar, 1999). Hujah beliau disokong oleh Creselius (1995). Menurut Creselius umat Islam digalakkan untuk menyerahkan harta mereka secara sukarela untuk kepentingan ummah. Mereka tahu mengenai tanggungjawab tersebut, dan institusi wakaf sendiri adalah merupakan satu keistimewaan bagi orang-orang Islam (Wahbah al-Zuhaili, 2011). Menurut Mohamad Akram Laldin *et al.*, (2006) dan Muhammad Abu Zahrah (2007) pula, tujuan disyariatkan wakaf dalam Islam pula ialah untuk kebaikan agama Islam itu sendiri. Oleh itu, menurut mereka lagi, apa sahaja yang membawa kebaikan kepada manusia, sama ada orang Islam mahupun bukan Islam, bahkan untuk kebaikan haiwan dan alam sekitar juga termasuk dalam kategori wakaf. Muhammad Abu Zahrah (2007) turut mempersoalkan; apakah ada jenis wakaf seperti ini ditemui dalam kegiatan penggunaan harta sebelum Islam mengaturkannya? Dengan bersandarkan kepada dua ayat berikut, Imam Shafii (dipetik dalam Mohd. Zain Othman, 1982) pula menegaskan bahawa institusi wakaf, baik dalam bentuk rumah atau tanah tidak pernah wujud di bumi Arab sebelum Islam.

*“Dan ia tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu tidak lain hanyalah wahi yang diwahikan kepadanya”.*  
*(Surah al-Najm 53:3-4)*

*“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya dari harta penduduk negeri dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan Rasulullah, dan bagi kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin serta orang musafir. Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya dari kalangan kamu.*

*Apa jua yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah ia, dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya". (Surah al-Hashr 59:7)*

Tegasnya lagi, amalan dan sistem perundangan institusi wakaf sebenarnya wujud secara perlahan-lahan melalui tradisi kenabian yang kemudiannya diperkuuhkan melalui ijmak ulamak. Hennigan (2004) telah menimbulkan persoalan yang sangat menarik dengan merujuk kepada kesan penaklukan orang-orang Arab dan kemasukan masyarakat bukan Islam di wilayah taklukannya ke agama Islam. Menurutnya;

*"I actually agree with the argument that the "waqf" is infused with elements of foreign practices. What I do not agree with, however, is the contention that these echoes of foreign practices make the "wakf" a "borrowed" institution. The creation of the signifier "waqf" was a unique Islamic solution to what may have been the predominant problem facing jurists in the third Islamic century – the creation of coherent Islamic law within the context of an increasingly heterogeneous." (Hennigan, 2004:52)*

Menariknya lagi, beliau turut menyebut bahawa sekiranya amalan-amalan asing menyusup masuk ke dalam sistem perundangan Islam, maka ia dibuat dengan tidak sengaja. Tindakan itu lebih merupakan karya hasil sampingan yang tidak dirancang oleh penulis dalam usaha mereka menjelaskan lagi bidang dalam sistem perundangan tersebut. Namun begitu, jika diperhatikan keghairahan sarjana-sarjana Barat membincangkan teori pengaruh asing ini hanya bertahan sehingga abad ke sembilan belas seperti mana yang dijelaskan oleh Crone (1987) melalui hasil penelitiannya tentang hilangnya minat pada pengaruh teori Roman secara mendadak di kalangan sarjana perundangan Islam. Dalam penelitian tersebut, Crone merujuk kepada perkaitan antara kerja Bergstrasser (1925) dan Nallino (1942), dan nukilan selepas perang

oleh Bosquet (1947), Hassan (1949) dan Wigmore (1949) yang telah menghujahkan bahawa amalan Arab sebenarnya, dan bukanlah budaya Rom yang diserapkan ke dalam perundangan Islam. Malah, tiada teori lain yang dibawa oleh para sarjana selepas kritikan ke atas teori Rom *ras sacrae* dibuat oleh Morand pada tahun 1910 (Henningan, 2004).

Barnes (1986) pula mendakwa bahawa analogi perundangan dalam mewujudkan *piae-causae* dan prinsip pewujudan wakaf yang ditetapkan oleh Imam Abu Yusof menjadi asas yang kukuh terdapatnya proses peminjaman yang berlaku dalam pewujudan institusi wakaf. Beliau melihat persamaan ini kepada analogi perundangan yang mungkin berlaku secara kebetulan. Malah, tiada bukti secara langsung yang boleh menghubungkan antara institusi wakaf dan *piae-causae* seperti mana yang diakui sendiri oleh Barnes (1986). Dalam hujahnya lagi, Barnes hanya mengambil kira pandangan Iman Abu Yusof. Sementara, asas-asas pandangan Iman Abu Yusof dalam menetapkan syarat atau hukum wakaf keluarga khususnya pula tidak dijelaskan secara terperinci. Tidak ada ayat atau surah dalam al-Quran yang melarang umat Islam berwakaf melebihi satu pertiga daripada hartanya seperti yang didakwa oleh Barnes. Perkara ini hanya disebut oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud;

*“Sesungguhnya Allah memerintahkan kalian bersedekah ketika kalian meninggal dunia dengan kadar sepertiga daripada kekayaan yang kalian miliki untuk menambah pahala amal perbuatan kalian”*

*(Riwayat Ibn Majah)*

*“Sepertiga harta, sepertiga harta sudah cukup banyak, sesungguhnya meninggalkan ahli waris kamu dalam keadaan kaya raya lebih baik dibandingkan membiarkan mereka fakir lalu mengemis pada sekelompok orang”*

*(Riwayat Ahmad bin Hanbal)*

Kegagalan Barnes dalam mengemukakan bukti berdasarkan rujukan yang tepat boleh menjadi asas untuk menolak hujah-hujahnya yang lain. Tambahan pula, wakaf tidak disebut secara nyata dalam al-Quran

dan al-Hadis seperti yang dibincangkan di atas. Ini telah menyebabkan para ulamak daripada semua aliran perundangan (mazhab) menggunakan pakai kaedah ijтиhad<sup>16</sup>. Singer (2002) juga menyebutkan dalam kajiannya sendiri bahawa keluwesan dalam amalan dan pembinaan perundangan institusi wakaf dibenarkan kerana terma wakaf tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran. Justeru, tidak hairanlah jika terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli *fiqh* ketika membahaskan isu wakaf. Ini kerana pandangan-pandangan tersebut yang tidak terlepas daripada pengaruh aliran sekolah perundangan atau mazhab, pengalaman, sosio budaya, struktur kekuasaan politik dan sistem perundangan yang berkuatkuasa di negara tersebut.

Penetapan syarat atau hukum oleh Imam Abu Yusof pula dalam hal ini tidak mewakili pandangan imam-imam dalam mazhab yang lain, mahupun pandangan masyarakat Islam secara keseluruhannya<sup>17</sup>. Hujah ini disokong oleh Imam Ahmad b. Hambal, Imam Malik dan Imam Shafie dengan menegaskan bahawa perkataan seseorang itu atau sekumpulan orang bukanlah perkataan terakhir yang boleh membentuk hukum kecuali perkataan daripada Rasulullah SAW sahaja (Ghulam Sarwar 1997). Perbezaan pendapat antara Iman Abu Hanifa dan anak muridnya Imam Abu Yusof seperti yang dibincangkan Barnes hanya berlitar dalam konteks pentafsiran hadis mengenai penggunaan harta yang dimiliki oleh Saidina Umar ra (Al-Ramli, 1967; Fatawa Hindiyah, n.d.: 350 dipetik daripada Siti Mashitah Mahamood, 2006).

Cahen (1961:51 dipetik dalam Hennigan, 2004) dalam karyanya membuktikan bahawa sistem perundangan *piae-causae* tidak mempengaruhi pembentukan dan amalan dalam sistem perundangan wakaf. Dalam hujahnya, Cahen mendakwa bahawa pengaruh Byzantin hanya terhad di Egypt dan tidak pernah melewati zaman dinasti Fatimiyah. Kejatuhan dinasti Fatimiyah kepada Salah al-Din

16 Ijtihad dibuat berdasarkan sumber-sumber syariah dengan berpegang kepada kaedah *istihsan*, *istislah* dan *uruf* bagi menilai dan menetapkan hukum berkaitan wakaf . Lihat Muhammad Yusof Faruqi (1992:5) dan Wahbah al- Zuhaili (2011:182).

17 Iman Abu Yusof sendiri, Iman Zufar and Imam Afiyah b. Zayd menyatakan bahawa seseorang itu tidak perlu mengikuti hukum yang telah ditetapkan, melainkannya seseorang itu benar-benar tahu serta memahami hukumnya itu dengan jelas asas yang menjadi pandangan mereka dalam membentuk hukum berkenaan Lihat Ghulam Sarwar (1997:28).

pada tahun 567/1171 pula telah membawa kepada perubahan dalam pengurusan dan pentadbiran negara termasuk wakaf. Dinasti Ayyubid di bawah Salah al-Din telah memperkenalkan wakaf dalam bentuk "oriental"<sup>18</sup> dan seterusnya menggantikannya dengan amalan setempat yang diinspirasikan oleh sistem Byzantin. Dalam rumusannya, beliau menyebut;

*"The claims of Byzantine influence on the Islamic waqf were "excessive" because the paie-causae neither reached beyond Egypt nor survived into the sixth/thirteen century". (Cahen, 1961:51-52 dipetik dalam Hennigan, 2004:55)*

VeseyGerald (1951) dengan merujuk kepada pengaruh Roman ke atas perundangan Islam mengklasifikasikan teori-teori tersebut sebagai andaian dan jangkitan. Dalam artikel yang lain, VeseyGerald (1955) mengetengahkan hujahnya bahawa amalan yang tampak seperti dipinjam antara perundangan Islam dan amalan di wilayah *Near East* yang sedia wujud adalah lebih merupakan kesan tindak balas serupa manusia kepada keperluan sosial. Menurutnya lagi:

*"At times during the Middle Ages the Islamic system appears to have marched on parallel lines with the canon law of the cristian church. Most of these parallel are due to what (David de) Santillana calls 'L'identite' essentielle de l'ame humaine. But whatever indebtedness there may be, the Islamic system remains unique and quite unlike any other." (VeseyGerald, 1955:110);*

Malah, Peter (2002), Calder (2004) dan Wael Hallaq (1990) turut membantah dakwaan tentang pengaruh asing terhadap perundangan Islam. Peter (2002) umpamanya telah menyatakan bahawa bukanlah sesuatu yang pelik bagi masyarakat yang berlainan untuk mencapai penyelesaian perundangan yang serupa bagi masalah-masalah

---

18 Beliau tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan "oriental".

yang sama. Beliau menambah bahawa sebelum persoalan pengaruh ditimbulkan, seseorang itu seharusnya meneliti terlebih dahulu sama ada kemunculan sesuatu doktrin atau institusi itu boleh dihuraikan berdasarkan sistem perundangan. Sementara, Calder (dipetik dalam Hennigan, 2004) pula menyatakan bahawa keaslian undang-undang menunjukkan persamaan antara budaya, sekalipun tidak wujud hubungan meluas antara keduanya.

Dalam hal yang sama, Wael Hallaq (1990) mengkritik ahli sejarah yang membuat andaian bahawa masyarakat Arab sebelum kemunculan Islam sebagai masyarakat primitif yang hanya menunggu untuk menerima cara hidup masyarakat daripada wilayah *Near East* yang dikatakannya lebih beradab. Beliau menyangkal premis amalan perundangan dan doktrindoktrin asing yang menjadi teras kepada perundangan Islam. Beliau juga menyuarakan rasa tidak percayanya terhadap pandangan umum yang diterima secara meluas yang menyatakan bahawa pengaruh asing memberikan sumbangan besar kepada perundangan Islam secara meluas. Menurutnya lagi;

*"The fundamental structural differences between Islamic and ancient Near Eastern legal system makes the identification of influences on the former by the latter virtually impossible; for though there persist a niggling suspicion of borrowing, this suspicion can be never confirmed, at least not with the present state of documentation. All that we, in fact, have some vague similarities between indigenous laws and the syari'a tat can never conclusively establish borrowing." (Wael Hallaq, 1990:90).*

Keunikan al-Quran yang merupakan asas kepada pembentukan perundangan Islamlah yang menjadi penghalang kepada resapan daripada pengaruh Rom, Byzantine, Parsi dan Yahudi. Maka atas dasar inilah, kata Wael Hallaq, kegagalan sarjana-sarjana Barat untuk membuktikan secara konklusif bahawa perundangan Islam dipengaruhi oleh tamadun asing.

## Kesimpulan

Perbincangan di atas jelas menunjukkan kegagalan sarjana-sarjana Barat untuk membuktikan secara konklusif bahawa amalan dan pewujudan wakaf adalah hasil daripada pengaruh Byzantine dan Rom. Dakwaan dan hujah yang diberikan khususnya dalam aspek amalan dan struktur perundangan adalah bersifat longgar, *superficial* dan sukar diterima secara sejagat. Amalan dan sistem perundangan institusi wakaf sebenarnya wujud berasaskan kepada tasawwur Islam, bertunjangkan al-Quran, as-Sunnah Rasulullah SAW dan ijma' ulama. Matlamat pewujudannya pula ialah sebagai pelengkap kepada hubungan *hablulminallah* dan *hablulminannas* yang bertunjangkan prinsip tauhid, syariah dan akhlak seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.1 sebelum ini. Kesimpulannya, keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT serta kebenaran Rasulullah SAW yang disebutkan dalam dua ayat dibawah menjadi asas pegangan umat Islam dalam kehidupan seharian. Inilah yang menjadi dorongan dan inspirasi dalam kalangan umat Islam yang membawa kepada pewujudan amalan serta sistem perundangan institusi wakaf.

*“Sesungguhnya orang yang beriman adalah mereka apabila disebut nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatnya, bertambahlah iman mereka (kerananya), dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal.” (al-Anfal, ayat 2)*

*“Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah” (al-Ahzab, ayat 21)*

## Rujukan

- Al-Quranul Karim (2000). LTQ.KDN.Q.913(44)96. Pulau Pinang: Percetakan Almuarif Sdn. Bhd
- Singer, A. (2002), Constructing Ottoman Beneficence: An Imperial Soup Kitchen in Jerusalem, Albany: State University of New York Press
- Turgay, A.U. (2003), Impact of Waqf Institutions on the Social and Economic Development in the Muslim World, McGill University: Institute of Islamic Studies
- Abdul Qadir, (2004), Waqf: Islamic Law of Charitable Trust, Delhi, India: Global Vision Publishing House
- Abu Sadat Nurullah, (2005), Ijtihad and Creative/Critical Thinking: A New Look Into Islamic Creativity, The Islamic Quarterly, Vol. 50, Issue 2
- Sabra, A. (2000), Poverty and Charity in Medieval Islam: Mamluk Egypt, 1250-1517, United Kingdom: University Press, Cambridge
- Adnan Trakic, (2009), The Legal and Administrative Analysis of Waqf in Bosnia and Herzegovina, Proceedings, International Conference on Waqf Law & Management, 20<sup>th</sup> - 22<sup>nd</sup> October
- Afzal-Ur-Rahman. (1994), Doktrin Ekonomi Islam, Vol. II, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Algunduz Ahmet, (1996), Dipetik dalam Turgay, A.U. (2003), Impact of Waqf Institutions on the Social and Economic Development in the Muslim World, McGill University: Institute of Islamic Studies
- Al-Dasuki, Sham al-Din al-Shaikh Muhammad (t.t) Hashiah al-Dusuki ala al-sharh al-kabir, Jil. 4. Misr. Isa al-Babi al-Halabi di petik dalam Osman Sabran. (2002), Pengurusan Harta Wakaf, Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai
- Ahmad Faraj al-Sanhuri, (1949), Majmu 'at al- Qawanim al-Misriyya, Cairo: Matba'at Misr, dipetik dalam Hennigan, P.C. (2004), The

Birth of A Legal Institution; The Formation of the Waqf in Third-Century A.H. Hanafi Legal Discourse, Boston: Brill Leiden

Ahmad Zaki Haji Abdul Latiff et al. , (2008), Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia, UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia: Pusat Penerbit Universiti (UPENA)

Al-Durr al-Mukhtar waRadd al-Muhtar dipetik dalam Wahbah al-Zuhaili, (2011), Fiqh dan Perundangan Islam, Jilid VIII, terjemahan Syed Ahmad Syed Hussain et al., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Al-Farabi (c.870-950) al-Madina al-fadila (The Virtuous City), terjemahan R. Walzer, Al-Farabi on the Perfect State: Abu Nasr al-Farabi's Mabadi' Ara Ahl al-Madina al-Fadila, (1985), Oxford: Clarendon Press

Al-Ustaz 'Abdul Hamid Hakim, (2006), Pelajaran Feqah Al-Mu'in Al-Mubin, Jilid 3 dan 4, Terjemahan Arab ke Bahasa Melayu oleh Sharif Zaini Daud, Terjemahan Tulisan jawi ke Roman oleh Noraine Abu, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers

Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud, Badai' al- Sanai'fi Tartib al-Shari, vol. 6, dipetik dalam Mohammad Tahir Sabit Haji Muhammad and Abdul Hamid Haji Mar Iman, (2006), Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the Recommended Alternative. Malaysian Journal of Real Estate, 1 (1)

Al-Khuza'I, Ali b. Takhrij, (1401), al-Dalalat al-Syam'iyyahMuhammad dipetik dalam Muhammad Yusof Faruqi, 1992. Early Fuqaha on the Development of Ijtihad, Hamdard Islamicus, Vol. XV, No. 3

Al-Maqdisi dipetik dalam Osman Sabran, (2002), Pengurusan Harta Wakaf, Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM, Skudai

Al-Sarakhsyi, al Mabsut, vol. 12 dipetik dalam Muhammad Tahir Sabit Haji Muhammad et al., (2005), An Ideal Financial Mechanism for

the Development of the waqf Properties in Malaysia, Reserch No. 75108, Universiti Teknologi Malaysia (UTM): Pusat Pengurusan Penyelidikan

Al-Terjani, (1992), Kitab al-Ta'rifat, Bairut:Dar al-Kitab al'Arabi, Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, (1999), Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Al-Khassaf (ash-Shaybani), (1904), Kitab ahkam al-awqaf, Cairo, Egypt dipetik dalam Deguillhem-Schoem, Randi Corolyn, 1986, History of Waqf and Case Studies From Damascus in Late Ottoman and French Mandatory Times, Phd

Aliyu Hamidu Alkali and Ahmadu Hammawa Song, (2006), The relevance of Ijma' in Solving Jurisprudential Problems In Islamic law, IIUM Law Journal, Vol 14, No. 1

Anderson, J.N.D. (1951), The Religious Element in Waqf Endowment, Journal of The Royal Central Asian Society

Bahaeddin Yediyildiz, (1996), Place of the Waqf in Turkish Cuktural System, Istanbul: The Foundation of Turkey

Barnes, J.R. (1987), An Introduction To Religious Foundation in The Ottoman Empire, The Netherland: E.J. Brill, Leiden

Becker, C.H. (1911), dipetik dalam Turgay, A.U. (2003), Impact of Waqf Institutions on the Social and Economic Development in the Muslim World, McGill University: Institute of Islamic Studies

Cattan, H. (1955), The Law of Waqf, in Law in the Middle East: Origin and Development of Islamic Law, eds., Majid Khadurri and Herbert J. Liebesny, Washington D.C.: The Middle East Institute

Che Zuina Ismail, (2005), Konsep dan Amalan wakaf Menurut Islam, dalam Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitumal dan Wakaf

di Malaysia, Pusat penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, Shah Alam, Selangor

Crecelius, D., (1995), Introduction, Journal of the Economics and Social History of the Orient (JESHO), Vol. 38, No.3

Dametrios, J. C. (1968), Byzantine Philanthropy and Social Welfare, New Brunswick, NJ: Rutgers University Press

Deguillem-Schoem, R. C. (1986), History of waqf and case Studies From Damascus in Late Ottoman and French Mandatory Times, New York University, Ph.d

Duff, P.W. (1926), The Charitable Foundations of Byzantium, in Cambridge Legal Essay Written in Honour of and Presented to Doctor Bond, Profesor Buckland, and Profesor Kenney, Cambridge: W. Hefer and Sons, Ltd.

Dumper, M., (1994). Islam and Israel Muslim Relgious Endowments and The Jewish State, Palestine: Institute For The Pelestine Studies

Duncan-Jones, R. (1982), The Economy Of Roman Empire, Cambridge: Cambridge University Press

Fawzi Muhammad. (1961), Pokok-pokok Hukum Islam II, Jakarta: Tintamas

Fratcher, W.F. (1971), The Islamic Waqf, Missouri Law Review

Frye, R.W. (1975), The Golden Age of Persia: The Arab in the East, New York

Gil, M. (1998), The Earliest Waqf Foundations, Journal of the New Eastern Studies, vol. 57(2)

Wael B. Hallaq (1990), "The Use and Abuse of Evidence: The Question of Provincial and Roman Influances in Early Islamic Law", *Journal of the American Oriental Society*

Hassan 'Abd Allah al-Amin, *al-Waqf fi al-Fiqh al-Islam*, (tt) dipetik dalam Mohd Daud Bakar, (1999), Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Hennigan, P.C. (2004), *The Birth of A Legal Institution: The Formation of the Waqf in Third-Century A.H. Hanafi Legal Discourse*, Boston: Brill Leiden

Hossein Esmaeili, (2009), *The Relationship between the Waqf Institution in Islamic Law and the Rule of Law in the Middle East* (2009) paper presented at International Conferences on Waqf Laws and Management, 20 -22 October 2009, Organised by International Islamic University, Malaysia

Ibnu Munzur, (1990), *Lisan al-'Arab*, Bairut:Dar a-Fikr, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, 1999. Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Ibnu Qudaimah, (1969), *Al-Mughni*, Kahirah:Maktabah al-Qahirah, Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, (1999), Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Johnston, D. (1988), *The Roman Law of Trust*, Oxford: Clarendon Press

Jurist, (1914), *Waqf*, dipetik dalam Hennigan, P.C. (2004), *The Birth of A Legal Institution: The Formation of the Waqf in Third-Century A.H. Hanafi Legal Discourse*, Boston: Brill Leiden

Kamus Dewan, (2002), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Koprulu, F. (1942), Vakif Mussesesiinin Hukuki Mahiyeti ve Tarihi Tekamulu, Valkifar Dergisi 2:3 dalam Murat Cicakca, (2000), The History of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century To The Present, Istanbul: Bogazici University Press

Kozlowski, G.C. (1985), Muslim Endowments and Society in British India (Cambridge: Cambridge University Press

Mahmud Muhammad Baadly, (1994), Pengurusan dan Penyelewengan Harta Dalam Pandangan Islam, Alih Bahasa Oleh H. Abdul Hadi M.A., Kuala Lumpur: Dinie Publisher

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, (1999), Konsep dan Amalan Wakaf di Malaysia, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Makdisi, G. (1981), The Rise of Colleges: Institution of Learning in Islam and The West, Edinburgh: Edinburgh University Press

Mohd Daud Bakar, (1999), Amalan Institusi Wakaf Di Beberapa Negara Islam:Satu Perbandingan, Seminar Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) Sdn.Bhd., BIMB Institute of Resaerch and Training Sdn. Bhd. (BIRT)

Mohd Zain Haji Othman, (1982), Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf, Kuala Lumpur: Prime Minister's Department

Muhammad Yusof Faruqi, (1992), Early Fuqaha on the Development Of Ijtihad, Hamdard Islamicus, Vol. XV, No. 3

Mohammad Tahir Sabit Haji Muhammad and Abdul Hamid Haji Mar Iman, (2006), Obstacles of the Current Concept of Waqf to the Development of Waqf Properties and the Recommended Alternative. Malaysian Journal of Real Estate, 1 (1)

Muhammad Yousuf Farooqi, (1992), The Institution of Waqf in Historical Perspective, Hamdrad Islamicus, Vol. 13, No. 1

Murat Cicakca, (2000), The History Of Philanthropic Foundations: The Islamic World From The Seventh Century To The Present, Istanbul: Bogazici University Press

Munzer Kahf, (1999), Towards The Revival of Awqaf: A Few Fiqhi Issues To Consider, Paper presented at the Harvard Forum On Islamic Finance and Economic, October 1, 1999, Harvard University, USA

Osman Sabrani, (2002), Pengurusan Harta Wakaf, Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai

Peter, R. (2000), Wakf, Encylopaedia of Islam, E.J. Brill, Leiden

Power, D.S. (2010), Wael B. Hallaq on the Origin of Islamic Law: A review Essay, Islamic Law and Society 17

Reazul Karim, (2007), International Waqf Conference, Cape Town, South Africa

Sait, S. and Lim, H. (2006), Land, Law and Islam, UN-HABATAT, London: Zed Books, UK Silk

Sanjuan, S.G. (2007), Till God Inherit The Earth: Islamic Pious Endowment in al- Andalus (9<sup>th</sup> – 15<sup>th</sup> Centuries), The Netherlands: Koninklijke Brill NV, Leiden

Sh. Aftab Hussin, (1989), Classification and Conditions of Auqaf, Hamdard Islamicus, vol. XII, No. 3

Stillman, A.N. (2000), Waqf and the Ideology of Charity in Medieval Islam, in Hunter of the East Studies in Honour of Clifford Edmund Bosworth, Vol. 1, ed., Leiden: Ian R. Netton, Brill Academic Publishers

Siti Mashitoh Mahamood, 2006. Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspective, Kuala Lumpur: University Malaya Press

Syed Khalid Rashid, (2002), Origin and Early History of Waqf and Other Issues, in Awqaf Experiences in South Asia, New Delhi: Institute of Objective Studies

Syed Othman Alhabshi, (1986), Konsep Wakaf dan Perlaksanaannya di Malaysia, Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pentadbiran Harta-harta Wakaf, Anjuran Bersama Majlis Agama Islam Perak dan Bahagian Hal Ehwah Islam, Jabatan Perdana Menteri, 24-25hb November 1986 di Otitorium Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak

Ziauddin Ahmad, (1991). Islamic, Poverty and Income Distribution, Leicester, United Kingdom: The Islamic Foundation